

D.R. 54/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG TATACARA
MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.
4. Tajuk am borang.

BAHAGIAN II

KESAN KETAKPATUHAN

5. Ketakpatuhan.
6. Permohonan untuk mengetepikan kerana tak teratur.

BAHAGIAN III

CARA MEMULAKAN PROSIDING MAL

BAB 1

AM

7. Cara memulakan prosiding *mal*.

BAB 2

SAMAN

Fasal

8. Bentuk saman.
9. Salinan saman.
10. Pengeluaran dan penyampaian.
11. Masa penyampaian.
12. Kehilangan saman.

BAB 3

PERMOHONAN

13. Bentuk permohonan.
14. Pemakaian seksyen 9, 10, 11 dan 12.
15. Permohonan perceraian.

BAB 4

TUNTUTAN ATAU PEMBELAAN LISAN

16. Tuntutan atau pembelaan lisan.

BAHAGIAN IV

PIHAK-PIHAK

BAB 1

AM

17. Tafsiran.
18. Percantuman pihak.
19. Perubahan pihak.
20. Kesalahcantuman dan ketakcantuman pihak.
21. Pindaan dan penyampaian.
22. Pemberhentian tindakan.
23. Penurunan kepentingan.

BAB 2

ORANG TAK BERKEUPAYAAN

Fasal

24. Orang tak berkeupayaan.
25. Persetujuan bagi pihak orang tak berkeupayaan.
26. Peruntukan am tentang ketakupayaan.
27. Presiding luar aturan.
28. Pemecatan penjaga *ad litem*.
29. Plaintif belum dewasa mencapai umur dewasa.
30. Defendan belum dewasa mencapai umur dewasa.

BAB 3

ORANG MISKIN

31. Permohonan untuk mendakwa atau membela sebagai orang miskin.
32. Orang miskin tidak boleh memberhentikan, dsb. tanpa kebenaran.
33. Kos.

BAHAGIAN V

PEGUAM SYARIE

34. *Wakalah*.
35. Penyampaian kepada Peguam Syarie.
36. Menukar Peguam Syarie.
37. Pelepasan Peguam Syarie.
38. Pelepasan atas permohonan Peguam Syarie.
39. Kematian.

BAHAGIAN VI

PENYAMPAIAN

BAB 1

PENYAMPAIAN DALAM BIDANG KUASA

40. Alamat bagi penyampaian.
41. Cara penyampaian.
42. Ketakterimaan.
43. Penyampaian kepada Peguam Syarie.

Fasal

44. Penyampaian di alamat bagi penyampaian.
45. Hari kehadiran.
46. Tempat dan masa penyampaian.
47. Kes khas.
48. Penyampaian ganti.
49. Bukti penyampaian.
50. Mengubah perintah.
51. Mengeluarkan waran sebagai ganti atau tambahan kepada saman.

BAB 2

PENYAMPAIAN DI LUAR BIDANG KUASA

52. Bila dibenarkan.
53. Bentuk perintah.
54. Cara penyampaian di luar bidang kuasa di dalam Malaysia.
55. Mengubah perintah.

BAHAGIAN VII

INTERPLIDER

56. Hak mendapatkan relief dengan cara interplider.
57. Tuntutan untuk mendapatkan barang, dsb., yang diambil dalam pelaksanaan.
58. Cara membuat permohonan.
59. Penyampaian saman.
60. Kuasa Mahkamah yang mendengar saman.
61. Kuasa lain.
62. Perbicaraan isu interplider.

BAHAGIAN VIII

PLIDING

63. Pernyataan tuntutan.
64. Defendan hendaklah menyampaikan pembelaan.
65. Bentuk pembelaan.
66. Tuntutan balas.
67. Pembelaan terhadap tuntutan balas.

Fasal

68. Pembelaan tawaran.
69. Jawapan.
70. Keengganan menerima pliding dan pindaan.
71. Butir-butir.

BAHAGIAN IX

PEMBAYARAN KE DALAM DAN DARIPADA MAHKAMAH

72. Pembayaran ke dalam Mahkamah.
73. Pembayaran daripada Mahkamah.
74. Penyelesaian sebahagian.
75. Perintah bagi pembayaran daripada Mahkamah.
76. Kos.
77. Relief lain.
78. Tawaran.
79. Tuntutan balas.

BAHAGIAN X

PINDAAN

80. Pindaan kepada saman atau pliding.
81. Pindaan kepada permohonan.
82. Presiding cacat.
83. Cara meminda.
84. Keciciran atau peninggalan.

BAHAGIAN XI

PENZAHIRAN

85. Penzahiran dokumen dan fakta.
86. Pemeriksaan dokumen.
87. Komunikasi dan dokumen terlindung.
88. Tiada rayuan terhadap perintah.

BAHAGIAN XII

PEMINDAHAN PROSIDING

Fasal

89. Pemindahan prosiding ke suatu Mahkamah yang lain.
90. Tatacara mengenai pemindahan.
91. Kos mengenai pemindahan.
92. Tatacara mengenai pemindahan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rendah Syariah.
93. Tatacara mengenai pemindahan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN XIII

PENYELESAIAN, PENARIKAN BALIK DAN
PEMBERHENTIAN

94. Penyelesaian tindakan.
95. Penarikan balik tuntutan.
96. Kesan penarikan balik ke atas prosiding selanjutnya.
97. Penggantungan.
98. Penarikan balik pembelaan.
99. *Sulk*.

BAHAGIAN XIV

KETERANGAN

BAB 1

AM

100. Keterangan hendaklah diambil secara lisan.
101. Keterangan melalui afidavit.

BAB 2

SEPINA

102. Permintaan bagi pengeluaran sepina.
103. Bilangan orang dalam sepina.
104. Sepina supaya dokuraen dikemukakan.
105. Meminda sepina.

Tatacara Mal Mahkamah Syariah⁷
(Wilayah-Wilayah Persekutuan)

Fasal

106. Penyampaian sepina.
107. Jangka masa sepina.
108. Rekod Mahkamah.
109. Kehadiran banduan sebagai saksi atau pihak.
110. Penawaran perbelanjaan.
111. Afidavit mengenai penyampaian sepina.

BAB3

AFIDAVIT

112. Membuat afidavit.
113. Bentuk afidavit.
114. Salinan dokumen hendaklah dilampirkan pada afidavit.
115. Menolak afidavit.
116. Pindaan.
117. Memfailkan afidavit.
118. Pemeriksaan balas.

BAHAGIAN XV

PENDENGARAN

119. Pendengaran di dalam Mahkamah.
120. Kehadiran.
121. Ketakhadiran pihak-pihak.
122. Tuntutan balas.
123. Tuntutan bersama.
124. Nota keterangan.
125. Dokumen atau ekshibit.
126. Susunan ucapan.
127. Kuasa Mahkamah.
128. Perbicaraan belum berakhir.
129. Penangguhan.

Rang Undang-Vndang

BAHAGIAN XVI

PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

Fasal

130. Penghakiman.
131. Penghakiman persetujuan.
132. Terma penghakiman atau perintah hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah.
133. Bila ansuran kena dibayar.
134. Perintah ansuran.
135. Penghakiman, dsb. yang menghendaki perbuatan dilakukan; masa untuk melakukannya.
136. Tarikh penghakiman atau perintah.
137. Penghakiman bagi harta alih.

BAHAGIAN XVII

RAYUAN

138. Tafsiran.
139. Notis rayuan.
140. Notis rayuan balas.
141. Alasan rayuan.
142. Rekod rayuan jika perayu diwakili.
143. Rekod rayuan jika perayu tidak diwakili atau merayu sebagai orang miskin.
144. Penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan.
145. Penghakiman hendaklah menyatakan alasan.
146. Pelaksanaan penghakiman atas rayuan.

BAHAGIAN XVIII

PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

BAB 1

AM

147. Kewajipan mematuhi.

BAB 2

PENGUATKUASAAN

Fasal

148. Penguatkuasaan penghakiman, dsb. bagi pembayaran wang.
149. Penguatkuasaan penghakiman bagi pemilikan harta tak alih.
150. Penguatkuasaan penghakiman bagi penghantarserahan harta alih.
151. Penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan.
152. Kuasa Mahkamah untuk menetapkan masa.
153. Pelaksanaan oleh atau terhadap orang yang bukan pihak.

BAB 3

PELAKSANAAN

154. Kebenaran untuk mengeluarkan perintah pelaksanaan.
155. Mengeluarkan perintah pelaksanaan.
156. Mengendorskan masa penyerahan.
157. Fee dan perbelanjaan yang akan dilevikan.
158. Penunaian.
159. Jenis pelaksanaan.
160. Penyitaan dan penjualan.
161. *Hiwalah*.
162. Wang dan harta di dalam Mahkamah.
163. Penyitaan dan penghantarserahan.
164. Deposit perbelanjaan.
165. Memasuki premis.
166. Resit.
167. Penggunaan hasil.
168. Perbelanjaan.
169. Penyata mengenai perintah.
170. Senarai inventori.
171. Arahan tentang pelaksanaan kewajipan bailif.
172. Penyerahan kepada bailif.
173. Pembayaran daripada Mahkamah.
174. Penjualan.

BAB 4

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN SAMAN
PENGHUTANG PENGHAKIMAN

Fasal

175. Pemakaian.
176. Permohonan untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman.
177. Mengeluarkan saman penghutang penghakiman.
178. Pemeriksaan penghutang penghakiman.
179. Permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman.
180. Mengeluarkan notis penghakiman,
181. Pendengaran notis penghakiman.
182. Perintah pengkomitan.
183. Pembayaran oleh penghutang penghakiman.
184. Perakuan penunaian.
185. Tarikh perintah pengkomitan.

BAHAGIAN XIX

PEMBAHAGIAN MENGIKUT KADAR

186. Hasil jualan pelaksanaan hendaklah dibahagikan mengikut kadar di kalangan pemiutang penghakiman.

BAHAGIAN XX

PROSIDING INTERLOKUTORI DAN PERINTAH INTERIM

BAB 1

PROSIDING INTERLOKUTORI

187. Cara membuat permohonan.
188. Notis permohonan hendaklah difailkan.
189. Penyampaian permohonan.
190. Afidavit.
191. Salinan dokumen.
192. Penangguhan.
193. Ketakhadiran.
194. Perintah *ex parte* boleh diketepikan.
195. Permohonan dalam prosiding.

BAB 2
PERINTAH INTERIM

Fasal

196. Pemakaian.
197. Kuasa Mahkamah untuk memberikan perintah interim.
198. Tiada rayuan terhadap perintah interim.
199. Penahanan, pemeliharaan, dsb. hal perkara kausa atau perkara.
200. Injunksi.
201. Perintah interim tentang *hadhanah*.
202. Perintah interim tentang nafkah.
203. Kuasa untuk memerintahkan diambil sampel, dsb.
204. Penjualan harta mudah musnah, dsb.
205. Perintah bagi perbicaraan awal.
206. Mendapatkan kembali harta alih yang tertakluk kepada lien, dsb.
207. Membenarkan pendapatan daripada harta yang menjadi hal perkara presiding.

BAHAGIAN XXI
KUASA HAKIM DAN PENDAFTAR

208. Kuasa Pendaftar.
209. Kuasa Hakim.
210. Rayuan kepada Hakim di dalam Kamar terhadap penghakiman, dsb., Pendaftar.

BAHAGIAN XXII
WANG DAN HARTA DI DALAM MAHKAMAH

211. Akaun bank Mahkamah.
212. Bayaran ke dalam Mahkamah.
213. Bayaran ke dalam bank.
214. Notis kepada orang yang berhak.
215. Pembayaran daripada Mahkamah.
216. Cara membayar.
217. Kiriman melalui pos.
218. Buku akaun.
219. Kos perkhidmatan.
220. Dana wang tak dituntut, dsb.

BAHAGIAN XXIII
KOS, ELAUN DAN FEE MAHKAMAH

Fasal

- 221. Fee Mahkamah.
- 222. Kos.
- 223. Taksiran kos.
- 224. Saksi.
- 225. Saksi pakar.
- 226. Elaun penginapan dan perjalanan.
- 227. Kehadiran dalam lebih daripada satu prosiding.
- 228. Saksi tidak dipanggil.

BAHAGIAN XXIV
PENGHINAAN MAHKAMAH

- 229. Notis menunjukkan sebab.
- 230. Penghinaan oleh pertubuhan perbadanan.
- 231. Presiding tanpa kebenaran.

BAHAGIAN XXV
PELBAGAI

- 232. Bahasa.
- 233. Borang.
- 234. Salinan diperakui.
- 235. Fee, deposit dan pembayaran.
- 236. Larangan ke atas pegawai Mahkamah.
- 237. Memberikan jaminan.
- 238. Memanjang atau memendekkan masa.
- 239. Perkara yang mengaibkan, dsb.
- 240. Kehadiran sendiri.
- 241. Penyampaian oleh Mahkamah lain.
- 242. Merekodkan keterangan sebelum pendengaran.
- 243. Surat permintaan.
- 244. Kuasa sedia ada Mahkamah.
- 245. Hukum Syarak.
- 246. Jawatankuasa Kaedah-Kaedah.
- 247. Kaedah-kaedah.
- 248. Pemberhentian pemakaian Enakmen.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan berhubung dengan tatacara *mal* bagi Mahkamah Syariah.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan terpakai hanya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta ini hendaklah mempunyai kuat kuasa dalam semua presiding *mal* yang dimulakan di mana-mana Mahkamah Syariah kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Pemakaian.

3. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"Akta Pentadbiran" ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993;

Akta 505.

"bailif" termasuklah Pendaftar atau mana-mana kerani atau pegawai Mahkamah yang dipertanggungkan bagi melaksanakan kewajipan seorang bailif;

"borang" ertinya borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, dan borang yang disebut dengan menggunakan suatu nombor ertinya borang yang dinomborkan sedemikian dalam Jadual itu;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

"Hakim" atau "Hakim Syarie" ertinya Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Akta Pentadbiran;

"hari kehadiran" ertinya hari yang ditetapkan dalam mana-mana saman atau presiding lain bagi kehadiran defendan atau mana-mana hari lain yang ditetapkan bagi pendengaran prosiding itu;

"lien" ertinya suatu hak atas harta seseorang penghutang penghakiman setakat keterhutangan itu;

"Mahkamah" atau "Mahkamah Syariah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pentadbiran;

"Majlis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pentadbiran;

"notis" ertinya notis bertulis melainkan jika dalam apa-apa hal diperintahkan selainnya oleh Mahkamah;

"orang belum dewasa" ertinya seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun;

"orang tak berkeupayaan" termasuklah seseorang budak, seseorang orang yang tak sempurna akal dan seseorang yang ditegah menguruskan hartanya;

"Peguam Syarie" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pentadbiran;

"pemiutang penghakiman" ertinya orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman bagi pembayaran wang sama ada secara ansuran atau selainnya;

"Pendaftar" ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, atau Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Akta Pentadbiran;

"penghakiman" termasuklah alasan penghakiman;

"penghutang penghakiman" ertinya orang yang bertanggung di bawah mana-mana penghakiman bagi pembayaran wang;

"terjemahan diperakui" ertinya terjemahan apa-apa dokumen yang diperakui betul oleh pegawai Mahkamah atau oleh mana-mana orang lain yang diterima oleh Mahkamah.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini dan tidak ditakrifkan dalam Akta ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak. *Akta 388.*

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

4. Tiap-tiap dokumen, termasuk borang, yang difailkan di Mahkamah hendaklah mempunyai tajuk am seperti dalam Borang MS 1. *Tajuk am borang.*

BAHAGIAN II

KESAN KETAKPATUHAN

Ketakpatuhan. **5.** Ketakpatuhan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya tidaklah membatalkan mana-mana prosiding melainkan jika Mahkamah memerintahkan sedemikian, tetapi Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, mengetepikan mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai tak teratur, atau memerintahkan supaya apa-apa pindaan dibuat atas apa-apa terma yang difikirkannya adil.

Permohonan untuk mengetepikan kerana tak teratur. **6.** Apa-apa permohonan untuk mengetepikan apa-apa prosiding, langkah yang diambil dalam apa-apa prosiding atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah dalamnya kerana tak teratur tidaklah boleh dibenarkan melainkan jika permohonan itu dibuat dalam masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru selepas menyedari tentang ketakteraturan itu.

BAHAGIAN III

CARA MEMULAKAN PROSIDING MAL

BAB I

AM

Cara memulakan prosiding mal. **7.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding *mal* di Mahkamah hendaklah dimulakan dengan saman.

(2) Semua prosiding berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dimulakan dengan permohonan.

BAB 2

SAMAN

8. Tiap-tiap saman—

Bentuk saman.

- (a) hendaklah dalam Borang MS 2; dan
- (b) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan yang hendaklah mematuhi kehendak seksyen 63.

9. Tiap-tiap saman terhadap seorang defendan hendaklah dikemukakan untuk difailkan dalam tiga salinan dan suatu salinan tambahan hendaklah dikemukakan bagi tiap-tiap defendan tambahan.

Salinan saman.

10. (1) Pendaftar hendaklah memeriksa saman dan—

Pengeluaran dan penyampaian.

- (a) jika saman itu didapati sempurna bentuknya; dan
- (b) jika plaintif telah membayar fee yang ditetapkan, termasuk fee bagi penyampaian jika penyampaian oleh Mahkamah diperlukan,

Pendaftar hendaklah memberikan suatu nombor siri padanya, memeteraikan, menandatangani dan mengeluarkannya.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa saman itu tidak sempurna bentuknya, dia boleh menolaknya atau mengarahkan supaya saman itu dipinda.

11. (1) Bagi maksud penyampaian, setiap saman hendaklah sah pada mulanya selama dua belas bulan bermula dari tarikh pengeluarannya.

Masa penyampaian.

(2) Jika sesuatu saman belum lagi disampaikan kepada defendan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), suatu permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah untuk melanjutkan tempoh kesahan saman itu sebelum tarikh habis tempoh saman itu atau mana-mana hari kemudian daripada itu, jika ada, sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

(3) Mahkamah boleh melalui perintah melanjutkan tempoh kesahan saman itu dari semasa ke semasa selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi dua belas bulan pada mana-mana satu ketika, yang bermula dari hari yang mengikut hari saman itu akan, kalau tidak kerana lanjutan itu, habis tempoh.

Kehilangan saman.

12. Jika sesuatu saman hilang selepas dikeluarkan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dikeluarkan suatu saman baru yang mengandungi tarikh dan mempunyai kesan yang sama seperti saman asal.

BAB 3

PERMOHONAN

Bentuk permohonan.

13. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat melalui notis dalam Borang MS 3 dan disokong dengan affidavit yang diangkat sumpah mengikut Akta ini.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah menyatakan dengan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon, dan mengandungi fakta yang cukup terperinci untuk menyokong permohonan itu, dan melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, hendaklah disampaikan kepada semua pihak dan orang yang berkepentingan dalamnya.

(3) Dalam sesuatu permohonan, penentang hendaklah disebut sebagai responden.

Pemakaian seksyen 9, 10, 11 dan 12.

14. Seksyen 9, 10, 11 dan 12 hendaklah terpakai, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, berhubungan dengan sesuatu permohonan sebagaimana seksyen-seksyen itu terpakai berhubungan dengan saman.

Permohonan perceraian.

Akta 303.

15. Walau apa pun apa-apajua dalam Bahagian ini, sesuatu permohonan untuk mendapatkan perceraian hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, dan presiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Akta itu.

BAB 4

TUNTUTAN ATAU PEMBELAAN LISAN

16. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, Mahkamah boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan apa-apa tuntutan atau pembelaan dibuat secara lisan:

Tuntutan atau pembelaan lisan.

Dengan syarat bahawa dalam hal sedemikian Mahkamah hendaklah merekodkan butir-butir tuntutan atau pembelaan itu dengan mengambil kira kehendak Akta ini berhubungan dengan saman atau permohonan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mahkamah hendaklah menyampaikan suatu salinan rekod yang dibuat di bawah subseksyen (1) kepada pihak yang baginya butir-butir tuntutan atau pembelaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, direkodkan.

(3) Apabila dia menerima rekod yang disebut dalam subseksyen (2), pihak yang kepadanya rekod itu disampaikan hendaklah—

- (a) memperakui butir-butir yang terkandung dalamnya dengan menurunkan tandatangannya atau cap ibu jari kanannya pada rekod itu;
- (b) menyediakan salinan yang mencukupi bagi rekod itu supaya satu salinan boleh disampaikan kepada setiap pihak lain dalam presiding itu; dan
- (c) menyampaikan satu salinan rekod itu kepada tiap-tiap pihak itu sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum hari kehadiran.

(4) Jika Mahkamah membenarkan sesuatu tuntutan atau pembelaan dibuat mengikut subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengenakan apa-apa fee yang ditetapkan sebagai tambahan kepada apa-apa fee lain yang kena dibayar di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

PIHAK-PIHAK

BAB 1

AM

Tafsiran. **17.** Dalam Bahagian ini, "plaintif" termasuklah pemohon dan "defendan" termasuklah responden.

Percantuman pihak. **18.** (1) Dua orang atau lebih boleh dicantumkan sekali dalam satu tindakan sebagai plaintif atau defendan dengan kebenaran Mahkamah atau jika—

(a) tindakan-tindakan yang berasingan dibawa oleh atau terhadap setiap seorang daripada mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan soalan undang-undang atau fakta yang sama akan timbul dalam kesemua tindakan itu; dan

(b) segala hak untuk mendapatkan relief yang dituntut dalam tindakan itu, sama ada hak-hak itu bersejajarnya, berasingan atau sebagai pilihan, adalah berkenaan dengan atau timbul daripada transaksi atau siri transaksi yang sama.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika Mahkamah mendapati bahawa apa-apa percantuman boleh menyulitkan mana-mana defendan atau melengahkan perbicaraan atau selainnya menyusahkan, Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan defendan, memerintahkan supaya diadakan perbicaraan yang berasingan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.

(3) Penghakiman boleh diberikan tanpa apa-apa pindaan kepada mana-mana plaintif bagi relief yang dia berhak mendapatnya, atau terhadap mana-mana seorang defendan atau lebih yang didapati bertanggung mengikut tanggungan mereka masing-masing.

19. (1) Tertakluk kepada subsekysen (2), Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak pada mana-mana peringkat presiding, membatalkan, menggantikan atau menambahkan mana-mana pihak mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma yang adil dan patut.

Perubahan pihak.

(2) Tiada seorang pun boleh dijadikan plaintif tanpa persetujuannya atau, jika dia tak berkeupayaan, tanpa persetujuan wakilnya yang hendaklah ditandakan secara bertulis atau mengikut apa-apa cara lain yang dibenarkan.

20. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara Mahkamah boleh, sebagaimana yang difikirkannya adil dan sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan—

Kesalah-cantuman dan ketak-cantuman pihak.

(a) memerintahkan supaya mana-mana pihak yang telah dijadikan suatu pihak dengan tak patut atau tak perlu atau yang kerana apa-apa sebab telah terhenti menjadi pihak yang patut atau perlu, terhenti menjadi suatu pihak;

(b) memerintahkan supaya mana-mana pihak yang sepatutnya telah dicantumkan sebagai suatu pihak atau yang kehadirannya di hadapan Mahkamah adalah perlu untuk memastikan bahawa segala perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu boleh diputuskan dan dihakimi dengan berkesan dan lengkap ditambahkan sebagai suatu pihak.

(2) Tiada seorang pun boleh ditambahkan sebagai plaintif tanpa persetujuannya yang ditandakan secara bertulis atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang dibenarkan.

21. (1) Jika berlaku perubahan pihak semasa mana-mana prosiding belum selesai—

Pindaan dan penyampaian.

(a) tajuk presiding itu hendaklah dipinda dengan sewajarnya; dan

- (b) dokumen prosiding itu hendaklah disampaikan kepada mana-mana orang yang ditambahkan atau digantikan sebagai defendan melainkan jika dia bersetuju untuk mengetepikan penyampaian itu.

(2) Prosiding terhadap orang yang disebut dalam perenggan (1)(b) hendaklah disifatkan telah dimulakan mulai tarikh penyampaian atau pengetepian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemberhentian tindakan.

22. Dalam hal perkahwinan, kematian atau kebankrapan mana-mana pihak—

- (a) jika kausa tindakan itu tidak menakat mengikut Hukum Syarak, prosiding itu hendaklah terhenti, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (c);
- (b) jika kausa tindakan itu menakat atau berterusan mengikut Hukum Syarak, prosiding itu tidaklah terhenti atau menjadi cacat;
- (c) dalam hal kematian selepas perbincaraan tetapi sebelum penghakiman diumumkan atau dicatatkan, prosiding itu tidaklah terhenti, dan penghakiman boleh diumumkan atau dicatatkan.

Penurunan kepentingan.

23. (1) Dalam hal mana-mana penyerahhakan, pewujudan, perubahan, perpindahan atau penurunan kepentingan, harta pusaka, hakmilik atau tanggungan mana-mana pihak, antara permulaan mana-mana prosiding dengan penghakiman dalamnya, orang yang kepadanya atau padanya kepentingan, harta pusaka, hakmilik, atau tanggungan itu telah diberikan atau turun boleh memohon supaya dia ditambahkan sebagai suatu pihak atau dijadikan suatu pihak bagi menggantikan suatu pihak yang lain, dan plaintif boleh mengikut cara yang sama memohon untuk mendapatkan penambahan atau penggantian sedemikian, jika pihak yang berkenaan ialah defendan.

(2) Notts mana-mana permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada semua pihak.

(3) Jika suatu permohonan sepatutnya dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak dibuat dalam tempoh yang munasabah, Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan supaya pihak atau orang berkenaan membuat permohonan dalam suatu tempoh yang ditentukan, dan jika pihak atau orang itu ingkar boleh membatalkan atau membuang prosiding itu, atau memerintahkan supaya pihak atau orang yang berkenaan dihalang daripada membela, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (1) berlaku selepas penghakiman dan ada wang untuk manfaat prosiding itu di Mahkamah, Mahkamah boleh memerintahkan supaya disampaikan kepada mana-mana orang apa-apa permohonan untuk mendapatkan suatu perintah bagi pembayaran daripada Mahkamah.

BAB 2

ORANG TAK BERKEUPAYAAN

24. Mana-mana orang tak berkeupayaan boleh mendakwa atau didakwa melalui penjaga *ad litemnya* yang diluluskan dengan wajar oleh Mahkamah. Orang tak berkeupayaan.
25. Sesuatu persetujuan yang diberikan atau pengetepian yang dibuat bagi pihak seorang orang tak berkeupayaan oleh penjaga *ad litemnya* dengan kelulusan Mahkamah hendaklah mengikat orang tak berkeupayaan itu. Persetujuan bagi pihak orang tak berkeupayaan.
26. Jika plaintif ialah seorang orang tak berkeupayaan— Peruntukan am tentang ketakupayaan.
- (a) tiada penyelesaian atau kompromi boleh menjadi sah tanpa keizinan Mahkamah;
 - (b) semua wang atau harta lain yang diperoleh untuk plaintif dalam, atau berbangkit daripada, tindakan itu hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah atau didepositkan di Mahkamah melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Prosiding
luar aturan.

27. Apa-apa prosiding yang diambil oleh atau terhadap seseorang orang tak berkeupayaan yang tidak menurut Akta ini atau Hukum Syarak hendaklah dibuang dan apa-apa penghakiman dan perintah yang dibuat dalam prosiding itu boleh diketepikan.

Pemecatan
penjaga *ad litem*.

28. (1) Mahkamah boleh dengan alasan yang mencukupi mengikut Hukum Syarak memecat mana-mana penjaga *ad litem* dan menggantikannya dengan orang lain, iaitu seseorang yang layak dan sesuai dan sanggup bertindak.

(2) Mahkamah boleh melantik seorang daripada pegawainya untuk menjadi seorang penjaga *ad litem*.

Plaintif
belum
dewasa
mencapai
umur dewasa.

29. (1) Seseorang plaintif belum dewasa hendaklah, apabila mencapai umur dewasa semasa prosiding belum selesai, sama ada menarik balik prosiding itu sebelum mengambil apa-apa langkah dalam prosiding itu atau meneruskan prosiding itu.

(2) Tiada kebenaran untuk menarik balik diperlukan, tetapi Bahagian XIII hendaklah terpakai mengenai perkara itu.

(3) Jika plaintif belum dewasa menarik balik tuntutan, dia tidaklah bertanggung sendiri terhadap kos, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(4) Jika ada lebih daripada seorang plaintif, plaintif belum dewasa itu tidak berhak menarik balik tuntutan tanpa kebenaran Mahkamah tetapi boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan namanya atau, jika dia ialah pihak yang perlu dalam prosiding itu, memotong namanya sebagai plaintif dan menjadikannya sebagai defendan, atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Mahkamah.

(5) Jika prosiding itu diteruskan, plaintif belum dewasa itu hendaklah memohon untuk meminda tajuk prosiding itu dan Mahkamah bolehlah meminda tajuk itu dan melepaskan penjaga *ad litemnya*.

30. Jika seseorang defendan belum dewasa mencapai umur dewasa semasa presiding belum selesai, sama ada dia atau penjaga *ad litemnya* boleh memfailkan affidavit bagi membuktikan kedewasaan itu dan sesudah itu tajuk presiding itu hendaklah dipinda, dan penjaga *ad litem* itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa soal mengenai kos yang disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku penjaga itu.

Defendan
belum
dewasa
mencapai
umur dewasa.

BAB 3

ORANG MISKIN

31. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk memulakan atau membela apa-apa tindakan atau prosiding lain mengikut haknya sendiri, dan tidak berupaya membayar fee Mahkamah baginya, boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran untuk mendakwa atau membela sebagai orang miskin.

Permohonan
untuk
mendakwa
atau membela
sebagai orang
miskin.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam Borang MS 4 dan disokong dengan affidavit yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, tempat tinggal dan pekerjaannya;
- (b)akuan bahawa dia tidak berupaya membayar fee Mahkamah dalam presiding itu; dan
- (c) segala fakta material kes itu.

(3) Affidavit itu hendaklah disediakan oleh pemohon atau oleh seorang pegawai Mahkamah yang berkenaan dan hendaklah ditentusahkan di hadapan seorang Hakim atau Pendaftar.

(4) Jika Mahkamah berpuas hati—

- (a) bahawa pemohon tidak berupaya membayar fee Mahkamah dalam prosiding itu; dan

- (b) bahawa pemohon mempunyai kausa tindakan atau pembelaan yang baik, mengikut mana-mana yang berkenaan,

maka Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah membenarkan pemohon (kemudian daripada ini disebut "orang miskin") untuk mendakwa atau membela, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai seorang orang miskin.

(5) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (4), saman atau proses lain dalam tindakan atau presiding lain itu dan catatan yang relevan dalam buku klausa hendaklah ditanda "orang miskin".

(6) Jika Mahkamah tidak berpuas hati sedemikian Mahkamah hendaklah menolak permohonan itu dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap penolakan itu.

Orang miskin tidak boleh memberhentikan, dsb. tanpa kebenaran.

32. Orang miskin tidak boleh memberhentikan, menyelesaikan atau mengkompromikan tindakan atau presiding lain tanpa kebenaran Mahkamah.

Kos.

33. Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, tiada orang miskin boleh bertanggungjawab membayar kos kepada mana-mana pihak, atau berhak menerima daripada mana-mana pihak lain apa-apa kos selain perbelanjaan sebenar yang dilakukan dalam perjalanan presiding itu.

BAHAGIAN V

PEGUAM SYARIE

Wakalah

34. (1) Pelantikan seseorang Peguam Syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya, dan diterima oleh Peguam Syarie yang dilantik sedemikian, di hadapan Mahkamah atau Pendaftar.

(2) Jika seorang Peguam Syarie telah menerima pelantikannya di bawah subseksyen (1), dia hendaklah, sebelum mengambil apa-apa langkah dalam presiding itu, memfailkan suatu *wakalah* dalam Borang MS 5.

35. Jika seorang Peguam Syarie mewakili lebih daripada satu pihak dalam apa-apa prosiding, penyampaian satu salinan apa-apa dokumen kepada Peguam Syarie itu hendaklah menjadi penyampaian yang mencukupi kepada semua pihak itu.

Penyampaian kepada Peguam Syarie.

36. (1) Jika suatu pihak berhasrat menukar Peguam Syariannya, dia hendaklah memfailkan suatu notis penukaran dalam Borang MS 6 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak.

Menukar Peguam Syarie

(2) Seksyen 34 hendaklah terpakai berhubungan dengan penukaran Peguam Syarie sebagaimana seksyen itu terpakai berhubungan dengan pelantikan Peguam Syarie.

37. Jika suatu pihak berhasrat melepaskan Peguam Syariannya, dia hendaklah memfailkan suatu notis pelepasan dalam Borang MS 7 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak.

Pelepasan Peguam Syarie.

38. Jika Peguam Syarie yang mewakili sesuatu pihak memohon untuk dilepaskan, dia hendaklah memfailkan suatu notis penarikan diri dalam Borang MS 8 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada pihak yang diwakilinya.

Pelepasan atas permohonan Peguam Syarie.

39. *Wakalah* seseorang Peguam Syarie hendaklah tamat dengan kematian Peguam Syarie itu atau pihak yang diwakilinya.

Kematian.

BAHAGIAN VI

PENYAMPAIAN

BAB 1

PENYAMPAIAN DALAM BIDANG KUASA

40. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap plaintif atau pemohon dan tiap-tiap orang yang memfailkan sesuatu saman atau dokumen lain dalam mana-mana prosiding, selain daripada seorang pegawai Mahkamah yang bertindak

demikian, dan mana-mana orang lain yang diperintahkan oleh Mahkamah untuk berbuat demikian hendaklah memberikan alamat bagi penyampaian di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(2) Jika mana-mana plaintif, pemohon atau orang lain itu diwakili oleh seorang Peguam Syarie, alamat Peguam Syarie itu hendaklah menjadi alamat bagi penyampaian.

Cara
penyampaian.

41. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan suatu salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu salinan yang mengandungi meterai Mahkamah dan tandatangan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai suatu saman atau dokumen asal.

(3) Penyampaian sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah dilaksanakan oleh pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain.

Ketak-
terimaan.

42. Jika orang yang kepadanya sesuatu saman atau dokumen lain dikehendaki disampaikan enggan menerima saman atau dokumen itu atau salinannya, saman, dokumen atau salinannya itu bolehlah ditinggalkan berhampiran dengannya dan perhatiannya diarahkan kepada saman, dokumen atau salinannya itu.

Penyampaian
kepada
Peguam
Syarie.

43. Sesuatu saman atau dokumen lain boleh disampaikan kepada Peguam Syarie mana-mana pihak yang telah memfailkan *wakalah* mengikut seksyen 34 kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta ini.

Penyampaian
di alamat
bagi
penyampaian.

44. Sesuatu saman atau dokumen lain yang diserahkan di alamat bagi penyampaian mana-mana orang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu.

45. (1) Sesuatu saman yang memulakan suatu tindakan hendaklah disampaikan tidak kurang daripada tujuh hari genap sebelum hari kehadiran melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya. Hari kehadiran.

(2) Tertakluk kepada Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, notis bagi semua prosiding lain hendaklah notis dua hari genap melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(3) Hari kehadiran boleh diubah oleh Pendaftar, jika perlu.

46. (1) Penyampaian boleh dilaksanakan di mana-mana tempat, pada mana-mana hari dan bila-bila masa pada waktu siang atau malam. Tempat dan masa penyampaian.

(2) Penyampaian selepas pukul 4.00 petang hendaklah pada lazimnya disifatkan telah dilaksanakan pada hari yang berikutnya.

(3) Penyampaian yang dilaksanakan selepas pukul 12.00 tengah hari pada hari sebelum, atau pada bila-bila masa pada, hari kelepasan mingguan atau pada bila-bila masa pada mana-mana hari kelepasan am, hendaklah disifatkan telah dilaksanakan pada hari yang mengikuti hari kelepasan itu.

47. (1) Penyampaian kepada seseorang orang tak berkeupayaan hendaklah dibuat kepada penjaga *ad litemnya* jika ada. Kes khas.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah boleh, atas permohonan, memerintahkan supaya penyampaian kepada seseorang orang tak berkeupayaan dibuat kepada mana-mana orang lain.

(3) Penyampaian kepada seseorang di dalam penjara hendaklah dibuat kepada pegawai yang menjaga penjara itu, yang hendaklah menyebabkan saman atau dokumen lain itu diberikan kepada orang itu.

(4) Penyampaian kepada mana-mana anggota Angkatan Tentera hendaklah dibuat kepada pegawai pemerintah atau adjutan unitnya, yang hendaklah menyebabkan saman atau dokumen lain itu diberikan kepada anggota itu.

Penyampaian
ganti.

48. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen lain itu tidak dapat disampaikan dengan cara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman atau dokumen lain itu disampaikan dengan cara menampalkan suatu salinannya di papan kenyataan Mahkamah dan juga di suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan tempat orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan terakhir diketahui tinggal, atau mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana hal yang termasuk dalam subseksyen (1), membuat perintah supaya penyampaian dibuat melalui iklan dalam mana-mana akhbar tempatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Penyampaian ganti hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti penyampaian ke diri.

(4) Dalam hal penyampaian ganti, Mahkamah hendaklah, jika perlu, menetapkan masa bagi pihak yang berkenaan itu hadir di Mahkamah.

(5) Tiada perintah bagi penyampaian ganti boleh dibuat berkenaan dengan—

(a) sesuatu sepina; atau

(b) apa-apa dokumen yang memulakan presiding bagi penangkapan atau pengkomitan mana-mana orang.

(6) Apa-apa permohonan bagi mendapatkan perintah di bawah seksyen ini hendaklah disokong dengan affidavit yang menyatakan fakta yang menjadi asas permohonan itu.

49. (1) Penyampaian saman atau dokumen lain boleh, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, dibuktikan melalui affidavit orang yang melaksanakan penyampaian itu dan, jika penyampaian itu adalah ke diri dan orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak disampaikan tidak dikenalnya sendiri, melalui affidavit orang yang mengecamkan orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan. Bukti penyampaian.

(2) Orang yang kepadanya saman atau dokumen itu disampaikan hendaklah menandatangani suatu pengakuterimaan penyampaian, tetapi keengganan atau ketakupayaannya menandatangani sedemikian tidaklah menjejaskan kesahan penyampaian itu.

50. Suatu perintah bagi penyampaian, atau bagi penyampaian ganti, boleh diubah oleh Mahkamah. Mengubah perintah.

51. Mahkamah boleh, dalam mana-mana hal yang Mahkamah berkuasa mengeluarkan saman bagi kehadiran mana-mana orang, setelah merekodkan alasannya, mengeluarkan waran untuk menangkapnya— Mengeluarkan waran sebagai ganti atau tambahan kepada saman.

(a) jika, sama ada sebelum atau selepas saman dikeluarkan tetapi sebelum masa yang ditetapkan bagi kehadirannya, Mahkamah berpendapat ada alasan untuk mempercayai bahawa dia telah melarikan diri atau tidak akan mematuhi saman itu; atau

(b) jika pada masa itu dia tidak hadir dan saman itu dibuktikan telah disampaikan dengan sempurna dalam masa yang mencukupi bagi memastikan kehadirannya mengikut saman itu dan tiada alasan yang munasabah diberikan bagi ketakhadiran itu.

BAB 2

PENYAMPAIAN DI LUAR BIDANG KUASA

Bila
dibenarkan

52. (1) Mahkamah boleh memerintahkan penyampaian sesuatu saman atau permohonan di luar bidang kuasa—

- (a) jika keseluruhan hal perkara tindakan itu adalah berhubungan dengan harta tak alih yang terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (b) jika apa-apa relief diminta terhadap mana-mana orang yang berdomisil atau biasanya bermastautin atau menjalankan perniagaan di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (c) jika tindakan itu dibawa dengan sepatutnya terhadap seseorang yang kepadanya penyampaian dibuat dengan sempurna di Wilayah-Wilayah Persekutuan, seseorang di luar bidang kuasa ialah suatu pihak yang perlu atau patut dalam tindakan itu; atau
- (d) jika dalam apa-apa hal yang berbangkit daripada perkahwinan, kemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan itu pada masa permohonan itu ialah di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 54, apa-apa perintah yang memberikan kebenaran untuk melaksanakan penyampaian di luar bidang kuasa hendaklah mengarahkan cara penyampaian itu hendaklah dilaksanakan dan bagaimana penyampaian itu boleh dibuktikan.

Bentuk
perintah.

53. Suatu perintah bagi penyampaian di luar bidang kuasa hendaklah menetapkan hari kehadiran orang yang kepadanya penyampaian hendak dibuat dan Mahkamah hendaklah mengambil kira dan boleh menghendaki keterangan tentang cara perhubungan dan pengangkutan.

Cara
penyampaian
di luar
bidang kuasa
di dalam
Malaysia

54. (1) Apa-apa saman atau permohonan bagi penyampaian di luar bidang kuasa di dalam Malaysia bolehlah dihantar kepada mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di dalam kawasan tempatan di mana orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan dikatakan berada.

(2) Saman atau permohonan yang hendak disampaikan itu boleh dihantar melalui pos atau selainnya bersama dengan permintaan bertulis bagi penyampaian yang ditandatangani oleh Hakim atau Pendaftar.

55. Sesuatu perintah bagi penyampaian di luar bidang kuasa boleh diubah oleh Mahkamah. Mengubah perintah.

BAHAGIAN VII

INTERPLIDER

56. Jika—

- (a) seseorang bertanggung berkeñaan dengan apa-apa hutang atau berkeñaan dengan apa-apa wang, barang atau harta alih lain dan dia didakwa atau dia menjangka bahawa dia akan didakwa mengenai atau berkeñaan dengan hutang, wang, barang atau harta itu oleh dua orang atau lebih yang membuat tuntutan yang bertentangan berkeñaan dengannya; atau
- (b) tuntutan dibuat untuk mendapatkan apa-apa wang, barang atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan hendak diambil oleh bailif dalam pelaksanaan apa-apa penghakiman, atau untuk mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barang atau harta sedemikian oleh seseorang selain orang yang terhadapnya penghakiman itu dikeluarkan,

Hak mendapatkan relief dengan cara interplider.

maka orang yang bertanggung atau bailif itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief dengan cara interplider.

57. (1) Mana-mana orang yang membuat tuntutan untuk mendapatkan atau berkeñaan dengan apa-apa wang, barang atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan hendak diambil dalam pelaksanaan apa-apa penghakiman, atau untuk mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barang atau harta sedemikian, hendaklah memberikan notis tuntutannya dalam Borang MS 9 kepada bailif yang dipertanggungkan

Tuntutan untuk mendapatkan barang, dsb., yang diambil dalam pelaksanaan.

dengan pelaksanaan penghakiman itu dan hendaklah memasukkan dalam notisnya suatu pernyataan tentang alamatnya, dan alamat itu hendaklah menjadi alamat untuk penyampaian kepadanya.

(2) Apabila menerima suatu tuntutan yang dibuat di bawah seksyen ini, bailif hendaklah dengan serta-merta memberikan notis mengenai tuntutan itu dalam Borang MS 10 kepada pemiutang pelaksanaan dan pemiutang pelaksanaan itu hendaklah, dalam masa empat hari selepas menerima notis itu, memberikan notis dalam Borang MS 11 kepada bailif memberitahunya sama ada dia mengaku atau mempertikaikan tuntutan itu.

(3) Jika—

(a) bailif menerima suatu notis daripada pemiutang pelaksanaan di bawah subseksyen (2) yang mempertikaikan tuntutan itu, atau pemiutang pelaksanaan tidak, dalam tempoh yang disebut dalam subseksyen itu, memberikan notis yang dikehendaki itu; dan

(b) tuntutan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak ditarik balik,

maka bailif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief di bawah Bahagian ini.

(4) Seorang bailif yang menerima notis daripada pemiutang pelaksanaan di bawah subseksyen (2) yang mengakui tuntutan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menarik diri daripada pemilikan wang, barang atau harta tak alih lain yang dituntut itu.

58. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan relief di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat melalui saman dalam Borang MS 12 atau MS 13, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), suatu saman di bawah seksyen ini hendaklah disokong dengan affidavit yang menyatakan bahawa pemohon itu—

- (a) tidak menuntut apa-apa kepentingan dalam hal perkara yang dipertikaikan selain daripada caj atau kos;
- (b) tidak berpakat-sulit dengan mana-mana pihak menuntut dalam hal perkara itu; dan
- (c) sanggup membayar atau memindahkan hal perkara itu ke dalam Mahkamah atau membereskannya sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Jika pemohon ialah seorang bailif, dia tidak boleh memberikan apa-apa affidavit yang disebut dalam subseksyen (2) melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

59. (1) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, saman yang disebut dalam seksyen 58 hendaklah disampaikan ke diri sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari kehadiran. Penyampaian saman.

(2) Saman interplider hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang MS 14.

60. (1) Jika, semasa mendengar saman di bawah Bahagian ini, semua orang yang membuat tuntutan yang bertentangan dalam hal perkara yang dipertikaikan itu (kemudian daripada ini disebut "pihak-pihak menuntut" dalam Bahagian ini) hadir, maka Mahkamah boleh memerintahkan— Kuasa Mahkamah yang mendengar saman.

- (a) supaya mana-mana pihak menuntut dijadikan defendan dalam mana-mana tindakan yang belum selesai mengenai hal perkara yang dipertikaikan itu sebagai menggantikan atau sebagai tambahan kepada pemohon yang memohon relief di bawah Bahagian ini; atau

(b) supaya sesuatu isu antara pihak-pihak menuntut itu dinyatakan dan dibicarakan dan boleh mengarahkan yang mana antara pihak-pihak menuntut itu yang hendak dijadikan plaintif dan yang mana yang hendak dijadikan defendan.

(2) Jika—

(a) pemohon atas suatu saman di bawah Bahagian ini ialah seorang bailif;

(b) semua pihak menuntut bersetuju atau mana-mana antara mereka meminta sedemikian; atau

(c) soalan yang menjadi isu antara pihak-pihak menuntut ialah soalan undang-undang dan fakta-faktanya tidak dipertikaikan,

maka Mahkamah boleh memutuskan secara terus soalan yang menjadi isu antara pihak-pihak menuntut itu dan membuat suatu perintah dengan sewajarnya atas apa-apa terma yang difikirkannya adil.

Kuasa lain.

61. Tertakluk kepada Bahagian ini, Mahkamah boleh dalam atau bagi maksud mana-mana presiding interplider membuat apa-apa perintah tentang kos atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

Perbicaraan
ISU
interplider.

62. (1) Bahagian XV hendaklah, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, terpakai berhubungan dengan isu interplider sebagaimana Bahagian itu terpakai berhubungan dengan apa-apa kausa atau perkara lain.

(2) Mahkamah yang membicarakan isu interplider boleh memberikan apa-apa penghakiman atau membuat apa-apa perintah yang akan dapat dengan muktamad membereskan segala soalan yang berbangkit dalam presiding interplider itu.

(3) Penghakiman itu hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang MS 15.

BAHAGIAN VIII

PLIDING

63. (1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syariyenya dan hendaklah mengandungi— Pernyataan tuntutan.

- (a) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif dan menunjukkan kausa tindakannya, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sifat khas yang atasnya plaintif mendakwa, jika ada;
- (b) butir-butir tuntutan yang mencukupi;
- (c) suatu pernyataan tentang relief yang dituntut; dan
- (d) butir-butir mengenai apa-apa permohonan lain.

(2) Jika lebih daripada satu kausa tindakan dijadikan sandaran, alasan bagi setiap satu tindakan dan relief yang dituntut berdasarkan kausa itu hendaklah dinyatakan secara berasingan.

64. (1) Defendan yang mempertikaikan tanggungannya bagi keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana tuntutan dalam tindakan itu boleh— Defendan hendaklah menyampaikan pembelaan.

- (a) pada bila-bila masa sebelum hari kehadiran, menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan; atau
- (b) hadir pada hari kehadiran dan mempertikaikan tuntutan plaintif.

(2) Jika defendan hadir di Mahkamah dan mempertikaikan tuntutan plaintif, Mahkamah boleh memerintahkannya supaya menyampaikan suatu pembelaan dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkannya.

(3) Pembelaan hendaklah dalam Borang MS 16.

Bentuk
pembelaan.

65. (1) Tiap-tiap pembelaan hendaklah ditandatangani oleh defendan atau Peguam Syarienya dan hendaklah—

- (a) sama ada mengaku atau menafikan tiap-tiap pengatahan fakta yang material dalam pernyataan tuntutan;
- (b) menyatakan dengan ringkas lagi padat apa-apa fakta baru yang dijadikan sandaran oleh defendan sebagai pembelaan; dan
- (c) membangkitkan dengan ringkas lagi padat dan tanpa hujah apa-apa perkara undang-undang yang perlu.

(2) Penafian di bawah perenggan (1)(a) tidak boleh berbentuk mengelak tetapi hendaklah menjawab perkara isi.

Tuntutan
balas.

66. (1) Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir yang sama seperti pernyataan tuntutan dan hendaklah ditandatangani oleh defendan atau Peguam Syarienya.

(2) Tuntutan balas tidak boleh dibuat terhadap mana-mana orang yang pada ketika itu bukan pihak dalam tindakan itu, tetapi jika suatu tindakan balas dibuat, suatu perintah penyatuan boleh dibuat oleh Mahkamah.

Pembelaan
terhadap
tuntutan
balas.

67. (1) Jika mana-mana defendan membuat tuntutan balas, plaintif hendaklah, jika dia berhasrat hendak membuat pembelaan terhadap tuntutan balas itu, memfailkan dan menyebabkan disampaikan kepada defendan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika plaintif tidak mematuhi subseksyen (1), seksyen 16 hendaklah terpakai seolah-olah plaintif ialah seorang defendan.

Pembelaan
tawaran.

68. Jika suatu pembelaan tawaran sebelum tindakan dibangkitkan maka defendan hendaklah, apabila memfailkan pembelaannya, membayar ke dalam Mahkamah amaun yang dikatakan telah ditawarkan itu.

69. Mahkamah boleh, atas alasan yang mencukupi, memberikan kebenaran untuk memfailkan dan menyerahkan suatu jawapan kepada pembelaan, sama ada pembelaan itu ialah pembelaan terhadap suatu tuntutan atau tuntutan balas. Jawapan.

70. Mahkamah boleh enggan menerima atau boleh mengembalikan untuk dipinda mana-mana pliding yang tidak mematuhi kehendak Bahagian ini. Keengganan menerima pliding dan pindaan.

71. (1) Jika mana-mana pliding tidak mengandungi butir-butir yang mencukupi, Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan pihak yang bertanggungjawab supaya memfailkan dan menyebabkan disampaikan butir-butir lanjut dan jelas, dan boleh menggantung semua presiding sehingga perintah itu dipatuhi. Butir-butir.

(2) Butir-butir lanjut dan jelas boleh difailkan dan disampaikan atas permintaan tanpa perintah.

BAHAGIAN IX

PEMBAYARAN KE DALAM DAN DARIPADA MAHKAMAH

72. (1) Defendan boleh membayar wang ke dalam Mahkamah sebagai penyelesaian tuntutan atau mana-mana bahagiannya dan boleh juga membayar ke dalam Mahkamah sejumlah wang berkenaan dengan kos. Pembayaran ke dalam Mahkamah,

(2) Defendan hendaklah memberikan notis kepada plaintif mengenai pembayaran ke dalam Mahkamah itu dan, jika pembayaran itu kurang daripada amaun yang dituntut, notis itu hendaklah menyatakan berkenaan dengan apa pembayaran itu dibuat.

- Pembayaran daripada Mahkamah. **73.** Tertakluk kepada seksyen 26 dan 78, jika pembayaran ke dalam Mahkamah adalah sama dengan amaun yang dituntut atau plaintif memilih untuk menerimanya sebagai penyelesaian keseluruhan tuntutannya, amaun itu hendaklah dibayar daripada Mahkamah kepadanya, dan dia boleh mendapatkan penghakiman bagi kesemua kos yang sebenarnya dilakukan sebelum dia menerima notis pembayaran ke dalam Mahkamah itu, dan kos untuk mencatatkan penghakiman bagi kos itu, melainkan jika dibayar tanpa perintah.
- Penyelesaian sebahagian. **74.** Jika pembayaran yang disebut dalam seksyen 73 adalah berkenaan dengan sebahagian daripada tuntutannya, plaintif boleh meneruskan tindakan berkenaan dengan bahagian yang lain itu.
- Perintah bagi pembayaran daripada Mahkamah. **75.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen 73 dan 74, wang yang dibayar ke dalam Mahkamah tidak boleh dibayar daripada Mahkamah tanpa perintah Mahkamah.
- Kos. **76.** Jika wang telah dibayar ke dalam Mahkamah dan plaintif tidak mendapat penghakiman bagi apa-apa amaun yang lebih besar, kos yang dilakukan oleh defendan selepas pembayaran ke dalam Mahkamah itu hendaklah dibayar oleh plaintif.
- Relief lain. **77.** Jika plaintif memohon relief selain daripada pembayaran wang, dia bolehlah meneruskan tindakannya untuk mendapatkan relief yang lain itu walaupun apa-apa wang telah dibayar daripada Mahkamah kepadanya.
- Tawaran. **78.** Jika pembayaran ke dalam Mahkamah dibuat dengan suatu pembelaan tawaran dan pembelaan itu disetujuterima, defendan adalah berhak untuk mendapatkan kos tindakan itu sepenuhnya dan wang di dalam Mahkamah tidak boleh dibayar daripada Mahkamah tanpa perintah Mahkamah.
- Tuntutan balas. **79.** Bahagian ini hendaklah, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, terpakai bagi tuntutan balas.

BAHAGIAN X

PINDAAN

80. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat presiding, membenarkan plaintif meminda samannya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara, jika ada, yang diarahkannya.

Pindaan kepada saman atau pliding.

(2) Jika suatu permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran membuat pindaan yang disebut dalam subseksyen (1) dibuat selepas habis tempoh apa-apa tempoh had masa yang relevan yang berkuat kuasa pada tarikh pengeluaran saman itu, Mahkamah boleh, jika difikirkannya adil, memberikan kebenaran itu atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pihak dalam mana-mana presiding boleh meminda plidingnya tanpa perintah Mahkamah pada bila-bila masa sebelum penyampaian kepada pihak yang satu lagi.

81. Seksyen 80 hendaklah, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, terpakai berhubungan dengan sesuatu permohonan sebagaimana seksyen itu terpakai berhubungan dengan saman dan pliding.

Pindaan kepada permohonan.

82. Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, memerintahkan supaya dibuat apa-apa pindaan bagi maksud —

Presiding cacat.

- (a) membetulkan apa-apa kecacatan atau ralat dalam mana-mana prosiding; atau
- (b) menentukan soalan sebenar yang menjadi kontroversi atau bagi mencapai keadilan antara pihak-pihak.

Cara meminda.

83. Sesuatu pindaan hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu salinan bersih dokumen yang dipinda, yang hendaklah menunjukkan pindaan yang telah dibuat, dan menyampaikan suatu salinan dokumen yang dipinda itu kepada pihak atau pihak-pihak yang satu lagi:

Dengan syarat bahawa jika pindaan itu diperintahkan semasa perbincangan atau pendengaran mana-mana tindakan atau presiding, atau jika semua pihak nadir semasa pindaan itu dibuat, Mahkamah boleh mengikut budi bicaranya meminda dokumen dalam fail Mahkamah dan penyampaian kepada pihak-pihak tidaklah perlu.

Keciciran atau peninggalan.

84. Kesilapan tulis atau ralat yang berbangkit daripada kecaciran atau peninggalan tak sengaja boleh pada bila-bila masa dibetulkan oleh Mahkamah tanpa formaliti.

BAHAGIAN XI

PENZAHIRAN

Penzahiran dokumen dan fakta.

85. (1) Mahkamah boleh, jika perlu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, memerintahkan mana-mana pihak—

(a) menyatakan dengan bersumpah, secara lisan atau dengan affidavit apakah dokumen yang ada atau pernah ada dalam milikannya atau kuasanya berhubungan dengan perkara yang berkenaan, atau sama ada dia ada atau pernah ada dalam milikannya atau kuasanya apa-apa dokumen atau jenis dokumen tertentu, dan, dalam mana-mana hal itu, tempat tersimpannya mana-mana dokumen yang dahulunya berada dalam milikannya atau kuasanya, tetapi sekarang tidak lagi berada dalam milikannya atau kuasanya; atau

(b) mengemukakan apa-apa dokumen yang berada dalam milikannya atau kuasanya.

(2) Jika pihak itu ialah suatu badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, seorang pegawainya boleh diperintahkan supaya mematuhi perintah atau arahan Mahkamah berkenaan dengan penzahiran apa-apa dokumen.

(3) Mahkamah boleh menggantung prosiding itu sementara menanti pematuhan perintah atau arahan Mahkamah di bawah seksyen ini.

86. Mana-mana pihak adalah berhak untuk memeriksa dan membuat salinan apa-apa dokumen dalam milikan atau kuasa pihak yang satu lagi dan yang disebut dalam mana-mana pliding, affidavit atau dokumen lain yang difailkan olehnya dalam prosiding itu atau semasa pemeriksaan lisan di bawah seksyen 85.

Pemeriksaan dokumen.

87. Pengemukakan dan pemeriksaan dokumen di bawah Bahagian ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan komunikasi dan dokumen terlindung.

Komunikasi dan dokumen terlindung.

88. Maka tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa perintah Mahkamah di bawah Bahagian ini kecuali dalam rayuan terhadap penghakiman kes itu pada keseluruhannya.

Tiada rayuan terhadap perintah.

BAHAGIAN XII

PEMINDAHAN PROSIDING

89. (1) Jika Hakim mana-mana Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana prosiding di dalam Mahkamah itu boleh dengan lebih senang atau adil dibicarakan di dalam suatu Mahkamah yang lain, maka dia boleh memerintahkan supaya prosiding itu dipindahkan ke Mahkamah yang lain itu.

Pemindahan prosiding ke suatu Mahkamah yang lain.

(2) Apa-apa pemindahan mana-mana prosiding di bawah subseksyen (1) boleh dibuat oleh Hakim atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak melalui notis.

90. (1) Apabila suatu perintah dibuat bagi pemindahan mana-mana prosiding daripada satu Mahkamah kepada satu Mahkamah yang lain, Mahkamah yang daripadanya prosiding itu dipindahkan hendaklah menghantar kepada Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan fail, segala dokumen, ekshibit dan salinan diperakui bagi nota keterangan prosiding itu, jika ada.

Tatacara mengenai pemindahan.

(2) Mahkamah yang kepadanya presiding itu dipindahkan boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut presiding itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kos mengenai pemindahan.

91. Jika suatu perintah bagi pemindahan dibuat atas permohonan sesuatu pihak, maka kos yang dilakukan hendaklah menurut budi bicara Hakim.

Tatacara mengenai pemindahan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rendah Syariah.

92. (1) Jika melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi Syariah mana-mana presiding diperintahkan supaya dipindahkan kepada Mahkamah Rendah Syariah, atau sesuatu isu diarahkan supaya dibicarakan di Mahkamah itu, Pendaftar hendaklah, apabila menerima perintah atau salinan diperakui bagi perintah itu, mencatatkan presiding itu dalam Daftar Kes yang berkenaan, dan memberikan notis dalam Borang MS 17, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum hari kehadiran, kepada tiap-tiap pihak supaya hadir di hadapan Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut presiding itu.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang terkandung dalam perintah Mahkamah Tinggi Syariah, perbicaraan itu hendaklah diteruskan seolah-olah presiding itu telah dimulakan di Mahkamah Rendah Syariah.

Tatacara mengenai pemindahan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

93. Jika suatu perintah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah bagi pemindahan mana-mana prosiding daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah, maka Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah hendaklah menghantar kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah fail prosiding itu, segala dokumen, ekshibit dan salinan diperakui bagi nota keterangan, jika ada, dan Pendaftar hendaklah memberikan notis pemindahan itu dalam Borang MS 18 kepada tiap-tiap pihak dalam tindakan itu.

BAHAGIAN XIII

PENYELESAIAN, PENARIKAN BALIK DAN
PEMBERHENTIAN

94. Jika dengan persetujuan pihak-pihak suatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termannya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara *resjudicata* dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama.

Penyelesaian tindakan.

95. (1) Plaintiff boleh, dengan kebenaran Mahkamah, pada bila-bila masa sebelum penghakiman, menarik balik mana-mana presiding keseluruhannya atau sebahagiannya dengan memberikan notis dalam Borang MS 19 kepada Mahkamah dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada defendan.

Penarikan balik tuntutan.

(2) Jika plaintiff menarik balik mana-mana presiding di bawah subseksyen (1), defendan adalah berhak mendapat kos presiding itu.

96. Jika plaintiff telah menarik balik presiding di bawah seksyen 95, dia tidak boleh kemudiannya membawa tindakan bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama melainkan jika Mahkamah telah memberikan kebenaran untuk memulakan presiding yang baru.

Kesan penarikan balik ke atas prosiding selanjutnya.

97. Jika plaintiff telah menarik balik mana-mana presiding di bawah seksyen 95 dan dia bertanggungjawab membayar kos mana-mana pihak lain dalam tindakan itu, maka jika sebelum kos itu dibayar dia kemudiannya membawa suatu tindakan bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama, Mahkamah boleh memerintahkan supaya presiding dalam tindakan itu digantung sehingga kos itu dibayar.

Penggantungan.

Penarikan balik pembelaan.

98. Defendan boleh pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada plaintif menarik balik pembelaannya atau sebahagian daripadanya dan hendaklah, dalam keadaan itu, dihalang daripada membela presiding itu atau mana-mana bahagian daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sulh.

99. Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat presiding itu, mengadakan *sulh* untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.

BAHAGIAN XIV

KETERANGAN

BAB 1

AM

Keterangan hendaklah diambil secara lisan. *Akta 561.*

100. Tertakluk kepada Akta ini dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, apa-apa fakta yang dikehendaki dibuktikan pada perbicaraan apa-apa presiding melalui keterangan pihak-pihak atau saksi-saksi hendaklah dibuktikan dengan memeriksa pihak-pihak atau saksi-saksi itu secara lisan di dalam Mahkamah terbuka.

Keterangan melalui afidavit.

101. Mahkamah boleh, pada masa atau sebelum perbicaraan apa-apa presiding, memerintahkan supaya afidavit mana-mana saksi dibacakan pada perbicaraan itu jika dalam hal keadaan kes itu adalah difikirkannya munasabah untuk memerintahkan sedemikian.

BAB 2

SEPINA

Permintaan bagi pengeluaran sepina.

102. (1) Sebelum suatu sepina dikeluarkan suatu permintaan dalam Borang MS 20 bagi pengeluaran sepina itu hendaklah difailkan di Mahkamah; dan permintaan

itu hendaklah mengandungi nama dan alamat pihak yang meminta sepina itu dikeluarkan jika dia bertindak secara sendiri, atau nama firma dan alamat perniagaan Peguam Syarie pihak itu.

(2) Pengeluaran sesuatu sepina adalah terlaksana sebaik sahaja sepina itu dimeteraikan oleh seorang pegawai Mahkamah.

(3) Sesuatu sepina hendaklah mengikut salah satu bentuk dalam Borang MS 21, MS 22 atau MS 23, mengikut kehendak kes.

103. (1) Tiap-tiap sepina selain sepina supaya dokumen atau benda dikemukakan boleh memasukkan nama dua orang atau lebih.

Bilangan orang dalam sepina.

(2) Suatu sepina supaya dokumen atau benda dikemukakan hendaklah mengandungi nama seorang sahaja.

104. Mana-mana orang yang kepadanya disampaikan sepina supaya dia mengemukakan dokumen atau benda sahaja adalah telah mematuhi dengan secukupnya jika dia menyebabkan dokumen atau benda itu dikemukakan tanpa nadir sendiri.

Sepina supaya dokumen dikemukakan.

105. Jika terdapat kesilapan pada nama atau alamat mana-mana orang dalam sesuatu sepina, dan jika sepina itu belum lagi disampaikan, pihak yang atas permintaannya sepina itu dikeluarkan boleh dengan cara memfailkan permintaan kali kedua di bawah subseksyen 102(1) meminta supaya sepina itu dimeteraikan semula mengikut bentuk yang betul dengan dicatatkan dengan perkataan "Dipinda dan dimeterai semula".

Meminda sepina.

106. Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, sepina hendaklah disampaikan ke diri dan penyampaian itu tidaklah sah melainkan jika dilaksanakan dalam masa dua belas minggu selepas tarikh sepina itu dikeluarkan.

Penyampaian sepina.

- Jangka masa sepina. **107.** Sesuatu sepina akan terus berkuat kuasa sehinggalah tamat pendengaran yang menghendaki kehadiran saksi itu.
- Rekod Mahkamah. **108.** (1) Seseorang pegawai Mahkamah tidak boleh dikehendaki melalui sepina untuk mengemukakan rekod Mahkamah,
- (2) Jika salinan asal mana-mana rekod Mahkamah atau mana-mana dokumen yang difailkan di Mahkamah itu dikehendaki kerana apa-apa sebab khas, suatu permintaan bagi pengemukaannya bolehlah, atas permohonan pihak yang menghendaknya, dialamatkan oleh Pendaftar kepada Mahkamah itu.
- (3) Tiada tanda boleh diletakkan pada mana-mana rekod atau dokumen yang dikemukakan di bawah seksyen ini,
- Kehadiran banduan sebagai saksi atau pihak. **109.** (1) Sesuatu permohonan untuk mendapat suatu perintah supaya seseorang yang dikurung di dalam penjara dikemukakan di hadapan Mahkamah boleh dibuat kepada Mahkamah secara *ex parte* melalui notis dalam Borang MS 24 dan disokong dengan affidavit.
- (2) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, kos membawa saksi dalam jagaan selamat dari tempat tahanan ke Mahkamah dan balik hendaklah mula-mula sekali dibayar oleh pihak yang atas permohonannya perintah itu dikeluarkan dan hendaklah menjadi kos dalam kausa.
- (3) Suatu perintah oleh Mahkamah supaya orang yang sedemikian dikemukakan hendaklah dalam Borang MS 25.
- Penawaran perbelanjaan. **110.** Seseorang saksi tidak boleh dipaksa hadir berdasarkan suatu sepina melainkan jika sejumlah wang yang munasabah telah ditawarkan kepadanya untuk menampung perbelanjaannya pergi ke Mahkamah, berada di Mahkamah dan balik dari Mahkamah.

111. Suatu afidavit yang difailkan bagi maksud membuktikan penyampaian sesuatu sepina mestilah menyatakan bila, di mana, bagaimana dan oleh siapa penyampaian itu telah dilaksanakan.

Afidavit mengenai penyampaian sepina

BAB 3

AFIDAVIT

112. Sesuatu afidavit yang hendak digunakan dalam mana-mana presiding di Mahkamah hendaklah dibuat dengan sumpah—

Membuat afidavit.

- (a) di Wilayah-Wilayah Persekutuan, di hadapan mana-mana Hakim Syarie atau Pendaftar;
- (b) di Negeri lain di Malaysia, di hadapan Hakim Syarie atau *Qadi*, mengikut kehendak kes;
- (c) di mana-mana tempat di luar Malaysia, di hadapan mana-mana pegawai Islam Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia atau Konsulat atau Misi Tetap di tempat itu yang diberi kuasa untuk mengendalikan sumpah.

113. (1) Sesuatu afidavit hendaklah dalam Borang MS 26.

Bentuk afidavit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah boleh, mengikut budi bicaranya, menerima sesuatu afidavit walaupun terdapat apa-apa ketakteraturan dalam bentuknya.

114. (1) Salinan apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu afidavit hendaklah dilampirkan pada afidavit itu sebagai ekshibit.

Salinan dokumen hendaklah dilampirkan pada afidavit.

(2) Sesuatu ekshibit pada sesuatu afidavit hendaklah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya afidavit itu diangkat sumpah, dan perakuan itu hendaklah dalam Borang MS 27.

Menolak
afidavit.

115. Mahkamah boleh mengikut budi bicaranya menolak mana-mana afidavit yang kandungannya sukar dibaca atau difahami, atau yang mengandungi apa-apa tulisan antara baris, pengubahan atau pemadaman atau apa-apa kecacatan bentuk yang lain.

Pindaan.

116. (1) Sesuatu afidavit yang telah difailkan tidak boleh dipinda kecuali bagi maksud membetulkan apa-apa kecacatan bentuk atau kesilapan tulis.

(2) Apa-apa pindaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat melalui afidavit pembetulan dan hendaklah difailkan sebelum perbicaraan.

(3) Suatu afidavit tambahan boleh difailkan sebelum perbicaraan.

Memfailkan
afidavit.

117. (1) Tiada afidavit boleh difailkan selepas perbicaraan dimulakan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Tiada rayuan boleh dibuat terhadap keengganan Mahkamah untuk memberikan kebenaran di bawah subseksyen (1), kecuali dalam suatu rayuan terhadap keputusan kes pada keseluruhannya.

Pemeriksaan
balas.

118. (1) Mana-mana pihak yang berhasrat hendak mempertikaikan fakta yang dideposkan dalam suatu afidavit boleh menyampaikan kepada pihak yang memfailkan afidavit itu notis tentang hasrat untuk memeriksa balas deponen itu, dan sesudah itu, jika deponen itu tidak dikemukakan bagi pemeriksaan balas, Mahkamah hendaklah, kecuali dalam hal keadaan khas, menolak atau tidak mengambil kira afidavit itu.

(2) Mahkamah boleh atas kehendaknya sendiri menghendaki kehadiran mana-mana deponen untuk diperiksa mengenai afidavitnya dan, jika dia tidak hadir, boleh menolak atau tidak mengambil kira afidavit itu.

BAHAGIAN XV

PENDENGARAN

119. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, semua presiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Mahkamah terbuka dan semua presiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Kamar.

Pendengaran
di dalam
Mahkamah.

120. (1) Mana-mana pihak boleh hadir sendiri atau melalui Peguam Syariyenya, tetapi tiap-tiap pihak hendaklah hadir pada pendengaran itu kecuali jika dibenarkan selainnya oleh Mahkamah.

Kehadiran.

(2) Seseorang yang tak berkeupayaan hendaklah hadir melalui penjaga *ad litemnya*.

121. (1) Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran —

Ketakhadiran
pihak-pihak.

- (a) tiada satu pihak pun hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan itu;
- (b) defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau
- (c) plaintif tidak hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan itu dan mendengar dan memutuskan apa-apa tuntutan balas.

(2) Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan plaintif di bawah perenggan (1)(b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (1)(c), mengarahkan plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengangkat sumpah *istizhar*.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang plaintif atau defendan dan hanya seorang sahaja daripada mereka yang hadir, Mahkamah boleh mendengar tindakan itu terhadap pihak yang hadir itu dan memutuskan tindakan terhadap pihak-pihak yang tidak hadir mengikut subseksyen (1) atau (2).

(4) Mahkamah boleh mengikut budi bicaranya dalam mana-mana hal yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (3) memerintahkan penangguhan.

Tuntutan
balas.

122. Penggantungan, penarikan balik, pembatalan atau pembuangan tuntutan plaintif tidak boleh menghalang suatu tuntutan balas didengar dan diputuskan.

Tuntutan
bersama.

123. Jika penghakiman diberikan bagi sejumlah wang atas tuntutan dan tuntutan balas kedua-duanya, Mahkamah boleh menolak satu daripada yang satu lagi dan memberikan penghakiman bagi bakinya sahaja tetapi tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah tentang kos sebagaimana yang difikirkannya adil.

Nota
keterangan

124. Mahkamah hendaklah merekodkan keterangan yang diberikan dan, setakat yang didapati perlu, penghujahan undang-undang yang dibuat, termasuk apa-apa bantahan terhadap keterangan, dan boleh merekodkan apa-apa pemerhatian tentang tingkah laku saksi dan perkara material yang lain.

Dokumen atau
ekshibit.

125. (1) Dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditanda dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, dokumen atau ekshibit itu atau salinan dokumen atau ekshibit itu hendaklah disimpan di dalam Mahkamah sementara menanti presiding itu berakhir dan sehingga habis tempoh masa untuk rayuan.

(2) Bagi maksud pengenalpastian, hendaklah juga ditanda sesuatu dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak.

126. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2)—

Susunan
ucapan.

- (a) plaintif hendaklah memulakan dengan membuka kesnya;
- (b) setiap pihak boleh, sebelum mengemukakan apa-apa keterangan, membuka kesnya.

(2) Hakim yang di hadapannya suatu tindakan didengar boleh memberikan arahan tentang pihak yang akan memulakan dan susunan ucapan pada perbicaraan itu, dan tertakluk kepada apa-apa arahan sedemikian, pihak yang akan memulakan hendaklah mempunyai hak memulakan penggulangan kesnya.

(3) Apabila plaintif telah mengemukakan semua keterangan bagi kesnya, Hakim hendaklah memanggil defendan untuk mengemukakan keterangan bagi menjawab tuntutan plaintif, dan dalam hal sedemikian defendan hendaklah diberi pilihan sama ada hendak mengemukakan keterangan atau mengemukakan hujah bahawa tiada kes untuk dijawab.

(4) Jika defendan memilih untuk mengemukakan keterangan, Hakim hendaklah merekodkan keterangan yang dikemukakan sedemikian, dan setelah defendan memberikan semua keterangan bagi pihaknya, Hakim hendaklah meminta defendan membuat penghujahan untuk menutup kesnya.

(5) Apabila defendan telah menutup kesnya, Hakim hendaklah meminta plaintif mengemukakan hujahnya untuk menjawab hujah defendan dan untuk menutup kesnya.

(6) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen ini tetapi tertakluk kepada subseksyen (7) dan (8), Hakim boleh memerintahkan mana-mana pihak supaya mengemukakan hujah bertulis mengikut apa-apa susunan dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkannya.

(7) Jika defendan memilih untuk tidak mengemukakan apa-apa keterangan tetapi memilih untuk mengemukakan hujah bahawa tiada kes untuk dijawab, Hakim hendaklah—

- (a) merekodkan penghujahan defendan; dan
- (b) mengarahkan defendan mengangkat sumpah menafikan tuntutan plaintif, dan jika defendan enggan mengangkat sumpah sedemikian, Hakim hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (8), membuang kes defendan dan membenarkan tuntutan plaintif.

(8) Sebelum Mahkamah membenarkan tuntutan plaintif di bawah subseksyen (7), Mahkamah hendaklah—

- (a) mendengar dan merekodkan penghujahan plaintif dalam menutup kesnya; dan
- (b) mengarahkan plaintif mengangkat sumpah mengakui kebenaran tuntutan, dan jika plaintif enggan mengangkat sumpah sedemikian, Mahkamah hendaklah membuang kesnya.

Kuasa
Mahkamah.

127. Demi kepentingan keadilan, Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat presideng, memanggil mana-mana pihak untuk mengemukakan keterangan dan boleh memeriksa mana-mana tempat atau barang.

Perbicaraan
belum
berakhir.

128. (1) Jika seseorang Hakim telah memulakan perbicaraan mana-mana prosiding dan kerana apa-apa sebab tidak dapat menamatkan perbicaraan itu, seorang Hakim lain boleh dengan persetujuan semua pihak menyambung perbicaraan itu dan memberikan penghakiman.

(2) Jika persetujuan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak diperoleh, maka hendaklah diadakan suatu perbicaraan semula.

Penangguhan.

129. Mahkamah boleh dari semasa ke semasa menangguhkan atau memindahkan mana-mana perbicaraan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan boleh mengenakan apa-apa syarat apabila berbuat demikian.

BAHAGIAN XVI

PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

130. (1) Tiap-tiap Hakim perbicaraan hendaklah menyampaikan penghakiman bertulis. Penghakiman.

(2) Kecuali dalam hal presiding di dalam Kamar, Hakim perbicaraan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), mengumumkan penghakimannya di Mahkamah terbuka.

(3) Apabila seorang Hakim yang telah membicarakan mana-mana presiding tidak dapat kerana apa-apa sebab mengumumkan penghakiman, penghakiman yang ditulis olehnya bolehlah dibacakan di Mahkamah terbuka oleh mana-mana Hakim lain atau oleh Pendaftar.

(4) Semua penghakiman yang diumumkan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod kes.

131. Penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak, termasuklah *sulh*, boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa. Penghakiman persetujuan.

132. Mahkamah hendaklah menetapkan terma sesuatu penghakiman atau perintah dalam penghakiman atau perintah itu. Terma penghakiman atau perintah hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah.

133. Jika apa-apa perintah dibuat bagi pembayaran secara ansuran dalam sesuatu bulan tertentu, ansuran itu hendaklah, jika tiada apa-apa arahan yang sebaliknya, disifatkan kena dibayar pada hari pertama dalam bulan yang berikutnya dan pada hari pertama dalam setiap bulan yang berturutan. Bila ansuran kena dibayar.

134. (1) Mana-mana penghutang yang terhadapnya penghakiman telah atau akan diberikan boleh memohon kepada Mahkamah— Perintah ansuran.

(a) untuk mendapatkan kebenaran membayar hutang penghakiman itu secara ansuran; atau

- (b) jika suatu perintah bagi bayaran secara ansuran telah dibuat, untuk mendapatkan kebenaran membayar dengan ansuran yang lebih rendah,

dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil.

(2) Jika apa-apa ansuran yang dibenarkan dengan perintah di bawah subseksyen (1) tertunggak selama tempoh lebih daripada satu bulan, perintah itu hendaklah disifatkan telah terbatal dan pemiutang penghakiman bolehlah menjalankan pelaksanaan bagi mendapatkan kesemua amaun yang pada masa itu kena dibayar atas penghakiman itu, tetapi penghutang penghakiman itu boleh memohon untuk mendapatkan perintah yang lain.

(3) Mana-manapihak boleh, jika suatu perintah pembayaran secara ansuran telah dibuat, memohon supaya perintah itu dibatalkan atau ansuran itu ditambah atau dikurangkan dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil.

Penghakiman.
dsb. yang
menghendaki
perbuatan
dilakukan;
masa untuk
melakukannya.

135. (1) Tiap-tiap penghakiman atau perintah yang menghendaki mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan, selain pembayaran wang, hendaklah menyatakan masa yang dalamnya perbuatan itu hendaklah dilakukan, dan jika masa tidak dinyatakan sedemikian, perbuatan itu hendaklah dilakukan dalam masa tujuh hari dari tarikh penghakiman atau perintah itu.

(2) Jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu hadir sendiri atau diwakili oleh Peguam Syarienya semasa penghakiman atau perintah diberikan atau dibuat, maka salinan penghakiman atau perintah itu tidaklah perlu disampaikan kepadanya.

(3) Jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu tidak hadir sendiri atau tidak diwakili, tiada prosiding untuk penangkapan atau pengkomitannya boleh diambil melainkan jika suatu salinan penghakiman atau perintah itu yang diendorskan dengan notis dalam Borang MS 28 telah disampaikan kepadanya.

136. Tiap-tiap penghakiman atau perintah hendaklah ditarik dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penghakiman atau perintah itu diberikan atau dibuat.

Tarikh
penghakiman
atau perintah.

137. Suatu penghakiman bagi menghantARSERAHKAN harta alih hendaklah menyatakan amaun wang yang hendaklah dibayar sebagai ganti jika penghantARSERAHAN itu tidak dapat dibuat.

Penghakiman
bagi harta alih.

BAHAGIAN XVII

RAYUAN

138. Dalam Bahagian ini, "keputusan" termasuklah penghakiman atau perintah.

Tafsiran.

139. (1) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah, dan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

Notis rayuan

(2) Sesuatu rayuan hendaklah dibuat dengan memberikan notis rayuan dalam Borang MS 29.

(3) Seseorang perayu boleh merayu terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada sesuatu keputusan.

(4) Notis rayuan hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari dari hari keputusan itu diumumkan, dan hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian yang mana, keputusan itu yang dirayukan.

(5) Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat hendaklah, apabila menerima notis rayuan itu dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, membekalkan kepada perayu salinan diperakui bagi nota-nota keterangan dan penghakiman.

(6) Sebaik sahaja salinan diperakui itu siap, Mahkamah hendaklah memberitahu perayu dalam Borang MS 30.

(7) Dalam masa empat belas hari dari penerimaan pemberitahuan di bawah subseksyen (6), perayu hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah—

- (a) mendepositkan di Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat sejumlah wang yang pada pendapat Pendaftar dapat menampung kos menyediakan bilangan salinan yang mencukupi bagi rekodrayuan untukkegunaan Mahkamah yang mendengar rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan itu; dan
- (b) menyerahkan di Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat sejumlah wang sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sebagai jaminan untuk kos rayuan.

(8) Notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan itu atau kepada Peguam Syarie mereka masing-masing.

Notis rayuan
balas.

140. Seseorang responden dalam mana-mana rayuan boleh, dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis rayuan itu kepadanya, memfailkan di Mahkamah yang mendengar rayuan itu dan menyampaikan kepada perayu notis dalam Borang MS 31 tentang cadangannya untuk mengemukakan hujah pada pendengaran rayuan itu bahawa keputusan yang dirayukan itu patut diubah.

Alasan
rayuan.

141. (1) Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah subseksyen 139(6), perayu hendaklah mengemukakan alasan rayuan dalam lima salinan kepada Pendaftar Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang dialamatkan kepada Mahkamah yang mendengar rayuan itu.

(2) Tiap-tiap alasan rayuan hendaklah menyatakan dengan ringkas isi penghakiman yang dirayukan itu dan hendaklah mengandungi butir-butir yang jelas tentang undang-undang atau fakta-fakta yang mengenainya rayuan itu dibuat dan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar rayuan

itu, perayu tidak boleh dibenarkan semasa pendengaran rayuan itu bersandar kepada apa-apa alasan selain alasan-alasan yang dinyatakan dalam alasan rayuan itu.

142. (1) Apabila perayu yang diwakili oleh Peguam Syarie telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 139 dan 141, perayu hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang dikehendaki dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan—

Rekod rayuan
jika perayu
diwakili.

- (a) pliding;
- (b) nota keterangan;
- (c) alasan penghakiman;
- (d) notis rayuan;
- (e) alasan rayuan;
- (f) semua ekshibit dokumentar; dan
- (g) senarai ekshibit bukan dokumentar, jika ada, yang diserahsimpan di Mahkamah.

(2) Dua salinan rekod rayuan itu hendaklah difailkan di Mahkamah yang mendengar rayuan itu dalam masa enam minggu selepas penerimaan pemberitahuan daripada Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang menyatakan bahawa salinan diperakui bagi nota-nota keterangan dan alasan-alasan penghakiman sudah siap.

(3) Perayu hendaklah dalam tempoh yang dihadkan bagi memfailkan rekod itu menyampaikan suatu salinannya kepada setiap pihak yang kepadanya notis rayuan itu telah disampaikan.

143. (1) Jika perayu telah mematuhi kehendak seksyen 139 dan 141 dan perayu tidak diwakili oleh Peguam Syarie atau Mahkamah yang mendengar rayuan itu telah membenarkan perayu merayu sebagai orang miskin, Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat

Rekod rayuan
jika perayu
tidak diwakili
atau merayu
sebagai orang
miskin

hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang dikehendaki dan rekod rayuan itu hendaklah mengandungi salinan dokumen-dokumen yang disebut dalam subseksyen 142(1).

(2) Sebaik sahaja rekod rayuan itu siap, Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat hendaklah menyampaikan kepada perayu notis dalam Borang MS 32.

(3) Atas permintaan perayu dan, jika deposit yang disebut dalam subseksyen 139(7) tidak mencukupi, apabila dibayar oleh perayu sejumlah wang tambahan yang mencukupi untuk membayar kos bagi menyediakan rekod rayuan, Pendaftar hendaklah—

- (a) membekali perayu suatu salinan rekod rayuan dan salinan tambahan yang mencukupi untuk penyampaian kepada responden atau responden-responden; dan
- (b) menghantar kepada Mahkamah yang mendengar rayuan itu salinan-salinan selebihnya rekod itu.

Penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan.

144. Pemfailan sesuatu notis rayuan tidaklah berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila sebab yang mencukupi ditunjukkan, menggantung pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Penghakiman hendaklah menyatakan alasan.

145. Mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis.

Pelaksanaan penghakiman atas rayuan.

146. Apabila salah satu pihak telah mengambil perintah Mahkamah yang mendengar rayuan itu dan telah mengemukakan perintah itu kepada Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat, Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN XVIII

PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

BAB 1

AM

147. (1) Tiap-tiap orang yang diarahkan oleh mana-mana penghakiman supaya melakukan apa-apa perbuatan hendaklah mematuhi tanpa desakan, dan tidaklah perlu disampaikan kepadanya penghakiman itu atau apa-apa notis penghakiman itu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 135(3).

Kewajipan mematuhi.

(2) Seseorang penghutang penghakiman hendaklah dari semasa ke semasa memberitahu Mahkamah alamat tempat tinggalnya yang terakhir dan kegagalan mematuhi kehendak subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai penghinaan mahkamah.

BAB 2

PENGUATKUASAAN

148. (1) Tertakluk kepada Akta ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang, selain penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah, bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu—

Penguatkuasaan penghakiman, dsb. bagi pembayaran wang.

(a) perintah penyitaan dan penjualan;

(b) presiding *hiwalah*,

(c) dalam hal apabila seksyen 151 terpakai, perintah pengkomitan.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, sesuatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah boleh dikuatkuasakan, dalam hal jika seksyen 151 terpakai, melalui perintah pengkomitan.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah menjejaskan apa-apa remedi lain yang terdapat bagi menguatkuasakan sesuatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, atau kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan ke penjara seseorang yang ingkar membayar wang yang telah dihakamkan atau diperintahkan supaya dibayar olehnya.

Penguatkuasaan
penghakiman
bagi
pemilikan
harta tak
alih.

149. (1) Tertakluk kepada Akta ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pemberian pemilikan harta tak alih bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu—

- (a) perintah pemilikan;
- (b) dalam hal apabila seksyen 151 terpakai, perintah pengkomitan.

(2) Suatu perintah pemilikan tidak boleh diberikan melainkan jika telah ditunjukkan bahawa tiap-tiap orang yang mempunyai milikan sebenar keseluruhan atau mana-mana bahagian harta tak alih itu telah menerima notis presiding itu sebagaimana yang didapati mencukupi oleh Mahkamah untuk membolehkannya memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa relief yang dia mungkin berhak untuk mendapatkannya.

(3) Sesuatu perintah pemilikan boleh mengandungi peruntukan bagi menguatkuasakan pembayaran apa-apa wang yang dihakamkan atau diperintahkan supaya dibayar oleh penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan itu.

Penguatkuasaan
penghakiman
bagi
penghantar-
serahan harta
alih.

150. (1) Tertakluk kepada Akta ini, suatu penghakiman atau perintah bagi penghantarserahan apa-apa harta alih yang tidak memberi orang yang terhadapnya penghakiman itu diberikan atau perintah itu dibuat pilihan membayar nilai tertaksir harta itu bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu—

- (a) perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali harta itu tanpa peruntukan pilihan bagi mendapatkan kembali nilai tertaksir harta itu (kemudian daripada ini disebut "perintah penghantarserahan khusus");

(b) dalam hal apabila seksyen 151 terpakai, perintah pengkomitan.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, suatu penghakiman atau perintah bagi penghantarserahan apa-apa harta alih atau pembayaran nilai tertaksir harta itu bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu—

- (a) perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali harta itu atau nilai tertaksirnya;
- (b) dengan kebenaran Mahkamah, perintah penghantarserahan khusus;
- (c) dalam hal apabila seksyen 151 terpakai, perintah pengkomitan.

(3) Sesuatu perintah penghantarserahan khusus, dan suatu perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali apa-apa harta alih atau nilai tertaksirnya, boleh mengandungi peruntukan bagi menguatkuasakan pembayaran apa-apa wang yang dihakimkan atau diperintahkan oleh penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan oleh perintah itu supaya dibayar.

(4) Sesuatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran nilai tertaksir apa-apa harta alih bolehlah dikuatkuasakan melalui cara yang sama seperti mana-mana penghakiman atau perintah lain bagi pembayaran wang.

151. (1) Jika—

- (a) seseorang yang dikehendaki oleh suatu penghakiman atau perintah supaya melakukan sesuatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu enggan atau abai melakukannya dalam masa itu atau dalam masa yang dilanjutkan atau dipendekkan di bawah seksyen 238, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

Penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan.

- (b) seseorang mengingkari suatu penghakiman atau perintah yang menghendaknya supaya menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan,

maka, tertakluk kepada Akta ini, penghakiman atau perintah itu bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu—

- (aa) dengan kebenaran Mahkamah, perintah pengkomitan;
- (bb) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, dengan kebenaran Mahkamah, perintah pengkomitan terhadap mana-mana pengarah atau pegawai lain pertubuhan itu.

(2) Jika suatu penghakiman atau perintah menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan dalamnya dan suatu perintah dibuat kemudiannya di bawah seksyen 152 menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain, maka sebutan dalam subseksyen (1) mengenai penghakiman atau perintah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perintah yang dibuat di bawah seksyen 152.

(3) Jika di bawah mana-mana penghakiman atau perintah yang menghendaki penghantARSERAHAN apa-apa harta alih, orang yang boleh dikenakan pelaksanaan mempunyai pilihan untuk membayar nilai tertaksir harta itu, dan penghakiman atau perintah itu tidak boleh dikuatkuasakan melalui perintah pengkomitan di bawah subseksyen (1), maka Mahkamah boleh, atas permohonan orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu, membuat suatu perintah yang menghendaki orang yang mula-mula disebut itu menghantARSERAHKAN harta itu kepada pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu dan perintah itu bolehlah dilaksanakan sedemikian.

(4) Permohonan di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat dalam Borang MS 33 dan disokong dengan affidavit dan suatu salinan permohonan dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada orang yang terhadAPNYA perintah itu hendak dikuatkuasakan.

152. (1) Walaupun suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan menyatakan masa yang dalamnya perbuatan itu hendaklah dilakukan, Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, membuat perintah menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa
Mahkamah
untuk
menetapkan
masa.

(2) Jika suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan tidak menyatakan masa yang dalamnya perbuatan itu hendaklah dilakukan, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat suatu perintah kemudiannya yang menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah dibuat dalam Borang MS 34 dan salinan permohonan itu hendaklah, walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, disampaikan kepada orang yang dikehendaki melakukan perbuatan yang berkenaan.

153. (1) Mana-mana orang, yang bukan pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, yang mendapat suatu perintah atau yang bagi faedahnya suatu perintah dibuat, adalah berhak menguatkuasakan pematuhan perintah itu melalui proses yang sama seolah-olah dia ialah pihak dalam kausa atau perkara itu.

Pelaksanaan
oleh atau
terhadap
orang yang
bukan pihak.

(2) Mana-mana orang, yang bukan pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, yang terhadapnya pematuhan mana-mana penghakiman atau perintah boleh dikuatkuasakan, boleh dikenakan proses yang sama bagi menguatkuasakan pematuhan penghakiman atau perintah itu seolah-olah dia ialah pihak dalam kausa atau perkara itu.

BAB 3

PELAKSANAAN

Kebenaran untuk mengeluarkan perintah pelaksanaan.

154. (1) Suatu perintah pelaksanaan bagi menguatkuasakan sesuatu penghakiman atau perintah tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah—

- (a) jika penghakiman atau perintah itu adalah tertakluk kepada apa-apa syarat atau kontingensi;
- (b) jika pada bila-bila masa enam tahun atau lebih telah berlalu sejak tarikh penghakiman atau perintah itu;
- (c) jika apa-apa perubahan telah berlaku disebabkan oleh kematian, serahhak atau selainnya pada pihak-pihak yang berhak kepada atau yang boleh dikenakan pelaksanaan di bawah penghakiman atau perintah itu;
- (d) jika pemiutang penghakiman berhasrat menguatkuasakan penghakiman itu terhadap mana-mana orang selain penghutang penghakiman yang dinamakan dalam penghakiman itu;
- (e) jika suatu perintah pengkomitan masih berkuat kuasa;
- (f) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 134(2), jika suatu perintah untuk pembayaran secara ansuran masih berkuat kuasa; atau
- (g) jika pelaksanaan telah digantung oleh Mahkamah.

(2) Permohonan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan boleh dibuat secara *ex-parte*, tetapi Mahkamah boleh memerintahkan supaya permohonan itu disampaikan kepada mana-mana pihak atau orang tertentu.

(3) Mahkamah hendaklah, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah pelaksanaan itu patut dikeluarkan, memberikan kelulusan mengikut permohonan itu.

- 155.** Tertakluk kepada seksyen 154, pemiutang penghakiman boleh mengemukakan kepada Pendaftar suatu perintah bagi pelaksanaan dalam Borang MS 35 dan Pendaftar, jika didapati tiada sebab mengapa pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan, hendaklah menandatangani dan memeteraikan perintah itu dalam dua salinan, memfailkan satu salinannya dan menyerahkan yang satu lagi kepada bailif bagi pelaksanaan. Mengeluarkan perintah pelaksanaan.
- 156.** Bailif hendaklah mengendorskan dalam mana-mana perintah bagi pelaksanaan tarikh dan masa perintah itu diserahkan kepadanya. Mengendorskan masa penyerahan.
- 157.** Semua perbelanjaan dan fee pelaksanaan, termasuk kos pelaksanaan Peguam Syarie, hendaklah dilevikan sebagai tambahan kepada hutang penghakiman. Fee dan perbelanjaan yang akan dilevikan.
- 158.** Jika Mahkamah berpuas hati bahawa penghutang penghakiman telah menunaikan penghakiman itu, Mahkamah boleh, atas permohonan penghutang penghakiman itu, merekodkan dalam Daftar *Mal* bahawa penghakiman itu telah ditunaikan. Penunaian.
- 159.** (1) Suatu perintah bagi pelaksanaan boleh mengarahkan bailif supaya mengambil mana-mana satu atau lebih daripada satu tindakan yang berikut: Jenis pelaksanaan.
- (a) mendapatkan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dengan menyita dan menjual harta alih penghutang penghakiman itu;
 - (b) menahan harta alih penghutang penghakiman itu yang berada dalam milikan atau kawalan pihak ketiga (kemudian daripada ini disebut "*muhal 'alaih*") atau hutang yang kena dibayar oleh *muhal 'alaih* kepada penghutang penghakiman itu;
 - (c) menyita dan menghantarserahkan kepada pemiutang penghakiman itu apa-apa barang yang diperintahkan supaya dihantarserahkan oleh penghutang penghakiman itu; atau

(d) menahan pendapatan penghutang penghakiman itu.

(2) Tiap-tiap perintah bagi pelaksanaan—

(a) hendaklah menyatakan mengikut cara yang mana sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) pelaksanaan itu hendak dijalankan; dan

(b) hendaklah memperihalkan dengan khusus harta yang dimaksudkan oleh perintah itu.

(3) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pemiutang penghakiman, mengeluarkan suatu perintah pelaksanaan selanjutnya berkenaan dengan harta yang berlainan atau cara pelaksanaan yang berlainan daripada yang telah dinyatakan dalam perintah pelaksanaan yang sedang berkuat kuasa.

Penyitaan dan
penjualan.

160. Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai apabila pelaksanaan melalui penyitaan dan penjualan diperintahkan bagi apa-apa harta:

(a) bailif hendaklah—

(i) tertakluk kepada peruntukan kemudian daripada ini, mengambil harta itu dan meletakkannya dalam jagaannya;

(ii) jika harta itu terdiri daripada syer, saham, debentur atau bon yang tidak boleh dipindahkan melalui penghantarserahan, dalam apa-apa pinjaman atau kumpulan wang, menyampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan suatu salinan perintah bagi pelaksanaan dalam Borang MS 36 bersama-sama dengan perihalan yang mencukupi mengenai syer, saham, debentur atau bon yang disita itu, dan sesudah itu tiada pemindahan syer, saham, debentur atau bon itu boleh didaftarkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah, dan apa-apa faedah atau dividen berkenaan dengan syer, saham, debentur atau bon

itu hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah sehingga Mahkamah memerintahkan selainnya atau membenarkan pemin-dahannya;

- (b) selepas harta itu disita, apa-apa pemberimilikan atau pelupusan harta yang disita itu, selain dengan kebenaran Mahkamah, adalah tak sah terhadap bailif, dan perbuatan itu adalah juga suatu penghinaan mahkamah;
- (c) pada bila-bila masa sebelum penjualan, pemiutang penghakiman boleh meminta bailif melepaskan apa-apa harta tertentu, dan pelepasan itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu penghentian pelaksanaan pada keseluruhannya;
- (d) pada bila-bila masa sebelum penjualan, pemiutang penghakiman boleh menghentikan pelaksanaan itu, dan bailif hendaklah sesudah itu memulangkan perintah bagi pelaksanaan itu kepada Mahkamah;
- (e) bailif hendaklah, melainkan jika harta yang disita itu merupakan wang, meneruskan penjualan harta itu mengikut Bahagian ini;
- (f) bailif hendaklah, selepas pelaksanaan selesai, membuat suatu penyata berhubungannya dengan pelaksanaan itu dan mengemukakannya kepada Pendaftar.

161. (1) Dalam seksyen ini, "harta" termasuklah suatu hutang yang kena dibayar oleh *muhal 'alaih* kepada penghutang penghakiman. *Hiwalah.*

(2) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai jika pelaksanaan diperintahkan melalui penahanan harta dalam milikan atau kawalan seseorang *muhal 'alaih*:

- (a) bailif hendaklah menyampaikan kepada *muhal 'alaih* suatu notis *hiwalah* dalam Borang MS 37, dan notis dalam Borang MS 38 hendaklah digunakan jika harta itu berada di dalam Mahkamah;

- (b) segala harta yang dinyatakan dalam notis *hiwalah* hendaklah ditahan dari masa penyampaian notis itu kepada *muhal 'alaih* setakat atau pada nilai yang disebut dalam notis itu, dan apa-apa pembermilikan atau pelupusan harta itu yang bertentangan dengan terma-terma notis itu, kecuali dengan kebenaran Mahkamah, adalah tak sah terhadap bailif, dan perbuatan itu adalah juga suatu penghinaan mahkamah;
- (c) *muhal 'alaih* boleh membayar kepada bailif amaun yang dituntut atau boleh menghantarserahkan kepadanya harta yang ditahan itu;
- (d) jika *muhal 'alaih* tidak membuat pembayaran atau penghantarserahan itu, bailif boleh menyampaikan kepadanya suatu saman *hiwalah* dalam Borang MS 39 dan Mahkamah hendaklah memeriksanya tentang harta yang ditahan itu:

Dengan syarat bahawa—

- (i) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan kepada seseorang penjawat awam berkenaan dengan wang atau harta dalam milikannya atas sifatnya yang sedemikian, melainkan dengan kebenaran Mahkamah dan dengan kebenaran bertulis Perbendaharaan; dan
 - (ii) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan dalam hal wang, kumpulan wang pelaburan atau harta di dalam mana-mana Mahkamah;
- (e) Mahkamah boleh mendengar keterangan lain mengenai mana-mana saman *hiwalah*;
 - (f) selepas mendengar saman itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah pembayaran atau penghantarserahan dan boleh memerintahkan pelaksanaan dikeluarkan terhadap *muhal 'alaih* mengenai apa-apa harta dalam tangannya yang didapati telah ditahan dengan sah, seolah-olah

muhal 'alaih itu sendiri ialah penghutang penghakiman bagi amaun yang dituntut terhadap penghutang penghakiman yang asal, atau bagi amaun atau nilai harta dalam tangan *muhal 'alaih* itu, mengikut mana-mana yang kurang;

(g) Mahkamah—

- (i) boleh memerintahkan kos terhadap *muhal 'alaih*, dan boleh membenarkan atau tidak membenarkan *muhal 'alaih* itu menuntut kos itu daripada penghutang penghakiman;
- (ii) boleh membenarkan kos kepada *muhal 'alaih* terhadap pemiutang penghakiman, dan boleh memberikan atau tidak memberikan kebenaran untuk menjadikan kos itu sebagai kos pelaksanaan;

(h) jika hutang yang kena dibayar secara ansuran menurut suatu penghakiman ditahan, *muhal 'alaih* tidaklah bertanggung membuat pembayaran kecuali mengikut perintah ansuran itu;

(i) pembayaran oleh *muhal 'alaih* di bawah seksyen ini hendaklah menjadi suatu pelepasan yang sah terhadap penghutang penghakiman;

(j) bailif boleh, atas permintaan pemiutang penghakiman dan hendaklah, jika diperintahkan sedemikian oleh Mahkamah, menarik balik mana-mana notis *hiwalah* atau saman *hiwalah*;

(k) suatu notis *hiwalah* hendaklah disifatkan telah terbatal tiga bulan selepas penyampaian, melainkan jika prosiding di bawah saman itu masih belum selesai atau Mahkamah memerintahkan selainnya.

162. Wang, kumpulan wang yang dilaburkan, atau harta lain penghutang penghakiman dalam atau di bawah kawalan Mahkamah yang memberikan penghakiman itu boleh, jika suatu perintah bagi pelaksanaan telah dibuat, digunakan dengan kebenaran Mahkamah untuk menunaikan hutang penghakiman itu, dan pelaburan serta harta selain wang boleh diperintahkan supaya dijual untuk tujuan itu.

Wang dan
harta di
dalam
Mahkamah.

penyitaan
dan
penghantar-
serahan.

163. Jika pelaksanaan melalui penyitaan dan penghantarserahan sesuatu barang diperintahkan—

- (a) bailif hendaklah menyita barang itu dan setelah dibayar semua perbelanjaan yang kena dibayar, hendaklah menghantarserahkannya kepada pemiutang penghakiman;
- (b) perintah pelaksanaan itu boleh, jika pemiutang penghakiman berhasrat sedemikian, memerintahkan bahawa jika barang itu tidak ditemui, nilainya, seperti yang terdapat dalam penghakiman asal itu atau atas permohonan yang kemudian kepada Mahkamah, hendaklah dilevikan;
- (c) perintah di bawah perenggan (b) tidaklah menghalang presiding untuk pengkomitan.

Deposit
perbelanjaan.

164. (1) Bailif tidaklah diwajibkan mengambil apa-apa tindakan di bawah suatu perintah bagi pelaksanaan sehingga pemiutang penghakiman telah mendepositkan sejumlah wang yang pada pendapat bailif adalah mencukupi untuk membayar apa-apa perbelanjaan pelaksanaan, termasuk perbelanjaan menyimpan milikan apa-apa harta selama tempoh tidak melebihi empat belas hari, dan jika bailif terpaksa menyimpan harta itu melebihi empat belas hari dia boleh menghendaki supaya deposit tambahan dibayar dan jika deposit itu tidak dibayar dia boleh melepaskan harta itu.

(2) Bailif hendaklah menyimpan rekod mengenai semua wang yang didepositkan dengannya di bawah subseksyen (1).

Memasuki
premis.

165. Bailif tidak boleh memecah masuk ke dalam mana-mana rumah yang dipagari atau bangunan yang didiami kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Resit.

166. Bailif hendaklah memberikan resit bagi tiap-tiap jumlah wang yang diterimanya melalui levi, deposit atau selainnya, dan hendaklah membayar wang itu kepada pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran.

167. Bailif hendaklah menggunakan wang yang dilevikan atau diterimanya melalui pelaksanaan mengikut susunan yang berikut: Penggunaan hasil.

- (a) perbelanjaan pelaksanaan;
- (b) pengembalian deposit pemiutang penghakiman yang tidak digunakan;
- (c) jika hal itu termasuk dalam Bahagian XIX, pembayaran ke dalam Mahkamah yang hendaklah diperlakukan mengikut Bahagian itu;
- (d) jika hal itu yang tidak termasuk dalam Bahagian XIX, pembayaran ke dalam Mahkamah untuk kredit pemiutang penghakiman tidak melebihi amaun yang diperlukan untuk menunaikan penghakiman yang mengenainya pelaksanaan itu dikeluarkan dan kos pelaksanaan itu;
- (e) pembayaran bakinya ke dalam Mahkamah untuk kredit penghutang penghakiman.

168. Jika hasil pelaksanaan tidak cukup untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan itu, pemiutang penghakiman hendaklah membayar kekurangan itu, tetapi dia bolehlah menuntunya daripada penghutang penghakiman. Perbelanjaan.

169. (1) Bailif hendaklah membuat penyata dalam Borang MS 40 mengenai tiap-tiap perintah bagi pelaksanaan sebaik sahaja dia menyempurnakan pelaksanaan itu dan hendaklah menyerahkan suatu salinan penyata itu kepada pemiutang penghakiman dan penghutang penghakiman. Penyata mengenai perintah.

(2) Pemiutang penghakiman berhak memeriksa dan menyalin mana-mana inventori harta, akaun penjualan, baucar atau dokumen lain berhubungan dengan pelaksanaan itu yang disimpan atau disenggarakan oleh bailif.

170. Jika mana-mana harta disita dan dipindahkan dari tempat asalnya, bailif hendaklah, apabila diminta, memberi orang yang dalam jagaannya harta itu berada suatu inventori yang mencukupi tentang harta itu. Senarai inventori.

Arahan
tentang
pelaksanaan
kewajipan
bailif.

171. (1) Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan, memberikan apa-apa arahan kepada bailif tentang pelaksanaan kewajipannya sebagaimana yang difikirkan adil.

(2) Mahkamah boleh memanggil dan memeriksa mana-mana orang yang boleh memberikan maklumat berkenaan dengan apa-apa pelaksanaan.

Penyerahan
kepada bailif.

172. Mana-mana dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan atau disampaikan kepada seorang bailif bolehlah disampaikan kepada Pendaftar pada waktu pejabat.

Pembayaran
daripada
Mahkamah.

173. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa jumlah wang yang dibayar ke dalam Mahkamah oleh bailif untuk kredit mana-mana orang hendaklah, atas permohonannya, dibayar daripada Mahkamah kepadanya tanpa apa-apa perintah:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh mengikut budi bicaranya dalam apa-apa hal dan hendaklah, jika dia mempunyai notis bahawa mana-mana orang lain menuntut jumlah wang berkenaan atau mana-mana bahagiannya, menghendaki pemohon itu mendapatkan perintah Mahkamah sebelum membuat pembayaran itu.

Penjualan.

174. Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, segala penjualan hendaklah melalui pelelongan awam pada waktu pejabat dan notis dalam Borang MS 41 tentang tarikh, waktu dan tempat penjualan yang dicadangkan itu hendaklah ditampalkan di Papan Notis Mahkamah dan di tempat penjualan yang dicadangkan itu tidak kurang daripada tujuh hari sebelum penjualan itu.

BAB4

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

Pemakaian.

175. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Bab ini hendaklah terpakai bagi pelaksanaan penghakiman bagi pembayaran wang.

(2) Dalam Bab ini, "penghakiman" termasuklah apa-apa perintah bagi pembayaran wang.

176. (1) Jika penghakiman Mahkamah adalah untuk mendapatkan pembayaran wang, pemiutang penghakiman yang berhak menguatkuasakan penghakiman itu boleh menghendaki penghutang penghakiman yang bertanggung di bawah penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman itu dan untuk mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu.

Permohonan untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman.

(2) Sesuatu permohonan meminta kehadiran seseorang penghutang penghakiman di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu permintaan dalam Borang MS 42 yang ditandatangani oleh pemohon atau Peguam Syariyenya.

(3) Jika suatu penghakiman telah diberikan terhadap dua orang atau lebih, pemiutang penghakiman boleh menghendaki saman penghutang penghakiman dikeluarkan terhadap setiap orang atau mana-mana orang yang bertanggung di bawah penghakiman itu.

177. (1) Apabila menerima suatu permohonan di bawah seksyen 176, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman penghutang penghakiman dalam Borang MS 43.

Mengeluarkan saman penghutang penghakiman.

(2) Sesuatu saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu.

178. (1) Pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman penghutang penghakiman, Mahkamah boleh memeriksa penghutang penghakiman itu dan saksi-saksi lain dengan *iqrar*.

Pemenaan penghutang penghakiman.

(2) Jika penghutang penghakiman tidak hadir pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman itu, Mahkamah boleh—

- (a) memerintahkan supaya dia ditangkap dan dibawa ke hadapan Mahkamah untuk diperiksa; atau
- (b) membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3) terhadap penghutang penghakiman itu.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman itu sama ada—

- (a) sekali gus dengan serta-merta atau dalam apa-apa masa yang ditetapkan oleh Mahkamah; atau
- (b) melalui apa-apa ansuran yang hendaklah dibayar pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman.

179. (1) Jika seseorang penghutang penghakiman tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh Mahkamah terhadapnya di bawah seksyen 178, pemiutang penghakiman boleh, melalui notis penghakiman, meminta penghutang penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara kerana keingkaran itu.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dan diangkat sumpah oleh pemohon dalam Borang MS 44.

Mengeluarkan notis penghakiman.

180. (1) Apabila Mahkamah menerima permohonan di bawah seksyen 179, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu notis penghakiman dalam Borang MS 45.

(2) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu notis penghakiman hendaklah disampaikan ke diri penghutang penghakiman sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi kehadiran penghutang penghakiman itu.

181. (1) Mahkamah boleh, selepas mendengar penghutang penghakiman yang hadir menurut suatu notis penghakiman di bawah seksyen 180, membuat suatu perintah pengkomitan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga puluh hari atau mengubah perintah yang disebut dalam seksyen 178 sebagaimana yang difikirkannya adil.

Pendengaran notis penghakiman.

(2) Jika suatu perintah pengkomitan dibuat, Mahkamah boleh mengarahkan supaya pelaksanaan perintah itu digantung dengan atau tanpa syarat untuk membolehkan penghutang penghakiman membayar amaun yang mengenainya perintah itu dibuat.

182. Sesuatu perintah pengkomitan di bawah seksyen 181 hendaklah dalam Borang MS 46.

Perintah pengkomitan.

183. Jika suatu perintah pengkomitan dibuat di bawah seksyen 181, penghutang penghakiman boleh, pada bila-bila masa, membayar amaun yang dinyatakan dalam perintah itu sama ada kepada bailif atau, jika penghutang penghakiman berada di dalam penjara, kepada pegawai penjara, dan mendapatkan pelepasannya.

Pembayaran oleh penghutang penghakiman.

184. (1) Jika apa-apa hutang penghakiman yang mengenainya seseorang penghutang penghakiman dipenjarakan di bawah seksyen 181 ditunaikan melalui pembayaran atau selainnya, pemiutang penghakiman hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu perakuan penunaian yang ditandatangani olehnya dalam Borang MS 47.

Perakuan penunaian.

(2) Jika pemiutang penghakiman ingkar menyerah simpan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1), penghutang penghakiman atau mana-mana orang bagi pihaknya boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah bagi pelepasannya, dan Mahkamah semasa membuat perintah itu boleh mengarahkan supaya kos bagi permohonan itu hendaklah dibayar oleh pemiutang penghakiman itu.

(3) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam Borang MS 48.

Tarikh perintah pengkomitan.

185. Apa-apa perintah pengkomitan seseorang penghutang penghakiman di bawah seksyen 181 hendaklah mengandungi tarikh perintah itu dibuat dan hendaklah berkuatkuasa selama tempoh satu tahun dari tarikh itu.

BAHAGIAN XIX

PEMBAHAGIAN MENGIKUT KADAR

Hasil jualan pelaksanaan hendaklah dibahagikan mengikut kadar di kalangan pemiutang penghakiman.

186. Tertakluk kepada subseksyen (2), jika aset dihasilkan melalui penjualan atau selainnya pada melaksanakan suatu perintah atau penghakiman dan lebih daripada seorang telah, sebelum penghasilan' itu, menahan harta yang daripadanya aset itu telah dihasilkan pada melaksanakan perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap penghutang penghakiman yang sama tetapi belum lagi mendapat penunaianya, maka aset itu, setelah dipotong kos penghasilan itu, hendaklah dibahagikan mengikut kadar di kalangan semua orang itu:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika harta itu dijual tertakluk kepada suatu gadaian, pemegang gadaian tidaklah berhak berkongsi dalam apa-apa lebihan yang berbangkit daripada hasil jualan itu;
- (b) jika mana-mana harta yang kena dijual pada melaksanakan suatu perintah atau penghakiman adalah tertakluk kepada suatu gadaian, Mahkamah boleh, dengan persetujuan pemegang gadaian itu, memerintahkan supaya harta itu dijual bebas daripada gadaian itu, dengan memberi pemegang gadaian itu hak yang sama terhadap hasil jualan itu seperti yang dipunyai olehnya terhadap harta yang dijual itu; dan
- (c) jika mana-mana harta tak alih dijual pada melaksanakan suatu perintah atau penghakiman yang memerintahkan penjualannya bagi

melepaskan bebanan atas harta itu, hasil jualan itu hendaklah digunakan—

- (i) pertamanya, bagi menjelaskan perbelanjaan penjualan itu;
- (ii) keduanya, bagi melepaskan wang pokok yang kena dibayar atas bebanan itu;
- (iii) ketiganya, bagi melepaskan wang pokok yang kena dibayar atas bebanan kemudiannya, jika ada; dan
- (iv) keempatnya, dibahagikan mengikut kadar antara pemegang-pemegang perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap penghutang penghakiman yang telah, terdahulu daripada penjualan harta itu, memohon kepada Mahkamah yang meluluskan perintah atau penghakiman itu dan belum lagi mendapat penunaianya.

(2) Jika kesemua atau mana-mana aset yang kena dibahagikan mengikut kadar di bawah seksyen ini telah dibayar kepada seseorang yang tidak berhak menerima pembahagian itu, mana-mana orang yang berhak sedemikian boleh mendakwa orang itu supaya memulangkan aset itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa untuk mengecewakan atau menangguhkan apa-apa tuntutan yang di bawah peruntukan undang-undang bertulis lain patut dibayar mengikut keutamaannya.

BAHAGIAN XX

PROSIDING INTERLOKUTORI DAN PERINTAH INTERIM

BABI

PROSIDING INTERLOKUTORI

187. (1) Jika melalui Akta ini sesuatu permohonan seniasa apa-apa prosiding, sama ada sebelum atau selepas penghakiman, dibenarkan dibuat kepada Mahkamah secara

nyata atau secara tersirat, maka permohonan itu hendaklah dibuat dalam Borang MS 49 dan hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, didengar di dalam Kamar di hadapan seorang Hakim.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah menyatakan jenis perintah yang dipohon secara am dan alasan-alasan bagi permohonan itu.

(3) Sesuatu permohonan di bawah Bab ini boleh dibuat secara *ex parte* melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah atau diperuntukkan selainnya dalam Bab ini.

Notis
permohonan
hendaklah
difailkan.

188. (1) Suatu permohonan hendaklah disifatkan telah dibuat apabila notis berkenaan dengan permohonan itu telah difailkan dan dimeteraikan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran.

(2) Sesuatu permohonan tidak boleh dipinda selepas difailkan tanpa kebenaran Mahkamah.

Penyampaian
permohonan.

189. Apa-apa permohonan yang hanya meminta supaya apa-apa tempoh masa dilanjutkan atau dipendekkan boleh disampaikan pada hari sebelum hari yang dinyatakan bagi pendengarannya tetapi, kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu dan melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah atau diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, sesuatu permohonan hendaklah disampaikan kepada setiap pihak lain tidak kurang daripada dua hari genap sebelum hari yang dinyatakan sedemikian.

Afidavit.

190. (1) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan afidavit.

(2) Mana-mana pihak—

(a) yang memfailkan afidavit yang dicadangkan hendak digunakan olehnya dalam apa-apa prosiding berhubung dengan permohonan itu; atau

- (b) yang bercadang untuk menggunakan dalam mana-mana prosiding sedemikian apa-apa affidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding yang terdahulu,

hendaklah memberikan notis kepada tiap-tiap pihak lain tentang pemfailan itu atau tentang cadangannya hendak berbuat demikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

191. Salinan asal apa-apa dokumen yang hendak digunakan sebagai keterangan dalam prosiding berhubungan dengan permohonan itu hendaklah, jika dokumen itu boleh didapati, dibawa, dan salinan mana-mana dokumen itu atau mana-mana bahagiannya hendaklah dibekalkan bagi kegunaan Mahkamah dan diberikan kepada pihak-pihak lain dalam prosiding itu.

Salinan
dokumen.

192. (1) Pendengaran sesuatu permohonan boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa, sama ada secara umum atau kepada suatu tarikh tertentu, mengikut mana-mana yang sesuai.

Penangguhan.

(2) Jika pendengaran itu ditangguhkan secara umum, maka pihak yang membuat permohonan itu boleh memasukkannya semula dengan memberikan notis dua hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran kepada semua pihak lain yang kepada mereka salinan permohonan itu telah disampaikan.

193. (1) Jika pemohon tidak hadir pada pendengaran permohonannya, Mahkamah boleh membuang permohonan itu.

Ketakhadiran,

(2) Jika mana-mana pihak dalam sesuatu permohonan tidak hadir pada pendengaran pertama atau mana-mana pendengaran sambungannya dan Mahkamah berpendapat adalah suaimanfaat diteruskan pendengaran itu tanpa kehadiran mana-mana pihak, maka Mahkamah bolehlah berbuat demikian.

(3) Sebelum meneruskan pendengaran tanpa kehadiran mana-mana pihak, Mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa permohonan itu atau notis tentang masa yang ditetapkan bagi pendengaran sambungannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah disampaikan dengan sewajarnya kepada pihak itu.

(4) Jika permohonan itu telah dibuang tanpa pendengaran oleh sebab pemohon tidak hadir, maka Mahkamah, jika berpuas hati bahawa adalah adil berbuat sedemikian, boleh membenarkan permohonan itu dimasukkan semula.

(5) Jika Mahkamah yang mendengar sesuatu permohonan meneruskan pendengaran tanpa kehadiran sesuatu pihak, maka, dengan syarat bahawa apa-apa perintah yang dibuat pada pendengaran itu belum lagi disempurnakan, Mahkamah, jika berpuas hati adalah adil berbuat sedemikian, boleh mendengar semula permohonan itu.

Perintah *ex pane* boleh diketepikan.

194. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam mana-mana kausa atau perkara, mengetepikan sesuatu perintah yang dibuat secara *ex pane* di bawah Bab ini.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu dan hendaklah didengar secara antara pihak.

Permohonan dalam prosiding.

195. Mahkamah boleh, mengikut budi bicaranya, semasa mendengar sesuatu permohonan di bawah Bab ini, membenarkan apa-apa permohonan yang berbangkit dalamnya didengar secara lisan.

BAB 2

PERINTAH INTERIM

Pemakaian.

196. Bab ini terpakai hanya bagi Mahkamah Tinggi Syariah.

197. (1) Tertakluk kepada Bab ini, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, mengikut budi bicaranya, untuk memberikan apa-apa perintah interim atas apa-apa terma yang difikirkannya patut dan boleh memberikan apa-apa arahan tentang presiding selanjutnya.

Kuasa Mahkamah untuk memberikan perintah interim.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan perintah interim hendaklah dibuat dalam Borang MS 50 dan disokong dengan affidavit.

198. Tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa perintah interim di bawah Bab ini.

Tiada rayuan terhadap perintah interim.

199. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi penahanan, pemeliharaan atau penjagaan mana-mana harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu, atau yang mengenainya apa-apa soalan mungkin berbangkit dalamnya, atau bagi pemeriksaan mana-mana harta sedemikian dalam milikan suatu pihak dalam kausa atau perkara itu.

Penahanan, pemeliharaan, dsb., hat perkara kausa atau perkara.

(2) Bagi maksud membolehkan apa-apa perintah di bawah subseksyen (1) dijalankan, Mahkamah boleh melalui perintah itu memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Jika hak mana-mana pihak kepada suatu dana tertentu dipertikaikan dalam suatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh, atas permohonan suatu pihak dalam kausa atau perkara itu, memerintahkan supaya dana itu dibayar ke dalam Mahkamah atau selainnya dijamin.

200. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam mana-mana kausa atau perkara, sebelum atau selepas pendengaran kausa atau perkara itu, Mahkamah boleh memberikan injunksi, sama ada atau tidak tuntutan untuk mendapatkan injunksi itu telah dimasukkan dalam saman, tuntutan balas atau notis pihak ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Injunksi.

(2) Permohonan di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan kecuali dalam keadaan yang mendesak.

(3) Jika pemohon ialah plaintif dan kes itu satu kes yang mendesak, permohonan itu boleh dibuat secara *ex parte* yang disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang jelas dan ringkas lagi padat—

- (a) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan terhadap defendan dalam presiding itu;
- (b) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan untuk mendapatkan injunksi itu;
- (c) tentang fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan secara *ex parte* itu, termasuk butir-butir terperinci mengenai apa-apa notis yang diberikan kepada defendan atau, jika butir-butir itu tidak diberikan, sebab butir-butir itu tidak diberikan;
- (d) tentang apa-apa jawapan yang ditegaskan oleh defendan, atau yang difikirkan mungkin akan ditegaskan olehnya, sama ada kepada tuntutan dalam tindakan itu atau kepada tuntutan bagi injunksi itu;
- (e) tentang apa-apa fakta yang diketahui oleh pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberikan injunksi secara *ex parte*;
- (f) tentang sama ada mana-mana permohonan secara *ex parte* terdahulu yang seumpamanya telah dibuat kepada mana-mana Hakim dan, jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan
- (g) tentang relief yang sebenarnya dipohon.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (3), dalam mana-mana prosiding terhadap Kerajaan atau Majlis, Mahkamah tidak boleh memberikan suatu injunksi tetapi sebagai ganti boleh membuat suatu perintah mengisytiharkan hak pihak-pihak dalam kausa atau perkara itu.

(5) Mahkamah tidak boleh memberikan suatu injunksi atau apa-apa perintah terhadap mana-mana pegawai Kerajaan atau pegawai Majlis jika kesan injunksi atau pembuatan perintah itu memberikan relief yang tidak mungkin boleh didapati olehnya dalam prosiding terhadap Kerajaan atau Majlis.

201. (1) Tertakluk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, jika Mahkamah berpuas hati, atas permohonan mana-mana pihak untuk mendapatkan *hadhanah* seseorang kanak-kanak dalam apa-apa kausa atau perkara, bahawa hal keadaan memerlukan dibuat suatu perintah interim tentang *hadhanah* kanak-kanak itu, maka Mahkamah boleh membuat perintah sedemikian yang hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga Mahkamah membuat keputusan atas kausa atau perkara itu.

Perintah
interim
tentang
hadhanah.
Akta 303

(2) Permohonan di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan kecuali dalam hal yang mendesak dan demi kepentingan keadilan atau perlindungan pemohon atau kanak-kanak itu didapati bahawa campur tangan serta-merta Mahkamah adalah perlu.

(3) Jika pemohon ialah plaintif dan kes itu satu kes yang mendesak, permohonan itu boleh dibuat secara *ex pane* yang hendaklah disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang jelas dan ringkas lagi padat—

- (a) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan terhadap defendan dalam prosiding itu;
- (b) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan untuk mendapatkan perintah interim itu;

- (c) tentang fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan secara *ex pane* itu;
- (d) tentang apa-apa fakta yang diketahui oleh pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberikan perintah interim itu;
- (e) tentang sama ada mana-mana permohonan secara *ex parte* terdahulu yang seumpamanya telah dibuat kepada mana-mana Hakim dan, jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan
- (f) tentang relief yang sebenarnya dipohon.

Penintah interim tentang nafkah. Akta 303.

202. (1) Tertakluk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, jika Mahkamah berpuas hati, atas permohonan mana-mana pihak yang berhak mendapat nafkah dalam apa-apa kausa atau perkara, bahawa hal keadaan memerlukan dibuat suatu perintah interim tentang nafkah terhadap orang yang bertanggung menurut Hukum Syarak untuk membayar nafkah, maka Mahkamah boleh membuat perintah sedemikian yang hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan terus berkuat kuasa sehingga Mahkamah membuat keputusan atas kausa atau perkara itu.

(2) Jika permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah berkenaan dengan suatu perintah interim untuk mendapatkan nafkah seseorang kanak-kanak, Mahkamah tidak boleh membuat perintah sedemikian melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa bapa kanak-kanak itu atau seseorang yang bertanggung menurut Hukum Syarak untuk membayar nafkah kanak-kanak itu berkeupayaan untuk membayar nafkah yang dipohon itu.

Kuasa untuk memerintahkan diambil sampel, dsb.

203. (1) Jika difikirkan oleh Mahkamah perlu atau suaimanfaat bagi maksud mendapatkan maklumat atau keterangan penuh dalam mana-mana kausa atau perkara, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu, dan atas apa-apa terma, jika ada, yang difikirkannya adil, melalui perintah membenarkan atau menghendaki supaya diambil apa-apa

sampel mana-mana harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu atau yang mengenainya apa-apa soalan mungkin berbangkit dalamnya, apa-apa pemerhatian hendak dibuat tentang harta itu atau apa-apa ujikaji diujikan ke atas atau dengan harta itu.

(2) Bagi maksud membolehkan mana-mana perintah di bawah subseksyen (1) dijalankan, Mahkamah boleh melalui perintah itu memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Suatu permohonan di bawah seksyen ini hendaklah disokong dengan afidavit.

204. Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam mana-mana kausa atau perkara, membuat suatu perintah bagi penjualan oleh mana-mana orang, mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu mana-mana harta alih yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu atau yang mengenainya apa-apa soalan mungkin berbangkit dalamnya dan mungkin merosot jika disimpan atau yang bagi apa-apa sebab baik yang lain adalah wajar dijual dengan serta-merta.

Penjualan harta mudahmusnah, dsb.

205. Jika semasa mendengar permohonan, yang dibuat sebelum perbicaraan suatu kausa atau perkara, untuk mendapatkan perintah interim, didapati oleh Mahkamah bahawa perkara yang dipertikaikan itu boleh diuruskan dengan lebih baik lagi dengan cara mengadakan perbicaraan awal daripada menimbang keseluruhan merit kausa atau perkara itu bagi maksud permohonan itu, maka Mahkamah boleh membuat perintah yang sewajarnya dan boleh juga membuat apa-apa perintah berkenaan dengan tempoh sebelum perbicaraan sebagaimana yang dikehendaki bagi keadilan kes itu.

Perintah bagi perbicaraan awal.

Mendapatkan kembali harta alih yang tertakluk kepada Hen, dsb

206. Jika plaintif, atau defendan melalui tuntutan balas, menuntut untuk mendapatkan kembali harta alih tertentu dan pihak yang daripadanya harta itu hendak didapatkan kembali tidak mempertikaikan hakrailik pihak yang membuat tuntutan itu tetapi menuntut bahawa dia berhak memegang simpan harta itu menurut kuasa suatu lien atau selainnya sebagai jaminan bagi apa-apajumlah wang, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas tuntutan bahawa dia berhak sedemikian ternyata daripada pliding itu, jika ada, atau melalui affidavit atau selainnya. hingga memuaskan hatinya, memerintahkan bahawa pihak yang hendak mendapatkan kembali harta itu adalah bebas untuk membayar ke dalam Mahkamah, sementara menanti keputusan tindakan itu, amaun wang yang mengenainya jaminan itu dituntut dan apa-apajumlah wang selanjutnya, jika ada, bagi bayaran perkhidmatan dan kos sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dan bahawa, apabila bayaran sedemikian dibuat, harta yang dituntut itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang menuntutnya, tetapi tertakluk kepada Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Akta 17.

Membenarkan pendapatan daripada harta yang menjadi hal perkara prosiding.

207. Jika apa-apa harta alih atau harta tak alih menjadi hal perkara mana-mana presiding, dan Mahkamah berpuas hati bahawa harta itu lebih daripada mencukupi untuk menjawab segala tuntutan mengenainya yang baginya peruntukan patut dibuat dalam presiding itu, Mahkamah boleh pada bila-bila masa membenarkan keseluruhan atau sebahagian pendapatan daripada harta itu dibayar, selama apa-apa tempoh yang diarahkan olehnya, kepada mana-mana atau kesemua pihak yang mempunyai kepentingan dalamnya atau boleh mengarahkan supaya mana-mana bahagian harta alih itu dipindahmilikkan atau dihantarserahkan kepada mana-mana atau kesemua pihak itu.

BAHAGIAN XXI

KUASA HAKIM DAN PENDAFTAR

Kuasa Pendaftar.

208. Dalam mana-mana Mahkamah yang baginya dia dilantik, Pendaftar di dalam Kamar boleh—

(a) menangguhkan apa-apa prosiding;

- (b) menetapkan tarikh perbicaraan apa-apa prosiding;
- (c) mentadbirkan sumpah untuk affidavit dan menerima bon;
- (d) jika jaminan diperintahkan, menentukan bahawa jaminan itu mencukupi dan menghendaki penjamin menunjukkan bahawa dia mempunyai kemampuan untuk memberikan jaminan;
- (e) dengan persetujuan semua pihak, memerintahkan penyatuan apa-apa prosiding; dan
- (f) menjalankan apa-apa tugas lain yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau apa-apa perintah Hakim.

209. (1) Seseorang Hakim boleh—

Kuasa
Hakim.

- (a) menjalankan semua kewajipan dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) menjalankan fungsinya di dalam Mahkamah atau di dalam Kamar mengenai apa-apa prosiding dalam had bidang kuasa tempatannya; dan
- (c) mencatatkan penghakiman yang dibuat melalui pengakuan atau persetujuan pihak-pihak di dalam Mahkamah atau di dalam Kamar.

(2) Seseorang Hakim boleh menjalankan di dalam Mahkamah atau di dalam Kamar segala kuasa yang diberikan kepada Pendaftar di bawah seksyen 208.

(3) Seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh, atas permohonan mana-mana pihak atau mengikut budi bicaranya sendiri, memerintahkan Mahkamah Rendah Syariah supaya menghidupkan semula mana-mana kes yang telah ditolakny.

(4) Ketua Hakim Syarie boleh, atas permohonan mana-mana pihak atau mengikut budi bicaranya sendiri, memerintahkan mana-mana Mahkamah supaya menghidupkan semula mana-mana kes yang telah ditolak.

Rayuan kepada Hakim di dalam Kamar terhadap penghakiman, dab.. Pendaftar.

210. (1) Sesuatu rayuan boleh dibuat kepada seorang Hakim di dalam Kamar terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar.

(2) Rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan menyampaikan kepada setiap pihak lain dalam presiding itu yang penghakiman, perintah atau keputusan mengenainya telah diberikan suatu notis dalam Borang MS 51 untuk hadir di hadapan Hakim pada hari yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, notis itu hendaklah difailkan dalam masa tujuh hari selepas penghakiman, perintah atau keputusan yang dirayukan itu diberikan atau dibuat dan hendaklah disampaikan tidak kurang daripada dua hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu.

(4) Kecuali sebagaimana yang diarahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu rayuan di bawah seksyen ini tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan prosiding yang dalamnya rayuan itu dibawa.

(5) Keputusan Hakim di dalam Kamar adalah muktamad.

BAHAGIAN XXII

WANG DAN HARTA DI DALAM MAHKAMAH

Akaun bank Mahkamah.

211. Tiap-tiap Mahkamah hendaklah menyimpan suatu akaun rasmi mengikut Hukum Syarak di mana-mana bank.

Bayaran ke dalam Mahkamah.

212. Wang yang dibayar ke dalam Mahkamah boleh dibayar kepada Pendaftar dengan menyatakan tujuan wang itu dibayar dan Pendaftar hendaklah mengeluarkan resit penerimaannya.

Bayaran ke dalam bank.

213. Semua wang yang diterima di bawah seksyen 212 hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, dimasukkan ke dalam akaun bank Mahkamah.

214. Jika wang dibayar ke dalam Mahkamah untuk kredit mana-mana orang, orang yang membayar itu hendaklah dengan segera memberikan notis mengenai pembayaran itu kepada orang yang untuk kreditnya wang itu dibayar.

Notis kepada orang yang berhak.

215. Sebelum membuat apa-apa pembayaran daripada Mahkamah, Pendaftar—

Pembayaran daripada Mahkamah.

- (a) boleh menghendaki bukti bahawa orang yang memohon pembayaran itu ialah orang yang berhak atau diberi kuasa untuk menerima pembayaran itu; dan
- (b) hendaklah memastikan bahawa semua wang yang kena dibayar kepada Kerajaan yang telah dimaklumkan kepadanya telah dibayar atau dipotong.

216. (1) Pembayaran daripada Mahkamah—

Cara membayar.

- (a) jika tidak melebihi lima puluh ringgit, boleh dibuat secara tunai; dan
- (b) jika lima puluh ringgit atau lebih, hendaklah dibuat melalui cek yang kena dibayar kepada penerima, dipalang dan diendorskan "tak boleh niaga" dan ditanda "Boleh dibayar hanya dalam masa 90 hari dari tarikh".

(2) Cek yang tidak ditunaikan dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh cek itu boleh diperbaharui atau diganti.

217. (1) Pendaftar boleh mengikut budi bicaranya dan jika diminta sedemikian mengirimkan melalui pos apa-apa wang yang hendak dibayar daripada Mahkamah.

Kiriman melalui pos.

(2) Jika apa-apa wang dikirimkan melalui pos, Pendaftar hendaklah mendapatkan resit baginya selepas kiriman dibuat dan tanggungjawab kerana kehilangannya hendaklah ditanggung oleh penerima.

Buku akaun. **218.** (1) Mahkamah hendaklah menyenggarakan apa-apa buku akaun sebagaimana yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan.

(2) Dalam seksyen ini, "Arahan Perbendaharaan" ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Akta 61. **219.** Tiada kos perkhidmatan boleh dikenakan ke atas apa-apa dana yang disimpan di dalam Mahkamah.

Dana tak dituntut, dsb. **220.** Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, dana di dalam Mahkamah dan semua barang kemas, sekuriti dan harta alih, selain wang, dan apa-apa surat ikatan atau dokumen yang dikehendaki bagi maksud pendengaran atau presiding, yang tidak dituntut selepas lima belas tahun, hendaklah menjadi harta dan terletak pada *Baitulmal*.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak menuntut dan jika berpuas hati bahawa pihak menuntut itu berhak kepada wang atau harta yang terletak pada *Baitulmal* di bawah subseksyen (1), memerintahkan *Baitulmal* membayar wang atau memulangkan harta itu atau nilainya kepada pihak menuntut itu.

BAHAGIAN XXIII

KOS, ELAUN DAN FEE MAHKAMAH

Fee Mahkamah. **221.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), maka hendaklah dibayar berkenaan dengan semua kausa, perkara dan presiding di Mahkamah apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Kerajaan atau Majlis tidaklah dikehendaki membayar apa-apa fee Mahkamah dalam presiding oleh atau terhadap Kerajaan atau Majlis.

(3) Fee Mahkamah hendaklah dibayar dengan wang tunai.

(4) Tiada fee boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa presiding yang diambil atas kehendak Mahkamah.

222. Tertakluk kepada Akta ini, Mahkamah hendaklah, mengikut budi bicaranya, mengawardkan kos bagi prosiding yang difailkan di Mahkamah itu walaupun Mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa mengenai presiding itu. Kos.

223. Kos hendaklah ditaksirkan oleh Mahkamah atau Pendaftar mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini. Taksiran kos.

224. Jika pada pendengaran apa-apa prosiding seseorang hadir di Mahkamah sebagai seorang saksi mengenai fakta, atau sebagai seorang saksi untuk mengemukakan sesuatu dokumen, maka boleh dibenarkan baginya apa-apa jumlah wang yang patut sebagaimana yang ditetapkan. Saksi.

225. Jika pada pendengaran apa-apa prosiding seseorang hadir di Mahkamah sebagai seorang saksi pakar, maka boleh dibenarkan suatu fee baginya kerana hadir di Mahkamah, dan sebagai tambahan, suatu fee kerana layak memberikan keterangan sebagai pakar sedemikian. Saksi pakar.

226. Sebagai tambahan kepada apa-apa elaun yang kena dibayar di bawah seksyen 224 dan 225, boleh dibenarkan bagi seseorang saksi atau sesuatu pihak apa-apa perbelanjaan yang telah dilakukan dengan sebenarnya dan semunasabahnya oleh saksi atau pihak itu dalam perjalanan ke dan dari Mahkamah atau kerana tinggal di tempat penginapannya. Elaun penginapan dan perjalanan.

227. Jika seseorang saksi atau sesuatu pihak hadir di Mahkamah berkenaan dengan dua presiding atau lebih, maka jumlah wang yang boleh dibenarkan baginya di bawah seksyen 224 atau 225 berkenaan dengan sesuatu prosiding bolehlah diumpukkan antara beberapa prosiding itu. Kehadiran dalam lebih daripada satu prosiding.

228. Elaun boleh dibayar kepada seseorang saksi sama ada dia dipanggil ataupun tidak, jika kehadirannya diperlukan. Saksi tidak dipanggil.

BAHAGIAN XXIV

PENGHINAAN MAHKAMAH

Notis
menunjukkan
sebab.

229. (1) Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah dan boleh, dalam prosiding sedemikian, membuat suatu perintah pengkomitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(2) Jika penghinaan dilakukan di dalam Mahkamah, maka tidaklah perlu bagi Mahkamah menyampaikan notis untuk menunjukkan sebab tetapi Mahkamah hendaklah memastikan bahawa orang yang dikatakan melakukan penghinaan itu faham tentang jenis kesalahan yang dikatakan terhadapnya dan diberi peluang untuk didengar untuk membela dirinya, dan Mahkamah hendaklah membuat suatu rekod yang sepatutnya mengenai prosiding itu.

(3) Dalam hal penghinaan yang dilakukan di luar Mahkamah, notis supaya menunjukkan sebab mengapa tindakan atau prosiding tidak boleh diambil terhadapnya hendaklah disampaikan ke diri orang yang dikatakan melakukan penghinaan itu.

Penghinaan
oleh
pertubuhan
perbadanan.

230. Jika penghinaan Mahkamah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa penghinaan itu dilakukan ialah pengarah, pengurus atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu atau selainnya bertanggungjawab atas pengurusan pertubuhan perbadanan itu adalah juga melakukan penghinaan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa—

- (a) penghinaan itu telah dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu tanpa persetujuan atau pembiarannya; atau
- (b) dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan berlakunya penghinaan itu sebagaimana yang patut diambil olehnya dengan mengambil kira sifat jawatannya atau jenis tugasnya dalam pertubuhan perbadanan itu dan segala hal keadaan.

231. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan atau mengambil apa-apa prosiding atas nama atau bagi pihak orang lain dengan mengetahui bahawa dia tidak dibenarkan dengan sahnya oleh orang itu melakukan kesalahan menghina Mahkamah.

BAHAGIAN XXV

PELBAGAI

232. (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Hakim Syarie, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua prosiding di Mahkamah. Bahasa.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk digunakan menurut Akta ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.

233. Borang-borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, dengan apa-apa perubahan mengikut kehendak hal keadaan, hendaklah digunakan bagi masing-masing maksud yang disebut dalamnya. Borang.

234. Atas permohonan dan apabila dibayar fee yang ditetapkan oleh mana-mana orang, Pendaftar bolehlah membekalkan salinan diperakui bagi apa-apa dokumen termasuk, dengan keizinan Mahkamah, mana-mana nota keterangan kepada orang itu. Salinan diperakui.

235. Jika apa-apa fee atau deposit kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perbuatan, atau apa-apa pembayaran terlibat dalam melakukan perbuatan itu, pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan perbuatan itu tidaklah berkewajipan melakukannya sehingga fee atau deposit atau amaun pembayaran itu telah dibayar. Fee, deposit dan pembayaran.

Larangan ke atas pegawai Mahkamah.

236. Tiada seorang pun pegawai Mahkamah boleh menjadi penjamin, atau menandatangani apa-apa resit atau dokumen atau menerima apa-apa wang bagi atau bagi pihak mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding di Mahkamah, atau membuat tawaran atau selainya menjadi pembeli secara langsung atau tak langsung di mana-mana penjualan oleh Mahkamah.

Memberikan jaminan.

237. (1) Jaminan hendaklah diberikan dengan menandatangani wang atau melalui bon yang amaunnya hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah atau Pendaftar,

(2) Perbelanjaan mengenai jaminan, jika ada, hendaklah ditanggung oleh orang yang memberikan jaminan itu.

(3) Suatu akujanji bertulis oleh seorang Peguam Syarie boleh diterima sebagai ganti jaminan yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Jika jaminan diberikan dengan menandatangani wang, wang itu tidak boleh dibayar keluar tanpa perintah Mahkamah.

(5) Jika jaminan diberikan melalui bon, seorang penjamin adalah diperlukan melainkan jika diperintahkan selainya oleh Mahkamah.

Memanjangkan atau memendekkan masa.

238. (1) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, melalui perintah, melanjutkan atau memendekkan tempoh yang dalamnya seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) walaupun permohonan untuk mendapatkan pelanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas habis tempoh itu.

239. Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak, pada bila-bila masa, memerintahkan supaya apa-apa dokumen atau kandungan apa-apa dokumen yang mengaibkan, tak relevan, menyusahkan, menindas, menimbulkan perbahasan atau terlalu panjang dibatalkan.

240. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, Mahkamah boleh jika difikirkannya perlu memerintahkan supaya mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding hadir sendiri pada bila-bila masa, melainkan jika pihak itu berada di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan, dan kegagalan sengaja untuk mematuhi perintah itu hendaklah menjadi suatu penghinaan mahkamah.

Kehadiran sendiri.

241. Mana-mana proses atau dokumen yang dikehendaki disampaikan oleh seseorang pegawai Mahkamah atau sesuatu pihak boleh disampaikan oleh mana-mana Mahkamah lain.

Penyampaian oleh Mahkamah lain.

242. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan mana-mana pihak atau saksi patut diambil sebelum tarikh pendengaran, Mahkamah atau mana-mana Hakim yang diarahkan oleh Mahkamah itu boleh mengambil keterangan daripada mana-mana pihak atau saksi sedemikian di mana-mana tempat yang difikirkannya sesuai dan keterangan yang diambil sedemikian boleh kemudiannya digunakan dalam pendengaran itu.

Merekodkan keterangan sebelum pendengaran.

(2) Notis bahawa keterangan akan diambil di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada pihak yang satu lagi tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh keterangan itu diambil sedemikian dan pihak yang satu lagi itu boleh mengambil bahagian dalam presiding itu.

243. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Mahkamah atau seorang Hakim boleh, dalam hal apa-apa presiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah lain, mengambil keterangan daripada mana-mana pihak atau saksi atau orang lain dan menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan bagi prosiding yang belum selesai itu.

Surat permintaan.

(2) Kuasa Mahkamah atau Hakim di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan jika terdapat suatu permintaan bertulis daripada Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu belum selesai.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu belum selesai boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, meminta Mahkamah lain mengambil keterangan daripada mana-mana pihak atau saksi dalam prosiding itu, jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa pihak atau saksi itu tidak dapat hadir di Mahkamah itu kerana alasan yang munasabah atau jika kehadiran pihak atau saksi itu akan menyebabkan pihak yang memanggil saksi itu menanggung perbelanjaan yang tidak munasabah.

Kuasa sedia
ada
Mahkamah.

244. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai mengehadkan atau menyentuh kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah.

Hukum
Syarak.

245. (1) Mana-mana penentuan atau tafsiran peruntukan di bawah Akta ini yang tak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketakselarasan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Jawatankuasa
Kaedah-
Kaedah.

246. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamai Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) seorang wakil Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan;

- (c) seorang wakil Jabatan Peguam Negara;
- (d) seorang wakil Peguam Syarie; dan
- (e) dua orang anggota lain yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(e) hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

247. (1) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah boleh, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, bagi menjalankan peruntukan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan bagi—

Kaedah-kaedah.

- (a) tatacara dan amalan pejabat pendaftaran Mahkamah Syariah;
- (b) fee, elaun dan kos yang kena dibayar berkenaan dengan presiding di bawah Akta ini;
- (c) tatacara mengenai *sulh*;
- (d) borang, buku akaun, laporan dan dokumen lain yang hendak digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau benda yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini; dan
- (e) penjalanan Mahkamah, bentuk dan kaedah pelaksanaan suratcara dan pelantikan pegawai atau ejen Mahkamah.

(2) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah boleh meminda Jadual Kedua dan Ketiga melalui perintah.

Pemberhentian pemakaian Enakmen. En. Set. 3/52. P.U. (A) 44/74. P.U. (A) 352/85.

248. (1) Seksyen 76 hingga 93 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' 1952 bagi Negeri Selangor, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Peluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 dan mana-mana peruntukan lain Enakmen-Enakmen itu yang berhubungan dengan tatacara *mal* hendaklah dengan ini terhenti terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan pada permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Jika mana-mana kes atau perkara belum selesai di hadapan mana-mana Mahkamah pada permulaan kuat kuasa Akta ini, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan presiding kes atau perkara itu setakat yang tidak menyebabkan ketakadilan.

JADUAL PERTAMA

(Subseksyen 3(3))

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

<i>Baitulmal</i>	بيت المال
<i>'eddah</i>	عدة
<i>hadhanah</i>	حضانة
<i>hiwalah</i>	حوالة
<i>iqrar</i>	إقرار
<i>istizhar</i>	استظهار
<i>mal</i>	مال
<i>muhal 'alaih</i>	محل عليه
<i>Qadi</i>	قاضي
<i>sulk</i>	صلح
<i>wakalah</i>	وكالة

JADUAL KEDUA
(Subseksyen 7(2))

PROSIDING YANG HENDAKLAH DIMULAKAN DENGAN PERMOHONAN

Perkara-perkara yang berhubungan dengan undang-undang diri dan keluarga seperti yang berikut:

Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan seseorang orang belum dewasa

Pelantikan wall am

Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang

Anggapan kematian

Pelantikan penjaga harta seseorang orang belum dewasa

Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang orang belum dewasa

Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang orang belum dewasa

Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang orang belum dewasa

Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang orang belum dewasa

Kebenaran untuk menyara seseorang orang belum dewasa daripada pendapatan hartanya

Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang orang belum dewasa

Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang orang belum dewasa

Injunksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia

Perintah untuk mengetepikan, dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah

Injunksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau isteri

Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pengakuterimaan paterniti)

Pengesahan pengakuterimaan paterniti oleh perempuan dalam '*eddah*' (Pembahagian harta pusaka)

JADUAL KETIGA

(Seksyen 2)

BORANG MS 1AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 4)

TAJUK AM

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH
DI.....
DIWILAYAH PERSEKUTUAN.....

(1) No. Tahun 19.....

Antara

(2) Plaintif
Pemohon

dengan

(3).....,..... Defendan
Responden

Catalan:

- (1) Jenis presiding (misalnya Saman; Permohonan; dsb.)
- (2) Nama, jika tak berkeupayaan atau atas sifat wakilan, berikan butir-butir pewartan,

Contoh:

- (a) A.B. pentadbir bagi C.D. yang sudah mati;
- (b) A.B. seorang budak, melalui C.D. penjaga *ad litemnya*.

BORANG MS 2

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Perenggan 8(a))

SAMAN

(Tajuk Am)

Kepada
(defendan yang dinamakan di atas) yang beralamat di

Anda adalah dengan ini disaman supaya hadir sama ada sendiri
atau melalui Peguam Syarie anda di hadapan Mahkamah
..... Syariah di.....

pada hari pada haribulan
19..... pukul pagi/petang, untuk menjawab suatu
tuntutan terhadap anda oleh plaintif yang dinamakan di atas, yang
butir-butirnya ada dinyatakan dalam pernyataan tuntutan yang
diendorskan di sini.

Ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir di Mahkamah pada
hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar
dan memutuskan kes tanpa kehadiran anda.

Dan ambil perhatian bahawa jika anda ingin membela diri terhadap
tuntutan itu, anda hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang
ditetapkan sebelum tarikh yang tersebut di atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

Hakim/Pendaftar

Rang Undang-Undang

(Pengendorsan di belakang saman)

PERNYATAAN TUNTUTAN

(dalam perenggan bernombor)

Kepada

defendan yang dinamakan di atas yang tinggal di

Bertarikh pada haribulan 19.....

Plaintif (atau Peguam Syarie bagi Plaintif)

BORANG MS 3

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 13(1))

PERMOHONAN

(Tajuk Am)

Kepada (defendan yang dinamakan di atas) yang beralamat di

Ambil Perhatian bahawa pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Mahkamah Syariah di pada hari pada haribulan 19..... pukul pagi/petang untuk mendapatkan suatu perintah bahawa (1)..... atas alasan yang dinyatakan dalam afidavit yang dilampirkan.

Pemohon (atau Peguam Syarie bagi Pemohon)

Catalan:

Jenis perintah yang dipohon hendaklah dinyatakan dengan tepat. Perkara-perkara berlainan yang berbangkit dalam prosiding yang sama bolehlah diuruskan dalam permohonan yang sama.

BORANG MS 4

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 31(2))

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN UNTUK
MENDAKWA/SEMBELA SEBAGAI ORANG MISKIN**

(Tajuk Am)

Saya
bersumpah dan menyatakan—

1. Saya tinggal di dan
ialah seorang
(nyatakan pekerjaan)

2. (1) Saya mempunyai tuntutan yang berpatutan terhadap

yang beratamat di
untuk (di sini nyatakan dengan ringkas lagi padat tuntutan dan kausa
tindakan dan segala fakta matan mengenai kes itu).

* (2) Saya berhasrat untuk membawa tindakan terhadap

tersebut tetapi tidak berupaya membayar fee Mahkamah baginya
kerana (nyatakan sebab mengapa pemohon tidak berupaya membayar
fee Mahkamah).

*3. (1) Saya ialah seorang defendan dalam tindakan ini dan
mempunyai pembelaan yang baik dalam tindakan ini atas alasan-
alasan yang berikut (nyatakan dengan ringkas lagi padat alasan-
alasan pembelaan).

[Saya mempunyai tuntutan balas yang berpatutan terhadap plaintif
bagi (nyatakan dengan ringkas lagi padat tuntutan balas itu dan
segala fakta matan yang berhubungan dengannya)].

(2) Saya tidak berupaya membayar fee Mahkamah bagi pembelaan
(atau tuntutan balas) saya sebab (nyatakan sebab mengapa pemohon
tidak berupaya membayar fee Mahkamah).

4. Saya memohon kebenaran untuk *mendakwa
..... tersebut/membela (dan membawa suatu tuntutan
balas dalam) tindakan ini sebagai orang miskin.

Diangkat sumpah di
pada haribulan 19.....

Tandatangan Pemohon

Di hadapan saya,

Hakim/Pendaftar

Perintah,

Kebenaran untuk mendakwa/membela (dan membawa tuntutan balas)
sebagai orang miskin diberikan padaharibulan.....
ditolak

19.....

Hakim

* Potong jika tidak berkenaan.

BORANG MS 5

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 34(2))

WAKALAH PEGUAM SYARIE

(Tajuk Am)

Saya plaintif (atau defendan)
yang dinamakan di atas K.P.P.N. No.
yang beralamat di

dengan ini melantik
..... daripada Tetuan

untuk mewakili saya dan bertindak bagi pihak saya dalam kes ini
dan untuk hadir dalam presiding yang berhubungan dengannya.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Plaintif/atau Defendan

Saya..... dengan
ini menerima pelantikan yang disebut terdahulu.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Peguam Syarie

Di hadapan saya,

Hakim/Pendaftar

Wakalah ini difailkan oleh Tetuan
bagi pihak plaintif (atau defendan) yang beralamat di

BORANG MS 6

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 36(1))

NOTIS PENUKARAN PEGUAM SVARIE

(Tajuk Am)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya
plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas yang beralamat
di

telah melantik
(nama Peguam Syarie yang baru)

untuk bertindak bagi pihak diri saya dalam prosiding ini
menggantikan
(nama Peguam Syarie yang dahulu)

Alamat bagi penyampaian (nama Peguam Syarie yang bam) yang
dinamakan di atas ialah

Bertarikh pada haribulan 19.....

Plaintif (atau Defendan)

Kepada defendan (atau plantif) atau Peguam Syarienya dan kepada
(dengan menamakan Peguam Syarie plaintif (atau defendan) yang
dahulu).

BORANG MS 7

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 37)

NOTIS PELEPASAN PEGUAM SYARIE

(Tajuk Am)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya
plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas telah melepaskan
Peguam Syarie saya (nama Peguam Syarie).....

yang telah dilantik untuk bertindak sebagai Peguam Syarie plaintif
(atau defendan) dalam presiding ini.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Plaintif/Defendan

Kepada defendan (atau plaintif) atau Peguam Syarienya.

BORANG MS 8

**AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)1997**

(Seksyen 38)

NOTIS PENARIKAN DIRI PEGUAM SYARIE

(Tajuk Am)

Kepada Pendaftar,

Ambil perhatian bahawa saya
Peguam Syarie bagi plaintif (atau defendan) dengan ini menarik
diri dan terhenti menjadi Peguam Syarie yang bertindak bagi pihak
plaintif (defendan) yang tersebut dalam prosiding yang di sebut
di atas .

Bertarikh pada haribulan 19..... .

Peguam Syarie

Notis ini dikeluarkan oleh
(*nama Peguam Syarie*)

yang beralamat di

Peguam Syarie bagi

Kepada plaintif (atau defendan) atau Peguam Syarienya.

BORANG MS 9

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 57(1))

**NOTIS OLEH PIHAK MENUNTUT MENGENAI HARTA YANG
DIAMBIL DALAM PELAKSANAAN**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa saya
yang beralamat di
menuntut harta yang berikut yang telah diambil dalam pelaksanaan
dalam tindakan ini di (nyatakan alamat) pada haribulan
..... 19.....

(Nyatakan wang, barang atau harta alih lain yang dituntut dan alasan-
alasan tuntutan itu).

Bertarikh pada haribulan 19.....

Pihak Menuntut

Alamat saya untuk penyampaian ialah

Kepada bailif dan pemiutang pelaksanaan (atau Peguam Syarie bagi
pemiutang pelaksanaan).

BORANG MS 10

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 57(2))

**NOTIS OLEH BAILIF MENGENAI HARTA YANG DIAMUIL
DALAM PELAKSANAAN**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa.....
yang beralamat di
telah menuntut harta yang berikut (nyatakan harta yang
dituntut)
yang saya ambil dalam pelaksanaan di bawah perintah penyitaan
dan penjualan yang dikeluarkan dalam tindakan ini.

Jika dalam masa empat hari selepas menerima notis ini, anda memberi
saya notis bahawa anda mengakui tuntutan

yang tersebut ke atas harta tersebut atau meminta saya menarik
balik pemilikan dalam Borang MS 11 anda tidak akan bertanggung
atas apa-apa kos yang ditanggung selepas notis anda itu saya terima.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Bailif

Kepada pemiutang pelaksanaan (atau Peguam Syarie bagi pemiutang
pelaksanaan).

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan)*

113

BORANG MS 11

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 57(2))

**NOTIS OLEH PEMIUTANG PELAKSANAAN MENGENAI HARTA YANG
DIAMBIL DALAM PELAKSANAAN**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa saya mengakui (atau mempertikaikan)
tuntutan ke atas harta
yang, anda sita (atau saya meminta anda menarik balik pemilikan)
di bawah perintah penyitaan dan penjualan yang di keluarkan dalam
tindakan ini.

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Pemiutang Pelaksanaan
(atau Peguam Syarie bagi Pemiutang Pelaksanaan)*

BORANG MS 12

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 58(1)»

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN SAMAN INTERPLIDER
OLEH BAILIF**

(Tajuk Am)

1. Pada haribulan 19.....
..... memberikan notis kepada saya bahawa dia menuntut harta yang berikut (nyatakan harta yang dituntut) yang saya ambil dalam pelaksanaan di bawah perintah penyitaan dan penjualan yang dikeluarkan dalam tindakan ini.

2. Pada haribulan 19..... saya telah memberitahu pemiutang pelaksanaan tentang tuntutan tersebut. Dia tidak mengakui tuntutan itu dan tidak meminta saya menarik balik pemilikan ke atas harta yang dituntut itu.

3. Saya menilaikan harta yang dituntut itu pada nilai lebih kurang RM Saya tidak menuntut apa-apa kepentingan dalam hal perkara yang dipertikaikan itu selain fee komisen dan belanja pelaksanaan.

Saya tidak dengan apa-apa jua cara pun berpakat-sulit dengan mana-mana pihak dalam tindakan ini.

Saya memohon supaya suatu saman interplider dikeluarkan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Bailif

Saman Interplider dikeluarkan dan boleh dikembalikan pada haribulan 19..... pukul pagi/petang.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Pendaftar

BORANG MS 13

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 58(1))

**PERMOHONAN UNTUK MERAYU OLEH SESEORANG
YANG BERTANGGUNGAN**

Afidavit sokongan

Saya
yang beralamat di
(jika dalam suatu tindakan, defendan yang dinamakan di atas)
bersumpah dan menyatakan seperti yang berikut:

1. (Jika dalam suatu tindakan). Tindakan ini dibawa untuk
mendapatkan kembali (nyatakan apa) yang dituntut oleh plaintif
tetapi saya telah menerima suatu tuntutan yang bertentangan dengan
tuntutan plaintif daripada

yang beralamat di

(atau, jika tidak ada tindakan), saya telah menerima tuntutan-tuntutan
bertentangan daripada
..... yang beralamat di
..... dan
..... yang
beralamat di
ke atas (nyatakan apa) yang bernilai lebih kurang
RM Saya menjangka akan didakwa atas tuntutan-
tuntutan ini oleh pihak-pihak menuntut tersebut.

2. Saya tidak menuntut apa-apa kepentingan dalam hal
perkara yang dipertikaikan (selain jumlah wang sebanyak RM
..... bagi kos atau caj) (atau mengikut
mana-mana yang berkenaan). Saya tidak dengan apa-apa jua cara
pun berpakat-sulit dengan salah seorang (atau mana-mana) pihak
menuntut tersebut.

3. Saya bersedia dan sanggup membawa ke dalam Mahkamah atau
membayar atau membereskan hal perkara yang dipertikaikan mengikut
apa-apa cara yang diarahkan oleh Mahkamah.

Diangkat sumpah (seperti dalam Borang MS 26).

BORANG MS 14

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 59(2))

SAMAN INTERPLIDER

(Tajuk Am)

(a) *Kepada Pemiutang Pelaksanaan*

Kepada;..... yang beralamat di

Bahawasanya pihak menuntut di atas telah membuat tuntutan ke atas harta tertentu yang diambil dalam pelaksanaan di bawah proses yang dikefuarkan daripada Mahkamah ini atas permintaan anda:

Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah Syariah di pada hari..... pada haribulan 19..... pukul pagi/petang apabila tuntutan tersebut akan dihakimi dan apa-apa perintah dibuat mengenainya sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 19.....

'Meterai)

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

Pendaftar

(b) *Pihak Menuntut*

Kepada yang beralamat di

Anda dengan ini disaman subaya hadir di hadapan Mahkamah Syariah di
pada hari pada haribulan 19..... puku!.....'..... pagi/petang untuk menyokong tuntutan yang anda buat ke atas

harta tertentu yang diambil dalam pelaksanaan di bawah proses yang dikeluarkan daripada Mahkamah ini atas permintaan pemiutang pelaksanaan dan jika anda ingkar ketika itu untuk membuktikan tuntutan itu, maka harta tersebut akan diperlakukan di bawah proses tersebut sebagai harta penghutang pelaksanaan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

Pendaftar

BORANG MS 15

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 62(3))

**PENGHAKIMAN (ATAU PERINTAH) MENGENAI SAMAN
INTERPLIDER**

(Tajuk Am)

Apabila sahaja Saman Interplider (atau Saman) ini dikemukakan untuk pendengaran di hadapan Yang Arif Tuan Hakim pada hari pada haribulan 19..... dan setelah mendengar keterangan yang dikemukakan dan apa yang dikatakan oleh pihak-pihak (atau Peguam Syarie mereka)

(Masukkan Bahagian Berkual kuasa yang berkenaan).

(Bahagian-Bahagian Berkuat kuasa)

(a) Di bawah pelaksanaan

Dihakimi mengenai tuntutan ke atas (nyatakan harta) (atau ke atas hasil jualan) (atau nilai) bagi (nyatakan harta itu) yang diambil dalam pelaksanaan di bawah proses yang dikeluarkan daripada Mahkamah ini atas permintaan pemiutang pelaksanaan, bahawa (nyatakan harta) (atau hasil jualan) (atau nilai) (atau sebahagian daripada harta tersebut) (atau hasil jualan) (atau nilai) tersebut iaitu (nyatakannya) itu ialah (atau bukanlah) harta pihak menuntut.

Dan diperintahkan bahawa tersebut hendaklah membayar kepada tersebut sejumlah wang sebanyak RM bagi kos (dan sejumlah wang sebanyak RM bagi perbelanjaan tambahan pelaksanaan dan penyimpanan dalam milikan yang disebabkan oleh tuntutan itu).

(Masukkan arahan tentang pelupusan apa-apa wang di dalam Mahkamah.)

(b) Dalam suatu tindakan belum selesai

Pada hari ini dihakimi mengenai tuntutan plaintif dan pihak menuntut ke atas (sebahagian daripada) hal perkara tindakan ini bahawa tuntutan plaintif (atau pihak menuntut) adalah sah dan bahawa pihak menuntut (atau plaintif) tidak mempunyai apa-apa tuntutan mengenainya.

(Dan dihakimi selanjutnya bahawa plaintif (atau pihak menuntut) berhak mendapat daripada defendan sejumlah wang sebanyak RM kerana hutang dan RM bagi kos yang semua sekali berjumlah sebanyak RM)

(Dan diperintahkan—di sini masukkan apa-apa perintah untuk penghantarserahan harta itu).

Dan dihakimi selanjutnya bahawa plaintif (atau pihak menuntut) berhak mendapat jumlah wang sebanyak RM daripada pihak menuntut (atau plaintif) bagi kos (tambah jika apa-apa kos diawardkan kepada defendan terhadap plaintif atau pihak menuntut).

Dan dihakimi selanjutnya bahawa defendan berhak mendapat jumlah wang sebanyak RM bagi kos daripada plaintif (atau pihak menuntut).

(Jika pihak menuntut tidak hadir dan suatu perintah dibuat menghalang tuntutannya, maka teruskan seperti yang berikut:

Dan oleh sebab pihak menuntut..... tidak hadir, maka diisytiharkan bahawa tersebut dan semua orang yang menuntut di bawahnya terhalang selamanya daripada membuat tuntutan itu terhadap plaintif dan semua orang yang menuntut di bawahnya).

(c) Dalam apa-apa hal lain

Pada hari ini dihakimi (di sini nyatakan penghakiman yang menentukan tuntutan antara pemohon dan mana-mana pihak menuntut yang hadir atau, jika semua pihak menuntut hadir, penghakiman yang menentukan hak dan tuntutan semua pihak dan apa-apa perintah tentang pembayaran, atau penghantarserahan harta dan kos)

(Jika mana-mana pihak menuntut tidak hadir dan suatu perintah dibuat menghalang tuntutannya, maka teruskan seperti yang berikut:

Dan oleh sebab pihak menuntut
tidak hadir, maka diisytiharkan bahawa
tersebut dan semua orang yang menuntut di bawahnya ter-
halang selama-lamanya daripada membuat tuntutan terhadap
pemohon dan semua orang yang menuntut di bawahnya).

(Testimonium)

Bertarikh pada haribulan19.....

(Meterai)

Pendaftar

BORANG MS 16

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 64(3))

PEMBELAAN

(Tajuk Am)

(Nyatakan dalam perenggan bernombor pengakuan atau penafian pengatahan-pengatahan matan dalam pernyataan tuntutan, setiap pengatahan hendaklah, setakat yang sesuai, terkandung dalam perenggan yang berasingan, misalnya)

1. Defendan mengaku bahawa
sebagaimana yang dikatakan dalam perenggan
pernyataan tuntutan itu tetapi menafikan bahawa

2. Tentang perenggan pernyataan
tuntutan itu defendan berkata bahawa

3. Selanjutnya atau sebagai pilihan defendan berkata bahawa

4. Jika (yang adalah dinafikan) plaintif
maka defendan berkata bahawa

5. Kecuali sebagaimana yang diakui dengan nyata terdahulu daripada
ini defendan menafikan setiap dan tiap-tiap pengatahan fakta yang
terkandung dalam perenggan
(perenggan ke)
pernyataan tuntutan seolah-olah ia dinyatakan dalam pembelaan ini
dan disangkal secara khusus.

TUNTUTAN BALAS

1. Defendan mengulangi perenggan dan
menuntut sebanyak RM yang merupakan baki
amaun yang kena dibayar sebagaimana yang disebut terdahulu setelah
ditolak tuntutan plaintif.

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Defendan
(atau Peguam Syarie bagi Defendan)*

BORANG MS 17

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 92(1))

**NOTIS PENDENGARAN TINDAKAN YANG DIPINDAHKAN DARI
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KE MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa Saman/Permohonan Mahkamah Tinggi Syariah No. tahun 19..... telah dipindahkan ke Mahkamah ini dan dinomborkan sebagai Saman/Permohonan No. tahun 19..... dan anda dikehendaki hadir di Mahkamah Rendah Syariah di pada hari..... pada haribulan 19..... pukul pagi/petang untuk mendapatkan apa-apa arahan tentang perjalanan selanjutnya presiding itu.

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Pendaftar Mahkamah
Tinggi Syariah*

Kepada:

Setiap pihak (atau *Peguam Syarie* bagi setiap pihak).

Pendaftar,
Mahkamah Rendah Syariah.

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan)*

123

BORANG MS 18

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 93)

**NOTIS PEMINDAHAN TINDAKAN KE MAHKAMAH TINGGI
SYARIAH DARI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa tindakan ini telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah menurut suatu perintah Mahkamah itu.

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Pendaftar Mahkamah Rendah
Syariah*

Kepada:

Setiap pihak (atau *Peguam Syarie* bagi setiap pihak).

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Syariah.

BORANG MS 19

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 95(1))

NOTIS PENARIKAN BALIK

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif menarik balik keseluruhan (atau nyatakan bahagian) tindakan ini terhadap defendan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Plaintif (atau Peguam Syarie bagi Plaintif)

Kepada:

(1) Pendaftar.

(2) Defendan (atau *Peguam Syarie* bagi defendan).

BORANG MS 20

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 102(1))

PERMINTAAN UNTUK MENGELUARKAN SEPINA

Kepada Pendaftar

Mahkamah Syariah

Sila keluarkan suatu sepina kepada saksi yang nama dan butir-butirnya adalah seperti yang di bawah ini:

Nama penuh saksi:

No. K.P.P.N. :

Pekerjaan :

Alamat :

bagi tujuan *memberikan keterangan/*mengemukakan dokumen/atau *memberikan keterangan dan mengemukakan dokumen.

2. Saksi dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Plaintif/Defendan/
(atau Peguam Syarie bagi Plaintif/Defendan)*

* Potong jika tidak berkenaan.

BORANG MS 21

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 102(3))

SEPINA UNTUK MEMBERIKAN KETERANGAN

(Tajuk Am)

Kepada
yang beralamat di

Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan
Mahkamah Syariah di
pada hari padaharibulan
..... 19..... pukul pagi/petang
dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamat presiding di
atas, untufc memberikan keterangan bagi pihak
dalam presiding tersebut.

Bertarikh pada haribulan 19

Catalan No, tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

Pendaftar

BORANG MS 22

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 102(3))

SEPINA UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN

(Tajuk Am)

Kepada
yang beralamat di

Anda dengan ini disaman supaya hadir sendiri atau melalui ejen di hadapan Mahkamah
Syariah di..... pada hari
pada haribulan 19..... pukul
pagi/petang dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamat presiding di atas, untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

bagi pihak
dalam prosiding tersebut.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

Pendaftar

BORANG MS 23

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 102(3))

**SEPINA UNTUK MEMBERIKAN KETERANGAN DAN
MENGEMUKAKAN DOKUMEN**

(Tajuk Am)

Kepada
yang beralamat di
Anda adalah dengan ini disaman supaya hadir sendiri di
hadapan Mahkamah Syariah di
pada hari pada haribulan
..... 19..... pukul pagi/petang
dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamat presiding di
atas, untuk memberikan keterangan dan mengemukakan dokumen-
dokumen yang berikut:

bagi pihak
dalam presiding tersebut.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

Pendaftar

BORANG MS 24

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 109(1))

**AFIDAVIT UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH BAGI PENGEMUKAAN
SESEORANG YANG DI DALAM PENJARA**

(Tajuk Am)

Saya yang beralamat di
..... bersumpah dan menyatakan seperti
yang berikut:

1. Bahawa tindakan di atas ditetapkan untuk pendengaran di Mahkamah Syariah di pada hari pada haribulan 19..... dan bahawa.....
..... sekarang ini seorang banduan yang dikurung di penjara/tempat tahanan di akan menjadi saksi material kepada saya pada pendengaran itu (atau ialah suatu pihak dalam tindakan itu).
2. Bahawa saya dinasihati dan sesungguhnya percaya bahawa saya tidak dapat meneruskan pendengaran tindakan ini dengan wajar tanpa keterangan
yang tersebut (atau keterangan saya).
3. Saya dengan ini memohon suatu perintah di bawah seksyen 30 Akta Penjara 1995 supaya
yang tersebut boleh dibawa ke hadapan Mahkamah.
4. Saya dengan ini mengaku janji akan membayar kos membawa
yang tersebut dalam jagaan selamat pergi dan balik dari Mahkamah dan kos saraan bagi dirinya dan pegawai-pegawai yang menjaganya semasa menghadiri Mahkamah.

Diangkat sumpah (seperti dalam Borang MS 26).

BORANG MS 25

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 109(3))

**PERINTAH SUPAYA MENGEMUKAKAN ORANG YANG
DI DALAM PENJARA**

(Tajuk Am)

Kepada pegawai yang menjaga

Anda dengan ini dikehendaki, setelah anda ditawarkan sejumlah wang yang munasabah untuk membawa dan menyara seorang pegawai yang berkenaan dan yang sekarang ini seorang banduan di untuk pergi ke, terus berada di dan kembali dari Mahkamah Syariah di supaya membawa..... yang tersebut ke hadapan Mahkamah Syariah pada hari pada..... haribulan 19..... pukul..... pagi/petang untuk memberikan keterangan di Mahkamah itu bagi pihak dan selepas yang tersebut telah memberikan keterangannya di hadapan Mahkamah itu dan Mahkamah itu telah mengetepikan keperluan kehadiran orang itu seterusnya, anda adalah dikehendaki menyebabkan orang itu dibawa dengan jagaan selamat dan terjamin balik ke tersebut.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

Pendaftar

BORANG MS 26

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 113(1))

BENTUK AFIDAVIT

(Tajuk Am)

Saya (nama, alamat dan perihalan deponen) bersumpah dan menyatakan seperti yang berikut:

(Nyatakan dalam perenggan bernombor fakta-fakta yang hendak dideposkan dalam afidavit)

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.

Diangkat sumpah pada.....haribulan
.....19.....di.....
oleh.....

Tandatangan

Di hadapan saya,

Hakim/Pendaftar

*Tatacara Mat Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan)*

131

BORANG Ms 27

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 114(2))

PENGENALPASTIAN EKSHIBIT

(Tajuk Am)

Ini ialah ekshibit bertanda "..... ,
yang diset>ut dalam affidavit
yang diangkat sumpah di hadapan saya pada haribulan
..... 19.....

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 28

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 135(3))

PERINTAH/PENGHAKIMAN

(Tajuk Am)

(NYATAKAN JENIS PERINTAH/PENGHAKIMAN)

Bertarikh pada haribulan 19.....

Hakim/Pendaftar

PENGENDORAN

Ambil perhatian bahawa, jika anda abai mematuhi perintah (atau penghakiman) ini, dalam masa yang dihadkan dalamnya, atau dalam masa empat hari selepas penyampaian perintah ini kepada anda, mengikut mana-mana yang terkemudian, maka anda melakukan suatu penghinaan Mahkamah dan dengan itu boleh dikomitkan ke penjara.

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 29

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 139(2))

NOTIS RAYUAN

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah di yang diberikan pada haribulan 19..... merayu kepada Mahkamah Syariah terhadap keseluruhan keputusan tersebut (atau apa-apa bahagian daripada keputusan tersebut) yang memutuskan bahawa,

(nyatakan butir-butir terperinci).

Bertarikh pada haribulan 19.....

Perayit
(atau Peguam Syarie bagi Perayu)

Kepada:

Pendaftar Mahkamah Syariah

dan kepada:

BORANG MS 30

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 139(6))

NOTIS BAHAWA SALINAN DIPERAKUI BAGI NOTA KETERANGAN DAN PENGHAKIMAN SUDAH SIAP

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa salinan diperakui bagi nota keterangan dan penghakiman sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena anda bayar sebagai kos menyediakan salinan-salinan diperakui itu.

Kepada:

Bertarikh pada haribulan 19.....

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 31

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 140)

NOTIS RAYUAN BALAS

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa, pada pendengaran rayuan di atas, responden yang dinamakan di atas akan menghujahkan bahawa keputusan Mahkamah Syariah yang diberikan pada..... haribulan 19..... patut diubah atas alasan-alasan yang berikut:

(Nyatakan dalam perenggan bernombor

(a) jenis relief yang dituntut; dan/atau

(b) alasan-alasan yang menjadi sandaran.)

Bertarikh pada haribulan 19.....

Kepada Pendaftar dan perayu.

Responden

(atau Peguam Syarie bagi Responden)

BORANG MS 32

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 143(2))

NOTIS BAHAWA REKOD RAYUAN SUDAH SIAP

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa rekod rayuan presideng yang disebut di atas sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM..... kena anda bayar sebagai kos menyediakan rekod itu.

Kepada:

Bertarikh pada haribulan 19.....

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 33

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subt-eksyen 151(4»)

**PERMINTAAN BAGI MENDAPATKAN PERINTAH
PENGHANTARSERAHAN HARTA ALIH**

(Tajuk Am)

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan perintah penghantarserahan terhadap
(nama defendan) yang beralamat di bagi
penghantarserahan (perihalkan harta alih itu)
di bawah penghakiman bertarikh haribulan 19.....
yang belum lagi dihantarserahkan kepada plaintif oleh defendan
mengikut penghakiman tersebut.

Salinan penghakiman yang bermeterai dilampirkan.

Betarikh pada haribulan 19.....

Plaintif
(atau *Peguam Syarie bagi Plaintif*)

Pemohonan ini difailkan oleh plaintif (atau Peguam Syarie bagi
plaintif} yang alamat penyampaiannya ialah

BORANG MS 34

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 152(3))

PERMOHONAN UNTUK MENETAPKAN MASA

(Tajuk Am)

Kepada..... defendan (atau
Peguam Syarie bagi defendan)

Ambil perhatian bahawa pemohon yang dinamakan
di atas akan memohon kepada Mahkamah Syariah
di..... pada hari..... pada haribulan
..... 19..... padapukul..... pagi/petang untuk mendapatkan
suatu perintah menetapkan masa untuk
..... sebagaimana yang diperintahkan
oleh Mahkamah Syariah dalam perintah bertarikh
pada haribulan 19.....

2, Permohonan ini disokong dengan affidavit sebagaimana yang
dilampirkan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Pemohon (atau Peguam Syarie bagi Pemohon)

Permohonan ini difailkan oleh pemohon (atau Peguam Syarie bagi
pemohon) yang alamat penyampaiannyaialah

BORANG MS 35

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 155)

PERINTAH PELAKSANAAN

(Tajuk Am)

Kepada Bailif,

Atas permohonan pemiutang penghakiman, anda dengan ini diperintahkan supaya melaksanakan penghakiman bertarikh haribulan 19..... yang diperoleh oleh pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman yang butir-butirnya ialah seperti yang berikut:

- Amaun penghakiman
- Kos
- Kos bagi perintah ini
- Amaun yang kena dibayar
- Tarikh perintah yang memberikan kebenaran untuk pelaksanaan

dan anda hendaklah melaksanakan penghakiman tersebut melalui mana-mana cara yang berikut:

- (1)
- (2)
- (3)

dan bahawa selepas membayar fee yang ditetapkan dan perbelanjaan pelaksanaan (termasuk kos bagi permintaan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan dan kos melaksanakannya), membawa ke dalam Mahkamah apa-apa wang yang telah dilevikan dan dengan serta-merta mengembalikan perintah ini kepada Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan19.....

Pendaftar

BORANG MS 36

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subperenggan 160(a){i})

**PERINTAH BAGI PELAKSANAAN MELALUI PENVITAAN
DAN PENJUALAN (PENAHANAN SYER, DSB.)**

(Tajuk Am)

Kepada.....
(penghutang penghakiman) yang beralamat di.....

Menurut perintah bagi pelaksanaan yang dibuat terhadap anda dalam presiding ini padaharibulan.....19..... berkenaan dengan jumlah wangsebanyak RM yang kena dibayar pada masa itu, dengan ini diperintahkan bahawa *syer/saham/debentur/bon yang dinyatakan dalam Jadual kepada perintah ini dan didaftarkan atas nama anda ditahan dan diambil bagi melaksanakan perintah tersebut.

Dan ambil perhatian bahawa pihak berkuasa, perbadanan, pegawai atau orang yang bertanggung bagi daftarnya dengan ini dilarang daripada membenarkan apa-apa pemindahan *syer/saham/debentur/bon tersebut tanpa kebenaran Mahkamah dan dengan ini dikehendaki membayar semua faedah atau dividen yang kena dibayar baginya ke dalam Mahkamah untuk kredit presiding ini sehingga perintah selanjutnya daripada Mahkamah.

JADUAL

Hakim/Pendaftar

* Potong jika tidak berkenaan.

BORANG MS 37

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Perenggan 161(2)(a)»

NOTIS HIWALAH

(Tajuk Am)

Atas perintah pelaksanaan bertarikh haribulan
..... 19.....

Adalah diperintahkan bahawa segala hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar oleh *muhal 'alaih* yang dinamakan di atas kepada penghutang penghakiman yang dinamakan di atas (dalam jumlah wang sebanyak RM) hendaklah ditahan untuk menjawab penghakiman yang didapatkan terhadap penghutang penghakiman tersebut oleh pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas di Mahkamah Syariah pada haribulan 19..... untuk jumlah wang (atau untuk menjawab suatu perintah yang dibuat di Mahkamah Syariah pada..... haribulan..... 19..... yang memerintahkan pembayaran oleh penghutang penghakiman tersebut kepada pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas jumlah wang sebanyak RM (hutang dan kos RM) (berserta dengan kos bagi presiding *hiwalah*) yang atas penghakiman (atau perintah) itu jumlah wang sebanyak RM masih lagi terhutang dan belum dibayar.

Ambil perhatian juga bahawa segala transaksi pelupusan atau pelepasan yang dibuat selepas penyampaian notis ini adalah tak sah dan anda boleh dikenakan membayar ganti rugi dan kos kepada pemiutang penghakiman.

Jika anda mempertikaikan tanggungan anda di bawah notis ini, anda hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis ini memfailkan suatu notis bantahan tentang tanggungan di bawah notis ini kepada Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

Hakim/Pendaftar

Kepada *muhal 'alaih* dan pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas.

Notis Bantahan

Ambil perhatian bahawa saya,
muhal 'alaih yang dinamakan di atas dengan ini membantah tanggungan yang dikenakan ke atas saya melalui notis ini atas alasan-alasan yang berikut:

*Muhal 'alaih (atau Peguam
Syarie bagi Muhal 'alaih)*

Notis ini difailkan oleh *muhal 'alaih* (atau Peguam Syarie bagi *muhal 'alaih*) yang alamat penyampaiannya ialah

BORANG MS 38

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Perenggan 161(2)(a))

NOTIS HIWALAH (HARTA DI DALAM MAHKAMAH)

(Tajuk Am)

Perintah bagi pelaksanaan bertarikh haribulan 19.....

Kepada:

Hakim/Pendaftar

Mahkamah Syariah.

Bahawasanya adalah dinyatakan oleh pemiutang penghakiman bahawa sejumlah wang sebanyak RM ada di dalam Mahkamah..... Syariah di..... untuk kredit penghutang penghakiman, dalam presiding

Bersama-sama ini saya kemukakan suatu salinan perintah bagi pelaksanaan yang disebut di atas dan meminta anda mengirinkan ke Mahkamah ini apa-apa wang, yang selainnya boleh atau kena dibayar kepada penghutang penghakiman daripada Mahkamah tersebut oleh sebab presiding berkenaan, sehingga, tetapi tidak melebihi, apa-apa amaun yang disebut dalam perintah pelaksanaan tersebut sebagai kena dibayar kepada pemiutang penghakiman.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 39

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Perenggan 161(2)(d))

SAMAN *HIWALAH*

(Tajuk Am)

Perintah bagi pelaksanaan bertarikh haribulan 19.....

Notts *Hiwalah* bertarikh haribulan 19.....

Kepada.....
yang beralamat di
..... *muhal 'alaih*.

Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah yang dinamakan di atas padahari..... pada..... haribulan 19..... pukul..... pagi/petang untuk diperiksa mengenai apa-apa harta penghutang penghakiman (nama) yang mungkin ada atau, sejak penyampaian notis *hiwalah* kepada anda, mungkin pernah ada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda dan mengenai apa-apa hutang yang kena dibayar atau yang terakru kena dibayar daripada anda kepada penghutang penghakiman tersebut, dan supaya membawa bersama anda kesemua buku dan dokumen lain yang berhubungan dengannya yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda.

Ambil perhatian bahawa, jika ingkar untuk hadir sedemikian, perintah akan dibuat terhadap anda semasa ketakhadiran anda.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

Hakim/Pendaftar

BORANG MS 40

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

{Subseksyen 169(1)}

PENYATA BAGI PERINTAH PELAKSANAAN

(Tajuk Am)

Perintah bagi pelaksanaan bertarikh..... haribulan..... 19.....

Cara pelaksanaan: (1)

Levi yang dibayar oleh penghutang pelaksanaan
RM

Butir-butir mengenai harta yang disita: (2)

Hartadijualpada.....haribulan..... 19.....oleh
..... dengan harga RM

Perbelanjaan perlaksanaan: (3)

Dibayar ke dalam Mahkamah:

untuk kredit pemiutang penghakiman

RM (4).....

sama.....

sama.....

sama.....

Bertarikh pada haribulan 19.....

Bailif

Catatan:

- (1) Cara pelaksanaan hendaklah mengikut satu atau lebih daripada satu cara yang disebut dalam perintah.
- (2) Nyatakan secara terperinci, dengan mengenai pasti inventori, jika perlu.
- (3) Nyatakan secara terperinci.
- (4) Berikan butir-butir mengenai apa-apa pembayaran untuk kredit pemiutang penghakiman lain yang baginya bailif memegang perintah bagi pelaksanaan.

BORANG MS 41

AKTA TATACARA MA/ MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 174)

NOTIS JUALAN

(Tajuk *Am*)

Notis dengan ini diberikan bahawa harta yang disita di
..... padahari..... pada.....,.....,.....haribulan
..... 19..... di bawah perintah penyitaan dan penjualan
No..... tahun 19.....akandijual dengan cara pelelongan
awampada.....haribulan..... 19.....pukul.....
pagi/petang melainkan jika amaun yang hendak dilevikan itu dan fee dan
perbelanjaan pelaksanaan dibayar terlebih dahulu.

Bertarikh pada haribulan 19

Bailif

BORANG MS 42

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 176(2))

**PERMINTAAN UNTUK MENDAPATKAN SAMAN PENGHUTANG
PENGHAKIMAN**

(Tajuk *Am*)

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan Saman Penghutang Penghakiman terhadap (nama dan perihalan penghutang penghakiman) yang beralamat di (alamat penghutang penghakiman) berkenaan dengan penghakiman (atau perintah) dalam prosiding ini bertarikh haribulan 19..... yang masih belum ditunaikan sebanyak RM

Tatacara Mal Mahkamah Syariah 143
(*Wilayah-Wilayah Persekutuan*)

Suatu salinan termeterai penghakiman itu dilampirkan bersama-sama ini.

Bertarikh pada haribulan 19.....

*Pemiutang Penghakiman (atau Peguam Syarie
bagi Pemiutang Penghakiman)*

Alamatpenyampaianaialah.....

BORANG MS 43

**AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997**

(Subseksyen 177(1))

(1) SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

(Tajuk Am)

Kepada.....
yang beralamat di penghutang
penghakiman yang dinamakan di atas.

Anda dengan ini disaman supaya nadir di hadapan Mahkamah
..... Syariah di pada hari
pada haribulan 19.....pukul
pagi/petang untuk diperiksa pada waktu itu dan di situ juga berkenaan
dengan keupayaan anda untuk menunaikan penghakiman yang
didapatkan terhadap anda dalam tindakan presiding di atas pada
.....haribulan 19 sebanyakRM
dan kos sebanyak RM dan yang berikutan dengan
penghakiman itu jumlah wang sebanyak RM
masih lagi terhutang.

Ambil perhatian bahawa jika anda tidak hadir sedemikian, maka
perintah untuk menangkap anda boleh dikeluarkan atau suatu perintah
bagi pembayaran boleh dibuat terhadap anda tanpa kehadiran anda.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. 19.....

Kerani

(Meterai)

Hakim/Pendaftar

**(2) SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN
TERHADAP PEGAWAI PERBADANAN**

(Tajuk Am)

Kepada..... yang beralamat di.....(seorang pegawai) dalam perbadanan defendan yang dinamakan di atas.

Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah Syariah di..... pada..... hari bulan..... 19..... pukul..... pagi/petang untuk diperiksa tentang tanggungan perbadanan defendan yang dinamakan di atas untuk menunaikan penghakiman (atau perintah) yang didapatkan (atau yang dibuat) terhadap perbadanan tersebut dalam tindakan di atas pada hari bulan 19..... sebanyak RM dan kos sebanyak RM yang berikutan dengan penghakiman (atau perintah) itu jumlah wang sebanyak RM masih lagi terhutang.

Ambil perhatian bahawa jika anda tidak hadir sedemikian, maka perintah untuk menangkap anda boleh dikeluarkan.

Bertarikh pada hari bulan 19

Catalan No. tahun 19

Kerani

(Meterai)

*Hakim/Pendaftar***BORANG MS 44**

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 179(2))

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN NOTIS PENGHAKIMAN

(Tajuk Am)

Saya..... yang beralamat di.....
plaintif (atau defendan) dan pemiutang penghakiman yang dinamakan
di atas memohon supaya suatu notis penghakiman dikeluarkan terhadap

penghutang penghakiman untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara kerana ingkar membuat pembayaran.

(Butir-butir penghakiman dan penghutang penghakiman)

- (a) Nama dan alamat penuh penghutang penghakiman.
- (b) Tarikh dan butir-butir perintah bagi pembayaran yang berkenaan dengannya kemungkiran telah dilakukan.
- (c) Jumlah amaun yang telah dibayar sejak tarikh perintah itu.
- (d) Jumlah wang atau ansuran yang berkenaan dengannya kemungkiran telah dilakukan.
- (e) Tarikh jumlah wang atau ansuran itu sepatutnya telah dibayar mengikut perintah itu.
- (f) Pekerjaan penghutang, hal keadaan dan kemampuannya untuk membayar, setakat yang diketahui oleh pemohon.

Bertarikh pada haribulan19.....

Plaintif (atau Defendan)

AFIDAVIT SOKONGAN

Saya, pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas bersumpah dan menyatakan:

Bahawa butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar sepanjang yang saya ketahui dan percaya.

Diangkat sumpah (seperti dalam Borang 26).

BORANG MS 45

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 180(1))

NOTIS PENGHAKIMAN

(Tajuk Am)

Kepada penghutang penghakiman,

Ambil perhatian bahawa anda dikehendaki hadir di Mahkamah Syariah di pada hari..... pada haribulan 19 pukul pagi/petang untuk menunjukkan sebab mengapa anda tidak patut dikomitkan ke penjara kerana mengingkari perintah Mahkamah bertarikh haribulan 19..... iaitu kerana telah melakukan kemungkiran dalam pembayaran ansuran yang kena dibayar di bawah perintah itu (atau nyatakan perintah yang diingkari atau yang tidak dipatuhi itu).

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

Pendaftar

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan)*

147

BORANG MS 46

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 182)

PERINTAH PENGKOMITAN

(Tajuk Am)

Kepada Bailif,

Bahwasanya suatu perintah telah dibuat oleh Mahkamah pada..... haribulan 19..... yangmenurutnyatelah diperintahkan bahawa penghutang penghakiman yang dinamakan di atas hendaklah membayar hutang penghakiman dan kos dengan cara ansuran sebanyak RM sebulan:

Dan bahwasanya dia telah ingkar membayar ansuran yang berjumlah sebanyak RM

Anda adalah dengan ini diperintahkan supaya menangkap tersebut dan menyerahkannya kepada pegawai yang menjaga Penjara dan di situ ditahan selama tempoh hari dari penangkapannya di bawah Perintah ini atau sehinggalah dibuat pembayaran yang lebih awal ansuran yang kena dibayar itu yang berjumlah sebanyak RM

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

BORANG MS 47

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 184(1))

PERAKUAN PENUNAIAN

(Tajuk Am)

Saya..... yangberalamatdi..... yang merupakan pemiutang penghakiman, dengan ini memperakui bahawa hutang yang berkenaan dengannya penghutang penghakiman dipenjarakan telah ditunaikan dan saya meminta supaya tersebut dilepaskan daripada tahanan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

.....
*Pemiutang Penghakiman (atau Peguam Syarie
bagi Pemiutang Penghakiman)*

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

Perakuan ini menjadi kuasa yang cukup untuk melepaskan penghutang penghakiman daripada tahanan di bawah Perintah Pengkomitan No. tahun 19..... yang dikeluarkan berkenaan dengan hutang penghakiman yang tidak dibayar.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

BORANG MS 48

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 184(3))

PERINTAH PELEPASAN

(Tajuk Am)

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

Bahawasanya telah ditunjukkan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa penghutang penghakiman telah menunaikan hutang penghakiman yang mengenainya dia dipenjarakan di bawah Perintah Pengkomitan No. tahun 19..... bertarikh pada haribulan 19..... dalam tindakan di atas.

Anda adalah dengan ini diarahkan supaya melepaskan penghutang penghakiman tersebut daripada jagaan anda dan Perintah ini menjadi kuasa yang cukup bagi anda untuk melepaskannya.

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

BORANG MS 49

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 187(1))

PERMOHONAN INTERLOKUTORI

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas bercadang memohon kepada Mahkamah Syariah di..... padahari..... pada..... haribulan..... 19..... pukul..... pagi/petang untuk mendapatkan suatu perintah bahawa (nyatakan jenis permohonan).

2. Alasan-alasan permohonan ialah:

- | | |
|---------|----------------------------|
| 1. | } (Nyatakan alasan-alasan) |
| 2. | |
| 3. | |

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catalan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

Notis ini dikeluarkan oleh plaintif (atau defendan) yang beralamat di (nyatakan alamat).

BORANG MS 50

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Seksyen 197(2))

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH INTERIM

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas bercadang untuk memohon kepada Mahkamah Syariah di..... padahari..... pada haribulan 19..... pukul pagi/petang untuk mendapatkan suatu perintah interim bahawa (nyatakan jenis permohonan).

2. Alasan-alasan permohonan ialah:

- | | |
|---------|----------------------------|
| 1. | } (Nyatakan alasan-alasan) |
| 2. | |
| 3. | |

3. Permohonan ini disokong dengan afidavit yang dilampirkan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Catatan No. tahun 19.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

Kepada defendan (atau plaintif).

Permohonan ini dikeluarkan oleh plaintif (atau defendan) yang beralamat di (nyatakan alamat).

BORANG MS 51

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

(Subseksyen 210(2))

NOTIS RAYUAN KEPADA HAKIM DI DALAM KAMAR

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas bercadang untuk merayu terhadap keputusan Pendaftar yang diberikan pada..... haribulan 19..... yang memerintahkan (atau enggan untuk memerintahkan) (nyatakan dengan penuh perintah yang dirayukan itu).

Bertarikh pada haribulan 19.....

.....
Plaintif/Defendan
(Peguam Syarie bagi Plaintif/Defendan)

Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa anda adalah dikehendaki hadir di hadapan Hakim di dalam Kamar pada hari pada haribulan 19 pukul..... pagi/ petang bagi pendengaran permohonan oleh plaintif (atau defendan) tersebut bahawa (nyatakan perintah yang hendak didapatkan itu).

Bertarikh pada haribulan 19.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Kepada defendan (atau plaintif)-

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan berhubung dengan tatacara *mal* bagi Mahkamah Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan.
3. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas, pemakaian dan tarikh mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan. *Fasal 2* mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Akta dalam semua prosiding *mal* yang dimulakan di Mahkamah Syariah. *Fasal 3* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta. *Fasal 4* mengadakan peruntukan mengenai tajuk am yang hendaklah digunakan dalam tiap-tiap dokumen yang difailkan di Mahkamah.

BAHAGIAN II

4. Bahagian II memperkatakan ketakpatuhan mana-mana peruntukan Akta.
5. *Fasal 5* menyatakan kesan ketakpatuhan itu dan *fasal 6* memperkatakan permohonan untuk mengetepikan prosiding atau penghakiman kerana tak teratur.

BAHAGIAN III

6. Bahagian III memperkatakan cara memulakan prosiding *mal*.
7. Bab 1 menghendaki tiap-tiap prosiding *mal* di Mahkamah Syariah dimulakan dengan saman sementara prosiding berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dimulakan dengan permohonan.
8. Bab 2 mengadakan peruntukan mengenai bentuk, salinan, pengeluaran dan penyampaian saman, tempoh sah saman dan kuasa Mahkamah untuk mengeluarkan saman baru bagi menggantikan saman yang hilang.
9. Bab 3 mengadakan peruntukan mengenai cara membuat sesuatu permohonan. *Fasal 15* dengan khusus memperuntukkan bahawa permohonan bagi perceraian hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. *Fasal 16* membenarkan apa-apa tuntutan atau pembelaan dibuat secara lisan.

BAHAGIAN IV

10. Bahagian IV memperkatakan pihak-pihak dalam presiding.
11. Bab 1 mengandungi peruntukan am mengenai pihak-pihak. *Fasal 18, 19 dan 20* masing-masingnya memperkatakan percantuman pihak-pihak, perubahan pihak-pihak dan kesalahcantuman dan ketakcantuman pihak-pihak. *Fasal 21* memperkatakan pindaan dan penyampaian sekiranya berlaku apa-apa perubahan pihak-pihak semasa mana-mana presiding belum selesai. *Fasal 22* memperkatakan pemberhentian tindakan dan *fasal 23* memperkatakan penurunan kepentingan.
12. Bab 2 adalah berhubungan dengan presiding berkenaan dengan orang tak berkeupayaan.
13. Bab 3 adalah berhubungan dengan presiding oleh atau terhadap orang miskin.

BAHAGIAN V

14. Bahagian V memperkatakan Peguam Syarie.
15. *Fasal 34 dan 36* masing-masingnya mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan dan penukaran Peguam Syarie. *Fasal 37* memperkatakan pelepasan Peguam Syarie oleh pelanggannya sementara *fasal 38* mengadakan peruntukan tentang permohonan pelepasan oleh Peguam Syarie.

BAHAGIAN VI

16. Bahagian VI memperkatakan penyampaian.
17. Bab 1 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian saman dan dokumen lain di dalam bidang kuasa.
18. Bab 2 adalah berhubungan dengan penyampaian di luar bidang kuasa.

BAHAGIAN VII

19. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan interplider.
20. *Fasal 56* menyatakan hal keadaan bila relief melalui interplider boleh didapatkan. *Fasal 57* mengadakan peruntukan mengenai tatacara membuat suatu tuntutan berkenaan dengan wang atau harta alih lain

yang diambil atau dicadangkan hendak diambil dalam pelaksanaan apa-apa penghakiman. *Fasal 58* menyatakan cara membuat permohonan untuk mendapatkan suatu saman interplider. Penyampaian saman itu diperuntukkan dalam *fasal 59*. *Fasal 60, 61* dan *62* adalah berhubungan dengan kuasa Mahkamah dalam mendengar saman interplider dan perbicaraan mengenainya.

BAHAGIAN VIII

21. Bahagian VIII memperkatakan pliding.
22. *Fasal 63* dan *65* masing-masingnya menyatakan bentuk pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan. *Fasal 64* menghendaki seseorang defendan yang mempertikaikan tanggungannya dalam sesuatu tindakan supaya menyampaikan pembelaannya atau hadir pada hari kehadiran untuk mempertikaikan tuntutan plaintif. *Fasal 66* dan *67* masing-masingnya memperkatakan tuntutan balas dan pembelaan terhadap tuntutan balas. *Fasal 68* adalah berhubungan dengan pembelaan tawaran.

BAHAGIAN IX

23. Bahagian IX memperkatakan pembayaran ke dalam dan daripada Mahkamah.
24. *Fasal 72* dan *73* masing-masingnya menyatakan hal keadaan bila pembayaran ke dalam Mahkamah dan pembayaran daripada Mahkamah boleh dibuat. *Fasal 74* adalah berhubungan dengan pembayaran berkenaan dengan sebahagian daripada tuntutan. *Fasal 75* melarang pembayaran daripada Mahkamah tanpa perintah daripada Mahkamah itu.

BAHAGIAN X

25. Bahagian X memperkatakan pindaan.
26. *Fasal 80* dan *81* masing-masingnya mengadakan peruntukan mengenai tatacara meminda saman dan meminda permohonan. *Fasal 82* memperkatakan prosiding cacat. *Fasal 83* menyatakan cara meminda dan *fasal 84* adalah berhubungan dengan kesilapan tulis atau ralat yang boleh dibetulkan oleh Mahkamah tanpa formaliti.

BAHAGIAN XI

27. Bahagian XI memperkatakan penzahiran.

28. *Fasal 85* memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan pengemukaan dokumen yang ada dalam milikan atau kuasa mana-mana pihak. *Fasal 86* dan *87* masing-masingnya mengandungi peruntukan mengenai pemeriksaan dokumen dan komunikasi dan dokumen terlindung. *Fasal 88* memperuntukkan bahawa tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN XII

29. Bahagian XII memperkatakan pemindahan prosiding.

30. *Fasal 89* menyatakan hal keadaan bila prpsiding boleh dipindahkan daripada satu Mahkamah kepada satu Mahkamah yang lain. *Fasal 90* mengadakan peruntukan mengenai tatacara pemindahan sedemikian. *Fasal 92* dan *93* masing-masingnya mengadakan peruntukan mengenai tatacara pemindahan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rendah Syariah dan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN XIII

31. Bahagian XIII memperkatakan penyelesaian, penarikan balik dan pemberhentian tindakan.

32. *Fasal 94* mengadakan peruntukan mengenai penyelesaian tindakan dengan persetujuan pihak-pihak, *Fasal 95* dan *96* mengadakan peruntukan mengenai penarikan balik tuntutan dan kesannya ke atas prosiding selanjutnya. *Fasal 97* adalah berhubungan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penggantungan prosiding jika kos berkenaan dengan prosiding terdahulu belum dibayar. *Fasal 98* menyatakan tatacara bagi penarikan balik pembelaan. Penyelesaian pertikaian melalui *sulh* diperuntukkan dalam *fasal 99*.

BAHAGIAN XIV

33. Bahagian XIV memperkatakan keterangan.

34. Bab 1 mengandungi peruntukan am berhubungan dengan keterangan.

35. Bab 2 memperkatakan sepina. *Fasal 102* hingga *111* mengandungi, antara lain, peruntukan mengenai permintaan untuk mengeluarkan sepina, bilangan orang dalam sesuatu sepina dan sepina untuk mengemukakan dokumen.

36. Bab 3 memperkatakan afidavit. *Fasal 112*, *113*, *115* dan *776* masing-masingnya mengadakan peruntukan mengenai pembuatan, bentuk, penolakan dan pindaan kepada afidavit. *Fasal 117* melarang afidavit difailkan selepas perbicaraan dimulakan dan *fasal 118* menyatakan tatacara bagi mempertikaikan fakta yang dideposkan dalam afidavit.

BAHAGIAN XV

37. Bahagian XV memperkatakan pendengaran prosiding.

38. *Fasal 119* menyatakan bila presiding hendaklah didengar di dalam Mahkamah terbuka atau di dalam Kamar. *Fasal 120* menyatakan oleh siapa kehadiran boleh dibuat sementara *fasal 121* menyatakan kuasa Mahkamah jika pihak-pihak tidak hadir. *Fasal 122* mengadakan peruntukan mengenai kesan penggantungan, penarikan, dsb. dalam hal tuntutan balas. *Fasal 124* dan *125* masing-masingnya memperkatakan nota keterangan dan dokumen dan eksibit yang dikemukakan sebagai keterangan.

39. *Fasal 126* mengadakan peruntukan mengenai susunan ucapan oleh pihak-pihak. *Fasal 127* memberi Mahkamah kuasa untuk memanggil mana-mana pihak untuk mengemukakan keterangan.

BAHAGIAN XVI

40. Bahagian XVI memperkatakan penghakiman dan perintah.

41. *Fasal 130* menghendaki tiap-tiap hakim menyampaikan penghakiman bertulis. Di bawah *fasal 132*, Mahkamah hendaklah menetapkan terma sesuatu penghakiman atau perintah dalam penghakiman atau perintah itu. *Fasal 133* menyatakan bila ansuran kena dibayar dan *fasal 134* memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan pembayaran hutang penghakiman secara ansuran.

BAHAGIAN XVII

42. Bahagian XVII adalah berhubungan dengan rayuan.

43. *Fasal 139* menyatakan tatacara rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Tatacara rayuan balas diperuntukkan dalam *fasal 140*. *Fasal 141* menyatakan masa yang dalamnya alasan rayuan hendaklah dikemukakan. *Fasal 142* adalah berhubungan dengan penyediaan rekod rayuan jika perayu diwakili dan *fasal 143* adalah berhubungan dengan penyediaan rekod itu jika perayu tidak diwakili atau merayu sebagai orang miskin. *Fasal 144* memperuntukkan bahawa pemfailan sesuatu notis rayuan tidaklah berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan. Pelaksanaan penghakiman apabila ada rayuan diperkatakan dalam *fasal 146*.

BAHAGIAN XVIII

44. Bahagian XVIII memperkatakan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman.

45. Bab 1 mengkehendaki supaya sesuatu penghakiman dipatuhi tanpa desakan.

46. Bab 2 memperkatakan penguatkuasaan penghakiman dalam *fasal 148, 149, 150 dan 151*. *Fasal 152* memberi Mahkamah kuasa untuk menetapkan masa sesuatu perbuatan hendaklah dilakukan dan *fasal 153* mengadakan peruntukan mengenai pelaksanaan penghakiman terhadap seseorang yang bukan pihak dalam kausa atau perkara itu.

47. Bab 3 memperkatakan pelaksanaan penghakiman dan perintah. *Fasal 154* sehingga *759* mengadakan peruntukan mengenai tatacara pelaksanaan secara am. *Fasal 160, 161 dan 163* masing-masingnya menyatakan tatacara pelaksanaan melalui penyitaan dan penjualan, presiding *hiwalah* dan penyitaan dan penghantarserahan barang. *Fasal 164* hingga *174* mengadakan peruntukan mengenai pelbagai perkara lain yang berhubungan dengan pelaksanaan.

48. Bab 4 mengandungi peruntukan khas yang berhubungan dengan saman penghutang penghakiman. *Fasal 176* membolehkan pemiutang penghakiman menghendaki kehadiran penghutang penghakiman di Mahkamah untuk diperiksa tentang kemampuannya untuk membayar hutang penghakiman. *Fasal 178* menyatakan tatacara pemeriksaan seseorang penghutang penghakiman. *Fasal 179 dan 180* masing-masingnya mengadakan peruntukan mengenai permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman dan pengeluaran notis penghakiman. *Fasal 181* memberi Mahkamah kuasa untuk membuat perintah pengkomitan dan *fasal 184* adalah berhubungan dengan perakuan penunaian.

BAHAGIAN XIX

49. Bahagian XIX adalah berhubungan dengan pembahagian mengikut kadar.

50. *Fasal 186* mengadakan peruntukan mengenai pembahagian mengikut kadar bagi aset yang dihasilkan melalui penjualan pada melaksanakan sesuatu perintah atau penghakiman.

BAHAGIAN XX

51. Bahagian XX memperkatakan prosiding interlokutori dan perintah interim.

52. Bab 1 adalah berhubungan dengan prosiding interlokutori. Cara untuk memohon prosiding interlokutori diperuntukkan dalam *fasal 187*. *Fasal 188 dan 189* mengadakan peruntukan mengenai pemfailan dan penyampaian permohonan sedemikian. Kuasa Mahkamah jika pihak-pihak tidak hadir diperkatakan dalam *fasal 193*.

53. Bab 2 memperkatakan perintah interim. *Fasal 197* hingga *199* memberi Mahkamah kuasa untuk memberikan suatu perintah interim dan perintah pemeliharaan. *Fasal 200* hingga *202* memberi Mahkamah kuasa untuk memberikan injuksi, perintah interim tentang *hadhanah* dan perintah interim tentang nafkah. Melalui *fasal 203* dan *204*, Mahkamah diberi kuasa masing-masingnya untuk memerintahkan supaya diambil sampel dan dijual harta mudah musnah.

BAHAGIAN XXI

54. Bahagian XXI mengadakan pemntukan mengenai kuasa Hakim dan Pendaftar.

BAHAGIAN XXII

55. Bahagian XXI memperkatakan wang dan harta di dalam Mahkamah.

56. *Fasal 211* menghendaki tiap-tiap Mahkamah menyimpan suatu akaun rasmi mengikut Hukum Syarak di mana-mana bank. *Fasal 212, 215* dan *216* masing-masingnya menyatakan tatacara pembayaran wang ke dalam dan daripada Mahkamah dan cara pembayaran sedemikian. *Fasal 220* meletakhakkan pada *Baitulmal* segala dana dan harta lain di dalam Mahkamah yang tidak dituntut selepas lima belas tahun.

BAHAGIAN XXIII

57. Bahagian XXIII memperkatakan kos, elaun dan fee mahkamah.

58. *Fasal 221* dan *222* memperkatakan fee mahkamah dan kos prosiding *sementara*. *fasal 224* hingga *228*, antara lain, mengadakan peruntukan mengenai pembayaran elaun saksi, elaun pakar, dan elaun penginapan dan perjalanan.

BAHAGIAN XXIV

59. Bahagian XXIV memperkatakan penghinaan Mahkamah.

60. *Fasal 229* memberi Mahkamah kuasa untuk memulakan prosiding penghinaan terhadap mana-mana orang dan untuk membuat suatu perintah pengkomitan. *Fasal 230* memperkatakan penghinaan oleh pertubuhan perbadanan *dan* *fasal 231* mewujudkan kesalahan menghina mahkamah kerana melakukan sesuatu perbuatan atau mengambil apa-apa prosiding tanpa kebenaran yang sah.

BAHAGIAN XXV

61. Bahagian XXV memperkatakan perkara pelbagai.

62. *Fasal 232* mengadakan peruntukan mengenai bahasa di Mahkamah. *Fasal 238* memperkatakan pemanjangan atau pemendekan masa berkenaan dengan prosiding di bawah Akta yang dicadangkan. *Fasal 241* membolehkan apa-apa proses atau dokumen disampaikan oleh Mahkamah lain. *Fasal 244* mengadakan peruntukan mengenai kuasa sedia ada Mahkamah. *Fasal 246* menubuhkan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah dan kuasa Jawatankuasa Kaedah-Kaedah itu diperkatakan dalam *fasal 247*.

63. *Fasal 248* mengadakan peruntukan mengenai pemberhentian pemakaian seksyen 76 hingga 93 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Selangor tahun 1952 sebagaimana yang diubahsuaikan dan diperluas ke Wilayah-Wilayah Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2013.]